

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 10

Rabu

18 Mei 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 (Halaman 35)
Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 (Halaman 57)
Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2005 (Halaman 113)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu 18 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat, dalam membahaskan rang undang-undang, Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menampakkan kesungguhan meneliti konteks. Saya memperoleh ilham daripada apa yang dicontohi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat itu untuk saya turut memandu masa pertanyaan kini supaya tepat kepada apa yang dicontohi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Sebagai contoh, dalam pertanyaan pertama, konteksnya ialah graduan menganggur dalam konteks skim latihan dalam bidang pertanian. Saya hanya akan membenarkan pertanyaan tambahan dalam konteks graduan menganggur, bidang pertanian, skim latihan. Saya harap jangan ada pertanyaan tambahan graduan menganggur dalam konteks kejuruteraan. Terima kasih.

1. Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian berhasrat mengadakan skim latihan usahawan kepada golongan graduan menganggur yang berminat menceburi bidang pertanian dan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada mereka semasa dan selepas menjalani latihan usahawan tani tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 35 daripada Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat kerana kedua-dua soalan ini adalah hampir serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memang beberapa usaha telah dijalankan oleh kementerian ini untuk menarik minat golongan graduan atau belia menceburi bidang pertanian. Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan ini kementerian sedang menjalankan beberapa latihan dalam bidang pertanian dan ini adalah beberapa langkah yang diambil:

- (i) mengadakan kursus bimbingan usahawan dan pemindahan teknologi melalui program inkubator dan aktiviti anak angkat bersama juga dengan kursus jangka pendek iaitu antara satu hingga tiga minggu;
- (ii) merangka dan mengadakan kursus kemahiran pertanian yang lebih formal iaitu di antara tahap satu hingga lima di bawah Sijil Kemahiran Malaysia yang dikelolakan oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan di mana ada 44 buah institut di seluruh negara;
- (iii) mengadakan khidmat perundingan, sokongan teknikal dan perkhidmatan pengembangan untuk membantu mereka yang berminat di dalam bidang ini termasuklah juga membantu mereka menyediakan pelan pembangunan projek, pelan *business* dan sebagainya;
- (iv) memberikan insentif berbentuk fiskal iaitu kepada pelabur supaya mereka dapat insentif ditawarkan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 dan juga Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (v) insentif yang bukan fiskal yang berbentuk pelbagai jenis geran khas bagi industri kecil dan sederhana serta memberi input-input pertanian dan bermacam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Paling tepat. Silakan Datuk Syed Ali.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian memantau dan

memastikan bentuk bantuan yang diberikan tanpa banyak birokrasi kerana dengan adanya banyak

Tuan Yang di-Pertua: “Kerana” itu tidak perlulah, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Satu daripada pemantauan iaitu kita selalunya menggalak mereka yang lepasan daripada latihan yang diberikan oleh kementerian untuk diberi bantuan. Jadi dari segi itu, itulah cara pemantauan yang terbaik sebab mereka dilatih dan kita akan memastikan mereka sentiasa dapat kejayaan dari permulaan sehingga seterusnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Siti Zailah dan selepas itu Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada peserta-peserta yang telah menjalani kursus yang telah disediakan oleh kerajaan, berapa ramaikah graduan kita yang telah berjaya terlibat dalam bidang pertanian setakat ini?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada statistik terperinci seperti yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua: Pohon notis.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pohon notis. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Tabung Belia Tani jenis tabung yang digunakan oleh pihak kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Tabung Belia Tani berkait dengan pertanyaan yang berbangkit?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tabung Belia Tani itu di bawah kementerian yang lain. Kami ada di bawah Bank Pertanian iaitu Tabung Siswazah Tani.

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Tuan Ismail Kasim, had saya sudah dipenuhi.

2. Datuk M. Ratnam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada apa-apa cadangan di pihak kerajaan untuk meningkatkan umur persaraan bagi kakitangan awam dari 56 ke 58 tahun. Sekiranya dilaksanakan, bagaimanakah kesannya kepada penjawat awam yang sedang menunggu untuk kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor 2, konteksnya ialah persaraan kakitangan awam - kesannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendirian bahawa buat masa ini umur persaraan wajib pegawai perkhidmatan awam sekarang iaitu 56 tahun wajar dikekalkan, dan setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan umur persaraan bagi kakitangan kerajaan dan kakitangan awam daripada 56 tahun ke 58 tahun.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan meneruskan amalan untuk mengambil pegawai tertinggi yang telah pun bersara secara kontrak setiap dua tahun kerana kesannya ialah akan - kepada pegawai-pegawai awam yang sedang menunggu untuk kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua: Pengambilan balik...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: ...terkeluar daripada soalan persaraan, maka saya tidak membenarkan.

3. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Kewangan menyatakan perancangan kerajaan dalam mengurangkan kadar mufliis bagi kes-kes seperti kad kredit, pinjaman persendirian dan lain-lain lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, masalah bebanan hutang perlu ditangani dengan meningkatkan tahap celik kewangan dan mendidik para pengguna agar dapat menguruskan kewangan mereka dengan lebih bijak. Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pengguna melalui program pendidikan pengguna yang dikenali sebagai *info perbankan* ataupun *banking info*.

Info perbankan ini bertujuan untuk memperbaiki keupayaan pengguna bagi membuat keputusan berhubung urusan kewangan mereka dengan yakin, khususnya memberikan kuasa kepada pengguna agar dapat membuat keputusan mengenai simpanan atau pelaburan dengan bijak. Sehingga kini sebanyak 18 buah buku kecil

telah diterbitkan bertujuan untuk mendidik pengguna berhubung isu-isu seperti pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, penjamin dan biro kredit.

Selain itu, buku kecil berjodoh '*Mengurus Wang Anda*' juga telah diterbitkan bagi membantu pengguna merancang dan mengurus hal kewangan dengan betul. Di peringkat sekolah, Tuan Yang di-Pertua, program sekolah angkat telah dimulakan semenjak 1996, bertujuan untuk menyemai tabiat pengurusan kewangan yang bijak di kalangan pelajar sekolah dengan menyediakan perkhidmatan, pendidikan yang mudah dan praktikal berhubung asas pengurusan wang dan mereka dengan menggunakan wang saku pelajar sebagai alat bantu mengajar. Program untuk menyemai tabiat pengurusan kewangan yang bijak juga turut diperluas bagi mencakupi golongan sasaran yang lebih ramai termasuklah golongan wanita, guru-guru dan kumpulan pekerja melalui penggunaan buku perancangan dan penyata kewangan keluarga bagi membantu keluarga dalam menguruskan pendapatan isi rumah, simpanan dan pelaburan.

Selain dari itu, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah-langkah untuk membolehkan institusi perbankan membuat penilaian kredit secara menyeluruh dan berkesan ke atas bakal peminjam dengan pelaksanaan garis panduan amalan terbaik bagi pengurusan risiko dan penumbuhan pusat biro kredit.

Dari segi pemberian sesuatu pinjaman..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu beri peluang untuk pertanyaan tambahankah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya: Sikit lagi, nak bagi cerita bagi habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cerita tidak habis-habis, Yang Berhormat, [*Ketawa*] kalau kita nak cerita. Okey.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya: Kalau tidak, tidak ada peluang hendak tanya soalan, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi pemberian sesuatu pinjaman kredit pula, ia berdasarkan kepada proses penilaian kredit dan polisi dalaman pemberian pinjaman institusi perbankan masing-masing. Institusi perbankan akan menilai sama ada kriteria-kriteria yang ditetapkan telah dipenuhi ketika mempertimbangkan sesuatu permohonan termasuklah menilai keupayaan kewangan pemohon, sejarah kredit, rekod pengendalian

akaun yang sedia ada, punca pendapatan untuk pembayaran balik pinjaman dan cagaran yang ada, sekiranya perlu.

Keputusan sama ada sesuatu pinjaman akan diberi kepada pemohon dibuat setelah mengambil kira semua faktor yang relevan. Dari segi kad kredit pula, Tuan Yang di-Pertua, satu garis panduan kad kredit telah dikeluarkan dalam tahun 2003, menetapkan keperluan minimum operasi kad kredit yang perlu dipatuhi oleh semua pengeluar kad kredit. Garis panduan ini antara lain menggariskan kriteria kelayakan minimum bagi permohonan kad kredit, keperluan-keperluan kad kredit untuk membuat penilaian kredit berhemat, caj faedah maksimum keperluan pendedahan maklumat dan lain-lain.

Dalam hal ini adalah penting bagi pengguna memahami kad kredit sepatutnya digunakan sebagai mekanisme pembayaran dan bukannya sebagai sumber kredit, namun begitu sekiranya digunakan sebagai sumber kredit ia haruslah digunakan untuk tempoh sementara dan jangka pendek.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau perkembangan pasaran kredit pengguna dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan pasaran kredit pengguna sentiasa sihat dan kompetitif, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya bukan sahaja ada perancangan, malah ada program dan langkah-langkah yang khusus. Saya bimbang Yang Berhormat tersinggung kalau saya tidak benarkan pertanyaan tambahan, hati saya hendak tidak mahu benar sebab jawapan terlalu panjang tetapi kerana tak mahu Yang Berhormat tersinggung saya benarkan satu pertanyaan tambahan.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuma ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, apakah jika kita kurangkan kredit limit untuk pemegang-pemegang kredit kad ini, dapat mengurangkan perbelanjaan si pemegang kredit kad dan mengurangkan muflis.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan tepat. Adakah langkah mengurangkan kredit limit satu langkah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, memang negara Malaysia sedang meneliti garis panduan baru untuk hal kad kredit ini, mungkin peraturan

yang sekarang ini diperketatkan lagilah termasuk kredit limit dan sebagainya. Memang ada perancangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

4. **Tuan Bon You** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab kekurangan jururawat bukan Melayu yang mengikuti kursus diploma di kolej kejururawatan yang dikendalikan oleh kementerian dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan pengambilan jururawat bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Kekurangan jururawat bukan Melayu dan langkah-langkah mengatasinya. Jangan bincang soal jururawat Melayu, Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan dan mengingatkan saya, sebab utama kenapa jumlah dan trend jururawat bukan Melayu, khususnya etnik China yang mengikuti kursus diploma kejururawatan yang dikendalikan oleh (KKM) semakin berkurang, khususnya dalam trend lima tahun yang mutakhir adalah kurang minat mereka melihat profesion jururawat atau misi sebagai tidak *glamour* . Ekoran daripada itu kementerian mengadakan beberapa program:

- (i) mengadakan kempen yang berterusan melalui kolej-kolej kementerian di peringkat negeri. Program ini kita sasarkan kepada penuntut-penuntut sekolah menengah terutama yang menduduki peperiksaan SPM;
- (ii) mengadakan pameran-pameran di tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai seperti di pusat-pusat membeli-belah;
- (iii) hebahan melalui radio elektronik dan media cetak mengenai faedah dan kelebihan yang diperolehi sekiranya mengikut kursus kejururawatan ini seperti pemberian biasiswa, kemudahan tempat tinggal dan sebagainya;
- (iv) kerjasama dengan SPA dalam aspek pengiklanan dan juga permohonan untuk mengikuti latihan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng, lepas itu Puan Wan Ubaidah, sebab saya tidak membenarkan soalnya tadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kementerian ini memperkenalkan satu skim perkhidmatan yang memberi peluang kepada semua pihak ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan selepas itu mengiktirafkan kelayakan mereka yang baru itu, adakah ini akan menambah lagi minat di antara golongan ini yang begitu berkurangan pada masa sekarang. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Chin, itu secara teorinya kalau kita memperbaiki skim perkhidmatan kita akan dapat satu keputusan yang baik

Tuan Yang di-Pertua: Supaya memperbaiki skim perkhidmatan supaya membolehkan mereka ikuti pelajaran lanjutan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Itu secara teori, bolehlah. Tapi secara praktikalnya ini berkait rapat dengan suasana yang berada di sekeliling masyarakat kita, banyak lagi profesion-profesion yang lebih glamour, tidak perlu tinggalkan suami, tidak perlu bekerja syif, ini semua perlu diambil kira dalam skim perkhidmatan. Walau bagaimana pun skim perkhidmatan ini mesti juga mendapat persetujuan daripada SPA dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah usaha-usaha kementerian bagi meningkatkan pengambilan jururawat lelaki dan setakat ini berapakah bilangan jururawat lelaki yang bekerja sebagai jururawat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jururawat lelaki bukan Melayu. Konteksnya bukan Melayu.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jururawat lelaki, kita sudah mula ambil sejak 4 tahun yang lalu tetapi bilangan etnik Cina yang berminat untuk mengikuti kursus ini masih sama juga.

5. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah jaminan kepada pembeli rumah sekiranya terdapat keciciran, kekurangan dan ketidakpuasan apabila Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) itu dikeluarkan oleh para arkitek dan bukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah garis panduan baru yang dicadangkan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan penggantian CFO dengan sijil penyediaan dan pematuhan atau *Certificate Of Completion and Compliance* (CCC) yang dikeluarkan oleh golongan profesional adalah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Walau bagaimanapun, kepentingan semua pihak yang berkaitan seperti ahli profesional, pemaju dan pembeli diambil kira dalam penyediaan prosedur berkaitan sistem baru tersebut.

Di samping itu, hanya golongan profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek dan Jurutera Malaysia sahaja dibenarkan untuk mengeluarkan CCC bagi sesuatu projek yang diluluskan. Bagi melindungi kepentingan pembeli, pelbagai pengesahan akan dikenakan di setiap peringkat pembinaan seperti asas pembangunan, sistem pendawaian dan pemasangan paip air, di mana pihak yang diberi tanggungjawab seperti juru perunding, penyelia dan kontraktor dikehendaki menandatangani borang pengesahan siap kerja.

Di samping itu, kaedah *check and balance* masih dikekalkan, di mana PBT diberi kuasa memasuki tapak pembinaan semasa dan selepas pembinaan untuk pemeriksaan seperti termaktub di dalam undang-undang kecil UKBS dan PBT boleh mengeluarkan notis supaya kerja-kerja diperbetulkan jika ia didapati tidak mematuhi syarat-syarat piawaian yang ditetapkan.

Jika terdapat kekurangan atau kecacatan selepas CCC dikeluarkan, dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan, pihak pembeli mempunyai hak untuk membuat tuntutan kepada pemaju berkenaan untuk membetulkan kekurangan atau kecacatan yang dialami. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana ada para arkitek yang sekarang dilantik sebagai *in house architect*, adakah desakan dan tekanan daripada majikannya memerlukan supaya mengesahkan sesuatu itu sudah siap sungguhpun belum siap dan kalau kecuaiannya semacam ini berlaku apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Pada masa sekarang pun mengikut undang-undang, dengan izin, mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan, Seksyen 95, dengan izin, dalam bahasa Inggeris,

“The state authority atau local authority shall not be subject to any action claim liabilities or demand of the fact that such building, earth or plans are subject to inspection and approval by the local authority.”

So, pada masa sekarang pun tanggungjawab ialah pada arkitek yang memberi pengesahan, yang menjadi pengawal kepada projek pembangunan itu. Keadaan itu tidak akan berubah di dalam situasi baru di mana CCC akan menggantikan CFO. So, tanggungjawab arkitek pada masa sekarang, sama dengan tanggungjawab arkitek pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Situasi tidak berubah. Saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat cuba menampakkan bahawa Yang Berhormat menguasai subjek dengan tidak membaca terus. Terima kasih.

6. **Dato’ Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kementerian sedar beberapa insiden pergaduhan beramai-ramai yang melibatkan sebahagian pasukan tentera dengan pihak awam boleh mencemarkan keseluruhan maruah pasukan tentera.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato’ Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, terima kasih atas soalan ini. Sebenarnya Angkatan Tentera Malaysia tidak digalakkan, bahkan tidak disuruh untuk mengadakan pergaduhan tetapi mereka memang dilatih untuk menghadapi pertempuran kerana askar kita memang dilatih untuk mempertahankan diri. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang melibatkan pergaduhan antara angkatan tentera sebenarnya bukan merupakan pergaduhan antara angkatan tentera tetapi terdapat anggota-anggota angkatan tentera.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat meminta Yang Berhormat menyatakan adakah kementerian sedar ada kumpulan-kumpulan askar bergaduh dengan kumpulan orang ramai. Adakah kementerian sedar?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebab itu saya hendak mengatakan bahawa bukan angkatan tentera yang bergaduh, itu kesedarannya tetapi yang berlaku pergaduhan di antara sebahagian anggota angkatan tentera dengan orang awam.

Kita sedar perkara ini dengan sebab itu di dalam angkatan tentera juga ada mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu di mana kalau anggota angkatan tentera yang terlibat dengan pergaduhan sama ada dengan orang awam ataupun dengan pasukan lain dan jika mereka didapati bersalah mengikut undang-undang dan peraturan keselamatan dalam negeri dan di dalam undang-undang angkatan tentera mereka akan diberi hukuman.

Sungguhpun demikian tidak terdapat terlalu banyak, hanya beberapa kejadian yang terpencil. Dalam tahun 2004, hanya 10 dan dalam tahun 2005 ini ada lima kejadian pergaduhan antara anggota angkatan tentera dengan orang awam tetapi bilangannya sangat kecil, kadang-kadang di antara dua anggota tentera dengan orang awam dan ada juga di antara anggota tentera dengan polis. Ini tidak merupakan di antara pasukan dengan pasukan, untuk pengetahuan dan mana-mana yang terlibat telah diambil tindakan dan ada juga yang di bawah siasatan dan akan dibawa pengaduan oleh pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua: Sedar dan telah pun diambil tindakan. Puan Siti Zailah hendak tanya lagi. Terima kasih, sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, apakah program yang telah dilaksanakan oleh kementerian untuk merapatkan lagi ukhuwah antara anggota-anggota angkatan tentera dan apakah puncanya berlakunya pergaduhan sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja, apakah puncanya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, program jiwa murni, program askar bersama rakyat, program kasih sayang antara askar dengan anak-anak sekolah dan pelbagai lagi ada kita jalankan dan kalau Yang Berhormat Senator hendak bertanya apakah maka terjadinya pergaduhan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Puncanya? Saya benarkanlah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:maka kita terpaksa menilai satu persatu. Terima kasih.

7. **Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** mina Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan tentang bekalan elektrik terputus secara besar-besaran pada 13 Januari 2005:

- (a) berapakah kos kerugian yang dialami oleh pengguna; dan
- (b) adakah kerajaan akan mendesak TNB untuk membayar pampasan kepada para pengguna.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berikutan daripada kejadian putus bekalan elektrik pada 13 Januari 2005, TNB telah menerima sebanyak 412 tuntutan dengan jumlah kerugian yang dituntut sebanyak RM173.7 juta.

Perlu dimaklumkan di sini bahawa amaun yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada dakwaan pengguna berhubung dengan amaun kerugian yang ditanggung oleh mereka yang mana meliputi kerosakan mesin, pengeluaran produk, gaji pekerja, kerugian faedah pinjaman dan sebagainya.

Bagi menjawab soalan kedua, mengenai bayaran pampasan kepada pengguna, hasil siasatan terperinci oleh Suruhanjaya Tenaga mendapati punca kejadian putus bekalan elektrik yang berlaku pada 13 Januari 2005 bukan disebabkan oleh kecuaiannya TNB dan dengan itu soal pampasan tidak berbangkit. Memandangkan keadaan demikian kerajaan tidak boleh mendesak TNB untuk membayar pampasan kepada pengguna-pengguna yang mengalami kerugian akibat kejadian tersebut.

Walau bagaimanapun, apa-apa bayaran rebat kepada pengguna-pengguna terserahlah kepada pihak TNB untuk mempertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah untuk mengelak bekalan elektrik terputus secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan terkeluar dari soalan asal.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita diberitahu di bawah apa keadaan sesuatu permohonan untuk pampasan itu boleh berjaya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Berkaitan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, sebagaimana yang saya maklumkan tadi kita terpaksa melihat kepada akta yang mana di dalam kes ini Seksyen 17.3 Akta Bekalan Elektrik menyatakan

“Mana-mana pemegang lesen tidak bertanggungjawab liable bagi apa-apa kerosakan pada mana-mana orang atau apa-apa harta atau bagi pemerhatian bekalan tenaga yang mungkin disebabkan kemalangan yang tidak dapat dielakkan daripada pihak operator sendiri.”

Terima kasih.

8. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bilakah kenaikan gaji dan juga elaun kakitangan dan pegawai penjara dapat dilaksanakan; dan
- (b) bilakah penambahan kakitangan penjara atau warden dapat dilaksanakan mengikut nisbah yang sepatutnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Puan Hajah Shamsiah. Bagi menjawab soalan;

- (a) semakan gaji elaun kakitangan awam telah dibuat di bawah SSB dan juga SSM yang dilaksanakan pada 1 November 2002. Semakan gaji dan elaun ini juga melibatkan pegawai dan kakitangan penjara. Walau bagaimanapun, pindaan terhadap Skim Perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan Penjara yang sedia ada secara khusus belum dilakukan.

Sehubungan itu, pada awal tahun 2003 Jabatan Penjara Malaysia telah mengemukakan cadangan perubahan ke atas Skim Gaji Pegawai dan Kakitangan Penjara kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya skim yang dicadangkan ini jadi lebih baik dan setanding dengan lain-lain skim perkhidmatan kerajaan. Cadangan perubahan ke atas skim ini sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Berkaitan dengan elaun pula kerajaan telah meluluskan pindaan terhadap tiga elaun yang sedia ada pada bulan Mac 2005 yang lalu. Antara jenis elaun yang terlibat dalam Elaun Sebatan Rotan yang mana kadar baru bagi satu sebatan adalah RM10.00 berbanding dengan kadar lama sebanyak RM3.00 satu sebatan.

Tuan Yang di-Pertua: Sedap dapat upah bagi orang sakit. *[Ketawa]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Elaun Pegawai Tugas Khas (Gantung) juga telah dipinda dari RM300 kepada RM500 bagi kedua untuk sekali pelaksanaan, manakala pembantu menerima RM300 berbanding dengan kadar lama sebanyak RM150. Di samping itu, Elaun Memandu telah dipinda dari RM2.00 kepada jumlah antara RM50 ke RM90 bergantung kepada gred dan kecekapan pegawai.

(b) untuk memastikan nisbah antara pegawai penjara dengan penghuni adalah mencukupi berdasarkan kepada keperluan semasa. Rancangan telah dibuat untuk menambah bilangan perjawatan pegawai penjara untuk keseluruhan institusi. Penambahan perjawatan ini akan dibuat secara berperingkat dari semasa ke semasa bergantung kepada kemampuan pihak Jabatan Penjara Malaysia dan peruntukan kewangan dan keperluan semasa.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Soalan tambahan saya, adakah kementerian sedar apakah implikasinya jika kedua-dua tuntutan ini lambat dilaksanakan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memang sedar bahawa terdapat baru-baru ini dalam tahun 2003 dan 2004 beberapa pegawai penjara meletakkan jawatan kerana mereka cuba mendapatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pohon mengganggu. Inilah sebab yang saya menjuruskan semasa Pertanyaan, pertanyaan begini rupa untuk mencungkil perkara-perkara, kalau tak timbul pertanyaan tambahan, perkara ini tak timbul. Sila teruskan. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu, mereka meletakkan jawatan kerana untuk mendapatkan imbuhan yang lebih sama ada dari pihak swasta ataupun daripada pihak kerajaan.

9. **Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah jumlah kemasukan aliran modal terus (FDI) ke Malaysia bagi tahun 2000 hingga 2004 dan nyatakan mengapakah masih terdapat masalah untuk melipatgandakan kemasukan FDI ke negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Langkah-langkah yang diambil telah menyumbang kepada kemasukan FDI ke Malaysia di mana untuk tempoh tahun 2000 hingga 2004 jumlah pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan adalah sebanyak RM79.1 bilion. Sumber utama FDI bagi tempoh tersebut ialah Amerika Syarikat dengan RM22 bilion, Jerman – RM14.4 bilion, Jepun, Singapura dan selepas itu United Kingdom. Ini dicapai dalam konteks penurunan dalam jumlah aliran FDI global yang menurun daripada USD1,387 bilion pada tahun 2000 kepada USD817 bilion pada tahun 2001 dan semakin turun pada tahun 2002 ke USD678 bilion, dan pada tahun 2003 telah menurun lagi kepada USD559 bilion.

Berdasarkan kepada laporan oleh agensi-agensi penggalakan pelaburan negara masing-masing bagi tahun tempoh 2000 hingga 2003, kemasukan FDI dalam sektor perkilangan ke Malaysia adalah sebanyak RM66 bilion, lebih tinggi berbanding dengan Singapura iaitu RM58 bilion, Thailand – RM48 bilion, dan Vietnam – RM22 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia masih mampu menarik aliran global pelaburan asing. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah....

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon gangguan sebentar. Merujuk kepada soalan tadi selepas dicungkil, kalau media hendak tambahan sila *interview* orang-orang berkenaan maka orang awam, rakyat akan mendapat penerangan yang menyeluruh. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Soalan tambahan saya ialah apakah kementerian mempunyai kuasa untuk mewajibkan FDI yang masuk itu juga

memindahkan teknologinya dan juga pengambilan orang Malaysia di peringkat Jawatankuasa Pengurusan. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa ini dalam satu zaman globalisasi dan kompetitif, dan tadi saya juga telah sebut jumlah FDI telah menurun dalam lima tahun ini. Oleh itu, negara kita sebab kita hendak menarik lebih FDI, kita telah kurangkan sekatan atau kontrol. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memberi dan menggalakkan pelaburan asing supaya memindah teknologi dan juga memberi *training* kepada pekerja-pekerja Malaysia. Ini adalah hasrat kerajaan kita. Pada masa ini kita tidak secara *official* untuk membuat *restriction* terhadap *conditions* apabila mereka membuat pelaburan.

10. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab ketidakprihatinan stesen RTM dalam menyebarkan maklumat segera mengenai bencana gempa bumi pada 8.5 skala Richter yang berlaku pada 26 Mac 2005 di negara jiran dan impaknya di negara kita.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu izinkan saya membetulkan fakta bahawa tarikh kejadian gempa bumi ukuran 8.5 pada skala Richter berlaku pada awal pagi 29 Mac 2005 dan bukannya 26 Mac 2005 seperti teks soalan.

Adalah tidak benar jika Yang Berhormat menyatakan bahawa stesen RTM tidak prihatin dalam menyebarkan maklumat tentang kejadian gempa bumi yang telah berlaku pada tarikh tersebut di Sumatra. Kalau TV memang betul-betul, tetapi bagi siaran radio suka saya menjelaskan bahawa pada awal pagi kejadian itu stesen RTM adalah media pertama menghebahkan kejadian gempa bumi itu menerusi Siaran Radio 4 atau kini dikenali sebagai Track FM yang dibuat dalam bentuk *talking point* oleh juruhebahnya. Selepas itu barulah disusuli oleh Berita Radio setelah mendapat pengesahan dari Jabatan Kaji Cuaca.

Laporan seterusnya dibuat oleh TV1 RTM yang telah memanjangkan masa siarannya. Biasanya kita telah menutup siaran kita pada jam 1.30 pagi tetapi pada hari itu oleh kerana adanya berita gempa bumi ini maka kita telah memanjangkan siarannya sehingga jam 6.00 pagi. Dalam tempoh tersebut laporan demi laporan tentang kejadian

gempa bumi itu dan kesannya terhadap negara kita telah disiarkan dalam bentuk berita tebuk (*news breaking*).

Jelasnya stesen RTM menerusi Radio dan TV telah memainkan peranannya dalam melaporkan kejadian gempa bumi pada awal 29 Mac 2005 tetapi mungkin *audiencenya* mungkin tidak lebih tertumpu kepada siaran TV yang lain dan tidak menyedari bahawa hebahan tentang kejadian gempa bumi itu juga dibuat menerusi siaran radio.

Dalam pada itu, saya telah pun mengakui beberapa kelemahan di RTM sendiri dari segi teknikal, dari segi tenaga manusia, dari segi peraturan yang menyebabkan pada malam itu kita tidak dapat menukarkan daripada *Date Line Concept Infotainment* Siaran TV1 iaitu *Infotainment* kepada Saluran Berita ataupun *Channel* Berita pada malam itu. Itu tidak kita buat.

Tuan Yang di-Pertua: Inilah yang dimaksudkan mencungkil dan memaparkan *accountability*.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana kesilapan itu. Soalan tambahan saya, apakah garis panduan tindakan segera yang telah dirancang untuk mengatasi masalah berikut jika berlaku keadaan sedemikian lagi?

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehari selepas kejadian itu, kita telah memanggil suatu mesyuarat tergepar mengadakan post-mortem dan kita telah mengenali beberapa kelemahan kita dan kita telah membuat satu pelan tindakan liputan bagi menghadapi kecemasan negara. Ini telah kita lakukan dan langkah yang kita telah buat di antaranya ialah sekarang ini kita telah mempunyai *hotline* dengan Jabatan Kaji Cuaca, Bukit Aman, juga Majlis Keselamatan Negara dan juga dengan Pusat Kawalan Trafik di KLIA.

Talian terus telah pun diwujudkan di antara RTM di Kuala Lumpur dan juga di peringkat negeri dan juga Jabatan Alam Sekitar dan bilik operasi di tiap-tiap negeri. Sekarang ini dalam tempoh 15 minit kita akan dapat mengadakan siaran langsung ataupun pelancaran terus daripada Pejabat Alam Sekitar di Petaling Jaya.

Ini kita telah buktikan apabila berlaku pada hari Sabtu lalu iaitu berlaku suatu gempa bumi di Sumatera pada pukul 1.05 tengah hari dan kita dapat mengadakan

crawling berita di TV pada pukul 1.00 tengah hari. Semua pegawai kita telah pun bersedia dan kita akan mengadakan *dry run* dari semasa ke semasa untuk memastikan keupayaan kita dalam memberikan maklumat dengan tepat dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau media hendak maklumat lanjut boleh tanya pihak berkenaan. Jangan tulis rambang sahaja.

11. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah strategi kementerian di dalam menangani kenaikan mendadak harga telur ayam sebiji di pasaran sehingga ada yang mencecah sehingga RM0.35 sen sebiji, sedangkan telur berkhasiat seperti Omega-3 berharga antara RM0.30 – RM0.32 sen sahaja sebiji.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian secara berterusan memantau kedudukan harga barang-barang keperluan termasuk harga telur ayam di pasaran di seluruh negara.

Hasil pemantauan sehingga ini didapati harga telur ayam tidak mengalami kenaikan yang mendadak. Misalnya bagi negeri Perlis harga telur ayam Gred A ialah purata RM0.28 sen sebiji pada bulan Mei 2005, di Melaka purata RM0.27 sen, di Johor Baru purata RM0.28 sen dan di Wilayah Persekutuan pada bulan Mei juga purata RM0.29 sen sebiji.

Bagi telur seperti Omega-3, harganya masih pada tahap RM0.32 sen sebiji dan mengenai strategi ataupun langkah-langkah sedang diambil untuk memastikan barang keperluan termasuk telur ayam dapat dikawal adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Jawab berkenaan dengan telur ayam sahaja Yang Berhormat. Bukan yang lain-lain.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan telur itik pun. Soalan asal adalah telur ayam.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, sebab telur ayam dengan barang keperluan pun lebih kurang sama dengan pemeriksaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Hoo Seong Chang: Mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna kriterianya sama?

Tuan Hoo Seong Chang: Ya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai strategi dan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi iaitu:

- (i) mempertingkatkan lagi penguatkuasaan bagi menentukan perniagaan dan meletakkan tanda harga pada barang dijual;
- (ii) mengadakan perbincangan dengan pihak pengeluar, pengimport dan pemborong supaya tidak menaikkan harga barang-barang tanpa justifikasi yang kukuh, dan
- (iii) dengan kerjasama *hypermarket* dan *supermarket* serta peniaga-peniaga tertentu di kawasan luar bandar

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat, inilah yang saya maksudkan, saya mohon ganggu sebentar. Yang saya maksudkan apabila kita keluar dari telur ayam, isunya beralih daripada isu telur ayam jadi isu kenaikan harga yang mana pertanyaan asalnya mohon mendapati seluas penerangan mengenai fenomena naik turunnya harga telur ayam. Bila kita rangkumi semua isunya dengan tidak sedari sudah beralih kepada isu yang lain.

Saya bukanlah berminat hendak jadi cikgu di sini Yang Berhormat, tetapi saya hendak cuba supaya Dewan Negara menepati fungsinya. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Bolehkah saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Yang ketiga ialah kerjasama *hypermarket* dan *supermarket* serta peniaga-peniaga tertentu di kawasan luar bandar menganjurkan kempen "Belilah Barangan Murah" termasuklah telur ayam ini yang akan menjadikan persaingan kepada peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang-barang mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kenapakah harga telur ayam ini tidak diselaraskan di setiap negeri di Malaysia. Misal kata di Melaka harga lain, Kuala Lumpur harga lain, kenapa tidak diselaraskan harga ini? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Harga tidak sama rata di semua negeri mungkin salah satu sebabnya kilang yang

mengeluarkan telur ayam dan juga kos pengangkutan mungkin ada berbeza. Maka dengan itu ada harga yang berbeza-beza di antara negeri lain di seluruh negara ini.

12. **Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** minta Menteri Pelajaran menyatakan tahap kejayaan hasrat kerajaan supaya sekolah-sekolah kebangsaan akan menjadi sekolah pilihan pertama kepada semua murid-murid di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang berusaha untuk memperkukuhkan sekolah kebangsaan (SK) dan seterusnya menjadi sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama untuk semua kaum melalui agensi memperkasa sekolah kebangsaan.

Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang diberi nama

Tuan Yang di-Pertua: Agendanya ialah memperkasa sekolah kebangsaan. Matlamatnya ialah menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan pertama, ya?

Puan Komala Devi: Terima kasih. Kementerian Pelajaran telah menubuhkan seperti yang telah saya perkatikan suatu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Memperkasa Sekolah Kebangsaan. Secara umumnya agenda memperkasa sekolah kebangsaan mempunyai dua matlamat utama iaitu menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pusat memupuk perpaduan kaum

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat jawab tidak terlalu panjang, saya akan benarkan tiga pertanyaan tambahan dalam perkara ini.

Puan Komala Devi: Saya akan cuba memendekkannya. Dua matlamat:

- (i) sebagai pusat memupuk perpaduan kaum; dan
- (ii) sebagai pusat kecemerlangan pendidikan meliputi akademik dan juga bukan akademik.

Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan dan sebahagiannya telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam, lepas itu Datuk Yaakob.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk

meningkatkan taraf tanggungan ataupun komitmen dan juga dedikasi di antara guru-guru sekolah kebangsaan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, beberapa langkah telah pun diusahakan oleh Kementerian Pelajaran agar menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan perdana ataupun pilihan pertama untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua: Langkah khusus untuk meningkatkan moral dan motivasi guru.

Puan Komala Devi: Di antara kalangan guru, kami telah mengimplimentasikan langkah untuk melantik guru besar yang boleh membuat perubahan dan juga untuk membina kecemerlangan di antara kalangan guru dan kami cuba juga menambahkan guru besar dan juga guru-guru dari kalangan siswazah, kami memperkenalkan konsep *benchmarking* iaitu untuk meninggikan tahap kecemerlangan dari segi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di dalam sekolah kebangsaan.

Datuk Jins Shamsudin: [*Bangun*]

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Tuan Chua Kim Chuan: [*Bangun*]

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah belah bagi. Ada dua peluang, Yang Berhormat minta maaf dahulu mereka berdua yang berdiri tadi. Had saya tiga pertanyaan tambahan sahaja. Sila Datuk Yaakob, selepas itu Datuk Fuad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bila *Super Star* bangun, kita pun tergamam hendak mengetepikan peraturan. [*Dewan riuh*] Itulah kelemahan insan.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di antara agenda memperkasakan sekolah kebangsaan dengan perangkaan peratus pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di sekolah kebangsaan pada ketika ini hanya 90%. Apakah strategi yang difikirkan kerana strategi yang dahulu masih belum menonjolkan impak yang berkesan dari segi memperkasakan sekolah kebangsaan. Jadi apakah strategi yang difikirkan lebih baik daripada strategi yang sedia ada? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Agenda telah disebut, matlamat telah disebut, langkah-langkah telah disebut, strategi sahaja belum disebut. Ditanya pula apakah strateginya?

Puan Komala Devi: Kami cuba strategi yang baru iaitu sekarang kami menawarkan kelas tambahan, kami juga telah memperkenalkan mata pelajaran perintis iaitu J-QAF, kami juga telah memperkenalkan mata pelajaran yang baru iaitu Sivik dan Kewarganegaraan di mana semua murid dalam kelas harus hadir. Namun demikian saya rasa keberkesanan langkah-langkah ini hanya kami boleh lihat dalam jangka masa yang panjang dan kami juga memerlukan kerjasama dan sokongan yang baik daripada pihak lain iaitu daripada pihak persatuan ibu bapa dan juga masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat, memanglah pencapaian strategi memerlukan jangka masa yang panjang. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah jika sekiranya sekolah kebangsaan ini menggunakan pengajaran dalam bahasa Inggeris keseluruhannya *English Medium* dengan izin maka ini akan menyebabkan ia menjadi sekolah pilihan utama kepada pelajar bukan Melayu? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Buat masa ini dasar kementerian cuma memperkenalkan mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris dan pada masa ini tidak ada perubahan. Kementerian tidak bercadang untuk menukar aliran kepada bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

13. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bandar-bandar yang dibekalkan dengan tong kitar semula dan sejauh manakah sambutan masyarakat terhadap kempen tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 73 pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada Dewan Bandar Raya, Majlis Bandar Raya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah telah membekalkan tong kitar semula semenjak tahun 2000 hingga kini. Sambutan masyarakat terhadap kempen kitar semula didapati amat menggalakkan dan

menurut satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 2003 terhadap kesejahteraan masyarakat tentang kitar semula telah meningkat dengan baiknya semenjak ia dilancarkan pada tahun 2000. Permintaan daripada masyarakat untuk memperoleh tong kitar semula didapati terus meningkat dan berterusan dari masa ke semasa. Begitu juga dengan bilangan permohonan pembinaan bangunan pusat pengumpulan kitar semula dari pihak berkuasa tempatan di mana pada tahun 2003 adalah 173 buah dan bertambah kepada 232 buah pada tahun 2004.

Selain aktiviti tersebut terdapat juga aktiviti sampingan seperti taklimat dan seminar yang dijalankan oleh pihak masyarakat seperti NGO, institusi pendidikan, sektor swasta dan sebagainya bagi menerapkan budaya kitar semula di kalangan masyarakat di berbagai peringkat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum menyatakan bandar-bandar, beberapa bandar sebagai contoh

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Kalau bandar, *list* nya terlalu panjang. Saya boleh baca?

Tuan Yang di-Pertua: Baca rambang supaya puas hati....

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Bacalah ya?

Tuan Yang di-Pertua: Lepas satu bandar, satu negeri.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *[Ketawa]* Okey. Bandar-bandar utama pada peringkat Dewan Bandar Raya, Majlis Bandar Raya dan Majlis Perbandaran ialah seperti berikut, Bangsar, Alor Star, Langkawi

Tuan Yang di-Pertua: Kangar Yang Berhormat. Pekan saya tu bukan Bangsar.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Bangsar?

Tuan Yang di-Pertua: Kangar.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Kangar? Saya cari Kangar ada atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau silap sebut bandar lain tidak mengapa....

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ini adalah bandar-bandar kecil yang saya hanya baca satu dua sahaja, ya? Bandar Baru, Kubang Pasu, Baling, Sik, Batang Padang, Kinta, Perak. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Tay Puay Chuan.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bandar manakah

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Puan Siti Zailah selepas ini.

Tuan Tay Puay Chuan: Bandar manakah yang paling berjaya dalam kempen kitar semula ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tempat?

Tuan Tay Puay Chuan: Tempatnya. Bandar mana yang paling berjaya dalam kempen tersebut?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Paling berjaya ialah kesedaran masyarakat telah meningkat kerana sekarang kita telah pun memulai kanak-kanak....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak mahu jawab itu. Dia *politicaly sensitive*. Dia bukan Miri atau Sibu, ya?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *[Ketawa]* Saya fikir ini di samping kita memberikan tong kitar semula atau membina pusat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya dalam pemerhatian Yang Berhormat bandar mana yang paling berjaya.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Oo, bandar mana.

Tuan Yang di-Pertua: Macam di antara ahli politik Sarawak Yang Berhormat di antara yang paling berjaya.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Sibu di antara satu yang paling berjaya. *[Ketawa]* Saya tidak ada maklumat di sini. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan menteri tadi, saya tidak dapat lihat bahawa bandar-bandar yang berada di Pantai Timur. Jadi bilakah program ini akan dilaksanakan di bandar-bandar sebelah Pantai Timur? Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Pantai Timur, ya? Saya cari di sini... Saya baca semualah untuk

Tuan Yang di-Pertua: Cari Terengganu dan Kelantan.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terengganu, Kelantan..... Kuantan ada.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Pahang Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terengganu ada. Mana? Kota Baharu, Kota Baharu, Kota Bharu.....[*Sambil menyemak*][*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memerlukan....

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ada, ini Johor Bahru ada. [*Dewan ketawa*] Alor Gajah. Kuantan ada. Terengganu ada. Kelantan nanti balik Barisan Nasional dulu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat menghadapi gangguan tadi. Ada dalam negeri-negeri Kelantan dan Terengganu tetapi Yang Berhormat memerlukan notis untuk mencari dalam senarai itu. Terima kasih. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 14 tetapi sebelum itu saya ingin memberi sedikit penjelasan. Saya rasa soalan versi Inggeris itu yang betul, Yang di-Pertua. Bukan "penangkapan ikan laut" tetapi "penangkapan ikan laut dalam".

Tuan Yang di-Pertua: Laut dalam - *Deep sea fishing*, konteksnya dibetulkan.

14. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan faktor-faktor penting yang menghalang kemajuan penangkapan ikan laut dalam di Malaysia dan usaha-usaha mengatasi masalah itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa faktor yang penting yang menghalang kemajuan penangkapan ikan laut dalam di Malaysia iaitu:

- (i) kekurangan minat rakyat tempatan terutama golongan muda untuk bekerja di bot-bot penangkapan ikan kerana mereka mempunyai pilihan kerja yang lain di mana pendapatan juga lebih baik. Ini menjurus kepada pengambilan pekerja asing yang ramai di bot-bot nelayan;
- (ii) risiko bidang perikanan yang tinggi yang menyebabkan institusi-institusi kewangan tidak sangat hendak melayan permohonan dari segi kewangan daripada nelayan-nelayan bot laut dalam ini;

- (iii) sikap kebanyakan nelayan yang masih menjalankan aktiviti perikanan secara tradisional dan tidak menggunakan cara penangkapan teknologi moden;
- (iv) sumber perikanan pantai telah diterokai ke tahap optimum dan menyebabkan ia berkurangan; dan
- (v) permit *vesel chartered* asing yang dikeluarkan tidak memberi manfaat kepada negara di mana kebanyakan penangkapan ikan ini, hasilnya dijual ke negara-negara lain.

Untuk mengatasi beberapa masalah ini kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) mengadakan program latihan kepada golongan nelayan dan golongan muda sebagai persediaan untuk menceburi penangkapan ikan di laut dalam. Jadi salah satu program iaitu diwujudkan Institut Perikanan Malaysia di Chendering dengan tujuan untuk melahirkan nakhoda tempatan yang berkemahiran tinggi;
- (ii) nelayan diberi kemudahan pinjaman iaitu melalui program dana nelayan yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui peningkatan bot dan peralatan sedia ada serta menggunakan teknologi moden dalam penangkapan ikan;
- (iii) menyediakan pakej-pakej intensif seperti pengecualian cukai selama 10 tahun untuk aktiviti perikanan laut dalam;
- (iv) melaksanakan kursus dan latihan kepimpinan, keusahawanan dan bina diri di dalam usaha untuk mengubah sikap di kalangan masyarakat nelayan;
- (v) meningkatkan program R&D untuk mendapatkan teknologi baru serta memindahkan kepada golongan sasaran melalui program kursus dan latihan;
- (vi) meminda unjam-unjam di perairan negara sebagai tempat pembiakan sumber baru ikan yang sekarang ini sudah makin berkurangan;

(vii) membuat pelawaan kepada pelabur-pelabur untuk menyertai konsortium perikanan nasional berhad.

Tuan Yang di-Pertua: Sampai Z kah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Hmmmm?

Tuan Yang di-Pertua: Sampai Z kah?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak, tidak Z, *one more* satu lagi.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:

(viii) menguatkuasakan syarat-syarat pendaratan ikan dan sekiranya hasil pendaratan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan maka lesen atau permit akan ditarik balik.

Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Di antara langkah-langkah yang disebut tadi satu daripadanya yang cukup menarik Yang Berhormat ialah mewujudkan nakhoda-nakhoda muda. Sejauh manakah berjayanya program ini untuk perindustrian laut dalam?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya soalan itu. Memang Yang Berhormat memang susahlah kita hendak mendapat penyertaan ini untuk kita latihkan sebagai nakhoda muda, memang susah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah kalau, bukannya kalau Yang Berhormat tidak beri peluang untuk pertanyaan tambahan, Yang Berhormat tidak boleh cungkil dan Yang Berhormat pun tidak boleh tunjuk Yang Berhormat menguasai subjek.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat diberi peluang kerana ada pertanyaan tambahan, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih jadi sebab itulah Yang Berhormat kalau dapat kita mohonlah Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini

tolonglah bantu kami supaya kita dapat menggalakkan khasnya mereka, khasnya anak-anak muda kita menyertai program ini di mana program ini begitu baik sekali, sudahlah diberi latihan percuma diberi latihan percuma, dibayar elaun lagi tetapi mereka memang tidak berminat jadi memang institut itu menghadapi ada masalah dari segi penyertaan, terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya adakah pihak kementerian memantau sama ada bot laut dalam diubahsuai untuk membuat penyeludupan diesel ke negara Thailand dan sebagainya, itulah menyebabkan kita masih import ikan daripada luar pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mahu membenarkan pertanyaan.

15. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah tajaan Formula One yang dibiayai oleh Petronas sehingga tahun 2005.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Petronas mula melibatkan diri dalam sukan bermotor *Grand Prix* Formula Satu, *Formula One*, F1 sejak tahun 1995 sebagai sebahagian strategi globalnya dan juga sebagai usaha untuk memperkenalkan jenama Petronas serta mempromosikan Malaysia. Pada amnya F1 bukan sahaja berjaya untuk mempromosikan Petronas dan negara Malaysia, namun acara perlumbaan tersebut juga dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam industri pelancongan. Bagi membiayai F1 Petronas membelanjakan dalam lingkungan USD25 juta setahun untuk menjana pasukan *Sauber* Petronas dan juga *Petronas Malaysian Grand Prix*.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat pertanyaan tambahan? Puan Wan Ubaidah binti Omar, Dato' Dr. S. Vijayarajam dan Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan terus membenarkan budaya membuka botol arak di samping gadis-gadis yang seksi bagi meraikan kemenangan selepas satu-satu pertandingan seperti kita lihat di Dubai tidak ada perkara itu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ia saya tidak membenarkan sebab tajaan dan kos kalau saya benarkan dia terkeluar dia pergi jadi soal memaparkan *morality* dan lain-lain, saya tidak membenarkan. Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Sponsorship* adakah, minta maaf, minta maaf Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat boleh jawab. Adakah pakaian yang tidak senonoh itu sebahagian daripada syarat tajaan? Kalau hendak taja kena biar bagi model kami itu.....

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itu tidak termasuk syarat itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak termasuk syarat ya?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah keuntungan, *direct and indirect* dengan izin untuk negara melalui tajaan *Formula One*?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Petronas membelanjakan lingkungan USD25 juta setahun tetapi telah dapat menjalankan pertumbuhan ekonomi kita dan income Tuan Yang di-Pertua dengan izin masuk ke negara Malaysia. Contohnya tahun 1999 kira-kira RM250 juta telah masuk ke Malaysia dalam bentuk berbagai-bagai perbelanjaan oleh peserta dan penonton. Pada tahun 2000 - RM342 juta dan pada 2004 dia kurang sedikitlah RM178 juta tetapi dari segi lain-lain Tuan Yang di-Pertua kita lihat di sini mengikut *survey* yang telah dibuat contohnya macam tiket F1 juga dijual, tiket penerbangan MAS telah bertambah, pengangkutan darat digunakan, penginapan juga dibelanjakan, makanan minuman, beli-belah dan sebagainya ini adalah hasil-hasil daripada perjalanan Grand Prix ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyaklah *spillover* tetapi terlalu banyak untuk dikupaskan satu persatu. Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidakkah kementerian melihat tajaan yang besar ini dilihat sebagai satu pembaziran?

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah Kementerian Kewangan melihat sebagai satu pembaziran.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Pada pendapat kementerian ini bukan satu pembaziran, maknanya Petronas cuma membelanjakan, ini sebagai satu *advertisement* Tuan Yang di-Pertua pada negara, kalau kita hendak gunakan media biasa, media cetak dan sebagainya kosnya hendak sampaikan ini kepada seluruh dunia yang menonton lebih kurang lebih pada 600 juta tiap-tiap kali ada perlawanan ini, kalau hendak gunakan media elektronik biasa memang tidak cukup ia makan belanja yang lebih banyak lagi. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu Petronas juga dapat menegakkan kejuruteraan *automotive* melalui pemindahan teknologi dan juga telah menghasilkan enjin kereta pertama di negara juga menghasilkan *super bike* pertama buatan Malaysia, dan juga minyak pelincir Petronas *Syntium* juga dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jawabnya ianya bukan satu pembaziran dan sebabnya dinyatakan bukan pembaziran sebabnya banyak, kalau media hendak tahu boleh tanya yang bertanya dan menjawab. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak.

16. **Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan adakah kerajaan bercadang mewujudkan satu sistem komunikasi digital yang membolehkan setiap jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan berkomunikasi secara terus bagi menyelesaikan masalah komunikasi yang timbul pada hari ini di antara mereka kerana ini boleh menimbulkan masalah terutamanya semasa kecemasan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan amat peka terhadap keperluan untuk menyediakan infrastruktur telekomunikasi yang bersepadu di setiap jabatan dan agensi kerajaan bagi membolehkan sistem penyampaian kerajaan dan perhubungan antara jabatan agensi kerajaan dengan orang awam dan sektor swasta dapat dilaksanakan dengan lancar. Bagi memenuhi keperluan untuk mewujudkan satu infrastruktur telekomunikasi yang komprehensif yang dapat menghubungkan semua jabatan agensi kerajaan suatu rangka kerja infrastruktur rangkaian telekomunikasi bersepadu kerajaan *Government Integrated Telecommunication Network - GITM* telah mula dilaksanakan pada tahun 1995 yang berkonsepkan kepada rangkaian bersepadu terurus dan selamat.

GITM juga berfungsi sebagai platform rangkaian maya bersepadu *integrated mutual network platform* bagi pelaksanaan aplikasi kerajaan elektronik di jabatan agensi kerajaan. Sehingga kini sebanyak 3,300 talian telah dihubungkan ke tempat-tempat kerja, jabatan atau agensi kerajaan. Kerajaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan sistem komunikasi di kalangan jabatan agensi kerajaan terutama melalui pelaksanaan GITM bagi membolehkan setiap jabatan atau agensi kerajaan dapat berkomunikasi secara terus dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya percaya mungkin banyak Yang Berhormat dan rakyat tidak sedar GITM ini wujud, saya pun tidak tahu ini baru tahu. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Soalan tambahan saya adakah kerajaan memilih agensi-agensi tertentu sebagai contoh mungkin Kastam dan JPJ dan sebagainya untuk memulakan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, untuk pengetahuan program ini diletakkan di bawah MAMPU yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri maka saya tidak dapat memberi jawapan dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara istilahnya *Government Integrated*.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *Government Integrated Telecommunication Network*, satu rangkaian yang bersepadu. Terima kasih.

17. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kementerian tidak sedar bahawa kemasukan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara buat kali ke 2 Tahun 2005 ini sangat tidak sesuai memandangkan keputusan peperiksaan SPM baru saja diperolehi dan pelatih masih belum selesai mengisi borang-borang untuk ke Institusi Pengajian Tinggi.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Kerajaan sedar akan perkara ini dan oleh itu perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah digulungkan dalam fakta dan dalam pendekatan yang tertentu.

Antara faktor yang telah diambil kira adalah supaya Kumpulan Pertama dan Kumpulan Kedua Siri 2, 2005 dapat ditamatkan lebih awal agar mereka dapat melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 Rendah, ke Matrikulasi, IPTA atau IPTS bagi yang

terpilih. Dalam usaha untuk mencapai objektif ini, kementerian telah memberikan cuti selama seminggu antara Kumpulan Satu dan Kumpulan Dua iaitu dari 6 Mac hingga 13 Mac.

Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran telah bersetuju supaya keputusan SPM diumumkan pada minggu cuti tersebut iaitu pada 10 Mac 2005. Ini akan membolehkan remaja-remaja kita dapat memperoleh keputusan semasa mereka berada di rumah iaitu semasa bercuti maka peluang untuk mereka menyertai sama ada melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam ataupun memohon untuk masuk ke IPTS dan IPTA. Terima kasih.

18. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah projek dan nilainya di mana kontraktor-kontraktor Malaysia dapat tawaran di negara-negara luar dan berikan nama negara secara kasar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2005, kontraktor-kontraktor Malaysia telah berjaya mendapat 270 buah projek di luar negara yang bernilai RM22.5 bilion. Secara kasar projek-projek yang banyak diperolehi adalah daripada negara Cambodia iaitu 38 projek, India sebanyak 51 projek, Republik of China 24 projek, Singapura 19 projek, Filipina 13 projek, United Arab Emirates 10 projek, Vietnam 9 projek, Sudan 8 projek, Taiwan 7 projek, dan Indonesia 7 projek. Daripada jumlah 270 projek tersebut, 230 projek telah siap dibina yang bernilai RM11.3 bilion. Manakala 40 projek masih dalam pembinaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah galakan-galakan ini dapat diberi dengan lebih lagi kepada kontraktor-kontraktor yang ingin pergi melabur ke negara-negara luar?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat ulangi soalan supaya lebih jelas.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk menggalakkan kontraktor-kontraktor lebih keluar mencari kerja-kerja di negara luar?

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi langkah-langkah atau lagi kontraktor-kontraktor?

Dato' Yong Khoo Seng: Penggalakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Kedua-dua.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya CIDP yang mengetuai pelaburan di luar negara telah memberi galakan seperti hubungan di antara negara yang kita nak labur, nak eksport perkhidmatan kita di bidang pembinaan, menteri sendiri pun telah mengetuai rombongan kerjasama dengan pihak MATRADE supaya kita dapat juga konsesi-konsesi dari mana negara-negara yang kita nak eksportkan perkhidmatan pembinaan dengan cara di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan di luar negara supaya dapat juga mengambil galakan seperti kerjasama dengan pihak kerajaan yang kita mahu labur dari segi strategi, dari segi galakan daripada kerajaan tempat yang kita akan labur. Kita dapatkan galakan seperti melalui rundingan, kita dapat banyak pengecualian dari segi mendapatkan tapak dan dari segi mendapatkan pinjaman-pinjaman antarabangsa melalui rundingan. Saya fikir ini saja yang dapat menggalakkan.

19. **Tuan Hii Tiong Kuoh** minta Perdana Menteri menyatakan Bintulu kini muncul sebagai pengeluar gas terbesar dan gas tersebut dipasarkan ke nagara-negara luar. Adakah usaha kerajaan untuk menyalurkan sedikit hasil gas tersebut kepada penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, dulu kita maklum kerajaan cuba buat projek untuk menyalurkan tenaga melalui kuasa elektrik dari Sarawak ke Semenanjung. Ini satu pertanyaan sama ada terdapat kemungkinan kerajaan menyalurkan gas daripada Sarawak ke Semenanjung. Itu yang saya benarkan pertanyaan ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil gas dari luar pantai Sarawak, termasuk dari kawasan Bintulu sememangnya telah disalurkan kepada penduduk-penduduk tempatan di Bintulu, khasnya dan Sarawak, amnya. Jawapan saya ini kemungkinan tidak selari dengan apa yang dimaksudkan oleh Tuan Yang di-Pertua kerana yang disoalkan di sini ialah hasil, bukan penyaluran gas kepada Semenanjung dan sebagainya.

Ini termasuklah satu royalti hasil daripada pengeluaran minyak dan gas dari luar pantai Sarawak, sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, Petronas telah membayar royalti sebanyak RM7.9 bilion kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Ini daripada

awal dulu sehingga tahun 31 Mac tahun lepas. Saya takut Ahli-ahli Yang Berhormat fikir ini adalah untuk setahun sahaja, bukan.

Yang kedua, Kerajaan Negeri Sarawak selaku pemegang saham di dalam tiga syarikat berkaitan LNG telah menerima dividen sebanyak RM1.3 bilion. Sejak syarikat-syarikat ini mula beroperasi sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004. Dan ketiga, Kompleks LNG Petronas dan Loji ABF Sdn. Bhd. di Bintulu telah juga menjana pelbagai peluang-peluang pekerjaan dan limpahan aktiviti ekonomi kepada warga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, nampaknya saya yang silap. Jadi Sarawak sama Sarawak ini dia faham segala yang tersirat di sebalik persoalan. Tuan Hii Tiong Kuoh.

Tuan Hii Tiong Kuoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dapatkah kerajaan melalui LNG atau Petronas Bintulu membekalkan gas ke rumah-rumah kediaman dan kedai-kedai di sekitar kawasan Bintulu seperti yang dibuat oleh Shell di Miri?

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan ada pakatan di antara Tuan Yang di-Pertua dengan Senator ini. Tadi, soalan tidak sentuh menyalurkan gas, sekarang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat menyatakan tidak boleh timbul sangkaan jahat.

[Dewan riuh seketika dengan ketawa]

Dato' Joseph Salang Gandum: Ini tidak jahat, ini fikiran yang baik yang selari di antara Tuan Yang di-Pertua dengan Senator. Tuan Yang di-Pertua, segala perancangan untuk membekalkan gas kepada

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada ungkapan Inggeris, "*Great minds, think alike*".
[Ketawa]

Dato' Joseph Salang Gandum: Setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi dia ada sambungan, "*Fools seldom differ*". *[Ketawa]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, segala perancangan untuk membekalkan gas kepada rumah-rumah kediaman adalah di bawah perancangan *Sarawak Gas Distributor Sdn. Bhd.* dan setakat ini belum

ada permohonan dibuat oleh syarikat tersebut kepada Petronas untuk membekalkan gas-gas kepada rumah-rumah kediaman. Tetapi setakat ini Petronas ada membekalkan gas kepada industri kecil dan sederhana (IKS).

Saya membuat janji di sini, saya sendiri akan menulis kepada pemilik Syarikat Sarawak Gas Distributer Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa pertanyaan hanya untuk jawab, kalau Yang Berhormat hendak janji mungkin Yang Berhormat cari pasallah.....*[Ketawa]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Tidak apa saya akan tulis, bukan saya memastikan dia akan bekalkan, saya akan menulis. Saya tahu Yang Berhormat Senator ini dia tinggal di Bintulu dia datang dari Bintulu. Saya harap Ahli Yang Berhormat Senator juga akan menulis surat kepada pemilik syarikat tersebut supaya mereka membekalkan gas kepada rumah-rumah kediaman di sekitar kawasan Bintulu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[17 Mei 2005]***

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, sila sambung ucapan.

11.20 tgh.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung membahaskan akta rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda akta pelaburan kerajaan 1983.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah bahas berkenaan rang undang-undang ini dan menyatakan bahawa dengan ada pindaan ini, maka akta ini akan dijadikan satu akta hanya akan mendapat pelaburan melalui Sistem Perbankan Islam dan tidak akan menerima dan tidak sanggup menerima pelaburan dalam Sistem Perbankan Konvensional.

Tuan Yang di-Pertua dan pagi ini kita sudah bermuafakat dengan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan dan kerajaan juga bersetuju bahawa akta ini hanya boleh menerima pelaburan melalui Sistem Perbankan Islam dan tidak sanggup menerima pelaburan melalui Sistem Konvensional, itu juga tujuan dan juga itu hasrat kerajaan untuk akta ini. Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara sebagai wakilnya berkata bahawa "Akta ini sebenarnya tidak pernah digunakan untuk menerima pelaburan dalam Sistem Konvensional." selepas adanya akta ini. Akta ini hanya digunakan untuk pelaburan dalam Sistem Perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuma saya ingin memahami hujah Yang Berhormat. Adakah kelulusan rang undang-undang ini akan mempunyai *effect* menyekat kerajaan daripada melabur atau membiayai sesuatu yang tidak dilaksanakan mengikut kaedah Perbankan Islam. Adakah *effectnya* akan meletakkan kekangan tertentu bagi sektor perbankan bukan Islam, itu yang saya cuba faham daripada *effect*. *The Effect of This Legislation*, dengan izin,

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang *effect* itu ini maksud itu adalah untuk satu sistem, maka *consequence* itu atau *effect* itu dia tidak boleh terima langsung melalui akta ini yang disebut oleh kementerian itu dia tidak perlu hendak menggunakan akta ini untuk menerima pelaburan dalam Sistem Konvensional yang diberitahu kepada kita dalam persidangan dan juga bermuafakat itu bahawa.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lee Sing Chooi: Baik.

Dato Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat sedikit pembedahan di sini di atas apa Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi beritahu kepada kita semua. Apabila kita mengatakan kerajaan tidak sanggup untuk melalui akta ini, tidak sanggup untuk menerima pelaburan-pelaburan yang lain daripada prinsip syariah.

Sebenarnya bukan kerajaan tidak sanggup. Pada pemahaman saya dalam apa yang dibuat oleh kerajaan melalui perundangan yang sedia ada mengikut sekuriti-sekuriti atau pelaburan-pelaburan yang dibuat dalam negara kita ini, kita ada dua cara.

Saya minta pandangan Yang Berhormat ini kerana jangan tersilap. Dalam negara kita ini kita ada dua cara:

- (i) sekuriti secara konvensional; dan
- (ii) secara Islam.

Secara konvensional sebenarnya kita telah ada undang-undang yang diguna pakai oleh kerajaan daripada semenjak kita merdeka lagi. Sekuriti jangka sederhana dan panjang secara konvensional kalau tidak silap saya kita gunakan ordinan pinjaman tempatan 1959. Manakala, secara Islamnya kita guna akta pelaburan yang kita bahaskan hari ini, bermakna bukan kerajaan tidak sanggup tetapi memang sudah ada saluran-saluran yang tertentu.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan saya Yang Berhormat tadi yang saya hendak dijelaskan, adakah *effect* rang undang-undang ini bil ini akan mengadakan kekangan yang tiada dahulu pada sektor bukan Islam.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang itu yang ingin saya ingin jelaskan Tuan Yang di-Pertua kerana memang ada. Pada fahaman saya memang sudah ada saluran, kalau sekiranya produk-produk yang bukan Islam secara konvensional kita gunakan ordinan pinjaman tempatan 1959 dan juga Akta Bil Perbendaharaan 1946. Itu memang kerajaan sudah buat daripada dahulu semenjak merdeka sehinggalah tahun 1983 kalau tidak silap saya akta itu yang kita mula buat Akta *Government Investment Act* itu pada tahun 1983 apabila kita hendak menubuhkan Bank Islam.

Kalau Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi kata kerajaan tidak sanggup saya ingat bukan itu adalah satu perkara yang tidak betul kerana Tuan Yang di-Pertua kata takut *impactnya* tadi seolah-olah kita langsung tidak mahu menerima produk-produk yang lain daripada secara bukan Islam. Saya tidak mahu persepsi yang mengatakan kita tidak sanggup. Sebenarnya ada saluran-saluran yang tertentu sebab itu saya ingin penjelasan yang benar yang dibuat oleh Senator.....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna *effect* rang undang-undang ini ialah jika diluluskan tidak akan menjejaskan apa cara pun.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua:Sistem Kewangan Bukan Islam yang sedia ada...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tidak jejas apa...pun....

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya percaya inilah jaminan yang dikehendaki oleh Dewan ini.....

Tuan Lee Sing Chooi: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Satu jaminan supaya *effect legislation* ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak menyokong kerajaan dan mengatakan kalau ada apa pindaan yang dibuat melalui akta ini tidak ada apa *effect* pun kepada pelaburan-pelaburan atau produk-produk lain. Itu pada pandangan saya kerana apa yang saya difahamkan bahawa memang daripada tahun 1983 kalau kita hendak menggunakan pelaburan secara Islam, inilah akta yang digunakan, cuma pindaan yang kerajaan ingin hari ini adalah satu pindaan untuk membuka lebih luas supaya produk-produk Islam yang lebih luas, yang lebih besar tidak kira berapa lama terma sekalinya pun boleh dibuat mengikut pindaan akta yang kita hendak buat. Itu yang diminta oleh kerajaan untuk meminda akta ini sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi tidak mengelirukan kita dalam Dewan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Bagi demi kesempurnaan, saya mohon izin untuk membaca huraian yang menyatakan bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 275, untuk mencerminkan maksud akta yang dicadangkan, akta ini untuk memberi kuasa kepada kerajaan untuk menerbitkan surat cara Islam di bawah pelbagai prinsip syariah dan bagi tempoh yang berlainan seperti yang dikupaskan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin tadi. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Presiden saya, Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah berkenaan dengan yang disentuh dan yang tadi saya cakap ini, akta ini tidak memberi kuasa untuk menerima pelaburan melalui Sistem Perbankan Konvensional itu. *It is the fact.* Dan saya juga sudah cakap...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Lee Sing Chooi: Boleh saya terangkan dahulu tentang perkara ini. Saya juga beritahu dengan muafakatnya pagi tadi iaitu akta ini tidak digunakan selepas ia ada untuk menerima pelaburan konvensional. Saya juga ada cakap macam itu. Dan juga

saya cakap akta ini hanya untuk menerima pelaburan melalui Sistem Perbankan Islam. Itu juga fakta. Sebelum saya hendak teruskan, kalau itulah faktanya dan juga itulah maksud akta itu, maka pada nota yang disebut tadi oleh Tuan Yang di-Pertua, maknanya Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 275 untuk mencerminkan maksud akta yang dicadangkan untuk memberi kuasa kepada kerajaan untuk menerbitkan surat cara Islam di bawah pelbagai prinsip syariah dan bagi tempoh yang berlainan itu sebenarnya macam ini iaitu akta ini bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 275 untuk lebih mencerminkan akta asal...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya.... Yang Berhormat, saya mohon izin.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya rasa selamat untuk saya tinggalkan kerusi. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih. Ini kerana yang dikatakan pada nota kedua Fasal 2, apa maksud yang sepatutnya diletak di sini adalah meminda tajuk panjang untuk lebih mencerminkan maksud akta asal, itu dia, dia tidak taruk. Yang dia taruk itu, yang dicadangkan. Sepatutnya maksud akta asal dan juga bagi akta yang dicadangkan untuk memberi kuasa kepada kerajaan dan seterusnya dan itu lebih menerangkan maksud akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin mendapat penjelasan sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya ataupun tidak, itu terserah kepada Yang Berhormat. Pada fahaman saya, pindaan akta yang sedang kita bincangkan ini tidak menghalang, boleh saya katakan tidak menghalang pelaburan-pelaburan melalui bank konvensional. Ini hanya memberikan ruang dan peluang yang lebih luas kepada Kerajaan Malaysia bagi mendapatkan dana melalui pelaburan-pelaburan yang dibuat berdasarkan kepada syariah kerana ini juga saya yakin bahawa di antara tujuan utama pindaan akta ini ialah untuk menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara umat Islam di dunia yang biasanya mereka apabila hendak melabur dan pelaburan itu

dijadikan sebagai pendanaan. Ini ada istilah ini, pendanaan dan sebagainya, dana kepada Kerajaan Malaysia.

Jadi apabila ada pindaan ini memberi ruang yang lebih besar kepada negara-negara umat Islam untuk datang membuat pelaburan yang pelaburan mereka itu akan menjadi dana kepada Kerajaan Malaysia. Jadi peruntukan yang diberikan oleh pindaan ke atas Akta Pelaburan yang dinamakan kemudian, pelaburan itu digantikan dengan pendanaan itu adalah, saya ingat tidak menghalang sama sekali kepada apa yang berjalan sekarang ini dilakukan pelaburan-pelaburan yang dibuat melalui perbankan konvensional.

Saya kira itu yang saya punya fahaman. Jadi tidak ada halangan. Jadi kalau ia tidak ada halangan apa-apa, saya tidak ada perkara yang boleh kita musykilkan, cuma tentulah sebagai sebuah negara yang diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam, saya melihat bahawa usaha-usaha ke arah mendekatkan masyarakat umat Islam dan masyarakat berbagai-bagai agama di negara kita ini bagi mengenali Sistem Perbankan Islam dan Sistem Pelaburan Islam itu perlu kita buat supaya orang tidak akan melihat bahawa sesungguhnya Sistem Ekonomi Islam ataupun Sistem Perbankan Islam itu terlalu sukar bagi orang lain untuk menyertainya dan melalui pindaan ini saya rasa kita boleh melihat bagaimana Sistem Perbankan Islam itu bukan sahaja ianya boleh disertai oleh orang-orang Islam, pelabur-pelabur dari negara Islam tetapi jika sekiranya mereka hendak memilih Sistem Perbankan Islam ini ataupun pelaburan melalui Sistem Perbankan Islam ini tidak ada sebarang halangan.

Tetapi jika sekiranya mereka datang ke negara kita masih yakin dengan perbankan konvensional, maka mereka juga boleh berbuat demikian tetapi maknanya mereka tidak seharusnya melihat bahawa Sistem Perbankan Islam ataupun Sistem Pelaburan melalui Perbankan Islam ini, suatu perkara yang susah ataupun yang menyusahkan mereka. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya itu? Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, ini bila kita bincangkan pelaburan itu, dia ada dua *level*. Satu, satu sistem. Kita ini ada dua sistem, Sistem Perbankan Islam dan Sistem Perbankan Konvensional, itu satu sistem. *Level* yang kedua itu adalah orang yang hendak pergi gunakan sistem itu, macam bank di

Malaysia itu, kita ada sistem konvensional dan juga Sistem Perbankan Islam. Pelabur seorang Islam itu boleh pergi kepada konvensional atau pergi kepada perbankan Islam. Orang yang bukan Islam itu boleh ada pilihan tetapi sistem itu ada dua. Orang yang di bawah itu berlainan, ada dua *level*.

Di sini saya ada bahaskan iaitu berkenaan dengan sistem. Ada dua sistem dan apa yang diberitahu kepada saya, akta ini hanya digunakan untuk satu sistem. Maka sistem itu adalah Sistem Perbankan Islam dan juga itulah tujuan dan hasrat kerajaan untuk membentuk akta ini. Kalau itu tujuan dan juga maksud akta ini, maka di mana kalau orang luar hendak melabur di Malaysia, adakah jalan-jalan yang lain, itu yang saya hendak teruskan selepas apa yang dia cakapkan tadi itu. Saya hendak teruskan *logical floor* itu.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Haji Rashid.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Lee telah menyebut beberapa perkara yang dianggap sebagai fakta. Pertanyaan saya, adakah sewaktu fakta juga bila undang-undang yang kita timbangkan ini diluluskan, maka tajuk panjang asal itu digantikan dengan tajuk ini, tajuk yang baru ini yang kelihatan sekali pandang begitu sempit, tidak mengizinkan dua sistem di dalamnya. Jadi saya hendak mendapat kenyataan, adakah ini merupakan satu kenyataan juga? Jadi kalau ini yang terpakai apabila diluluskan, apakah akta lain yang membolehkan sistem konvensional itu berjalan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya sentuh, dengan tajuk panjangnya dan isi kandungan seksyen-seksyen yang dipinda itu, maka itu semuanya untuk memenuhi hasrat kerajaan untuk pembentukan dan juga bagi maksud yang dicadangkan juga adalah untuk satu sistem perbankan Islam hanya setakat ini. Walaupun tajuknya dipanggil Akta Pelaburan Kerajaan tetapi maksud akta yang diberitahu itu hanya untuk satu sistem iaitu akta yang asal tetapi saya hendak beritahu kepada Dewan bahawa ada dua akta yang diberitahu untuk menerima pelaburan bagi sistem konvensional yang kedua-dua akta tadi disebut, saya hendak sebutkan di sini

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah bin Zainudin.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cuba terangkan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bila persoalkan benda ini. Pada pendapat kita di dalam Dewan ini, sebenarnya saya takut kita berbahas hari ini. Sebenarnya akta ibu, Akta Pelaburan Kerajaan 1983 ini sudah akta ini dilorongan kepada prinsip Islam. Akta ibu itu sebenarnya sudah prinsip Islam bila kita buat 1993. kalau kita tengok Seksyen 8 dalam akta ibu ini, diterangkan tentang definisi dividen dalam Seksyen 8 akta ibu itu yang tidak ada langsung tentang *interest* yang diterangkan dalam Seksyen 8 akta ibu itu sendiri. Jadi bermakna, akta ini pun sudah sememangnya kalau hendak katakan mengikut prinsip syariah daripada awal lagi. Jadi tidak timbul hari ini bahawa akta ini tidak membenarkan pelaburan yang bukan secara prinsip Islam digunakan dalam negara ini kerana tadi saya sudah katakan bahawa untuk pelaburan-pelaburan atau produk-produk yang hendak dikeluarkan, bukan secara Islam. Kita ada dua cara.

Satu mengikut Ordinan Pinjaman Tempatan 1959 ataupun *Loan Local Ordinance* 1959 atau *Treasury Bills Local Act* 1946. Jadi, ini dua-dua akta yang boleh kita gunakan selain daripada prinsip syariah yang kita sekarang bahaskan. Jadi tidak timbul sebenarnya Yang Berhormat Lee kalau kita kata bahawa kalau ini kita teruskan, maka tidak ada langsung saluran-saluran tentang produk yang dibuat secara konvensional. Jadi, itu yang saya hendak jelaskan Yang Berhormat Lee, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya tambah dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Saya hendak jelaskan, selepas itu Yang Berhormat boleh tambah. Yang saya cakap itu adalah akta ini. Akta ini tidak memberi kuasa kerajaan, itu faktanya. Saya sudah cakap, ada dua akta yang juga akan mengendalikan sistem ini, sebelum saya bagi laluan itu, saya hendak sambung – ada dua akta yang saya hendak bahaskan selepas ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Haji Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya dapat memahami bahawa Yang Berhormat Lee

tidak menafikan bahawa di dalam kita melakukan pindaan ini, sebenarnya kita tidak mengubah apa pun terhadap akta konvensional yang sedia ada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin tadi iaitu Loan Ordinance 1959 dan juga Treasury Bill Act 1946. Tidak ada berlaku perubahan pun yang menyebabkan pelabur luar nanti tidak boleh melabur masuk ke negara kita. Apa yang berlaku ialah kita hendak memperbaiki Akta 1983 yang menyebabkan kita juga hendak mewujudkan perbankan Islam yang ada kekurangan sebab *demand* untuk pelabur luar hendak masuk untuk *short term* ini tidak ada di dalam Akta Perbankan 1983. Yang ini yang menyebabkan kita hendak pinda dan tidak ada pun yang menyebabkan berlaku perubahan kepada akta konvensional yang sedia ada yang cuba dibangkitkan dan ditanyakan oleh Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah tadi dan saya fikir, sebenarnya saya menyokong pindaan ini dan tidak ada perkara yang ditakutkan walaupun seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lee tadi bahawa pindaan akta ini tidak memberi laluan daripada luar dan sebagainya tetapi dia tidak mengubah akta konvensional yang sedia ada. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Sebenarnya, fakta yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad itu, saya juga sentuh fasal itu. Satu, akta ini hanya untuk melabur melalui sistem perbankan Islam, itu fakta, ia tidak menerima pelaburan yang tidak mengikut prinsip syariah.....

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Okey,

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat untuk memberikan saya kefahaman. Dari semalam, saya telah mendengar Yang Berhormat berhujah mengatakan yang berkemungkinan pelabur-pelabur asing tidak akan datang kerana dengan menggunakan sistem syariah ini.

Saya ingin bertanya dan juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah fakta-fakta dan petunjuk yang boleh meyakinkan kita dan kerajaan bahawa pelabur-pelabur asing ini tidak akan datang kerana adanya sistem ini sedangkan kita tahu banyak pelabur yang bukan Islam juga menggunakan sistem Islam, lebih 40% Bank

Islam hari ini, bukannya terdiri daripada orang Islam. Adakah ini hanya satu andaian atau ada fakta-fakta lain yang boleh membuktikan bahawa mereka tidak akan datang. Saya minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang saya bahaskan atas pindaan akta ini yang dinamakan Akta Pelaburan Kerajaan maka akta ini tidak dengan nyata dan juga disahkan oleh Kementerian Kewangan maka akta ini tidak digunakan untuk menerima pelaburan sistem konvensional. Yang saya hendak sentuh, kalau ini tidak sanggup menerima pelaburan konvensional, soalnya macam mana kita di Malaysia hendak menerima pelaburan konvensional? Itu penjelasan yang kita hendak dan kita diberitahu bahawa ada dua akta yang sedia ada yang dinamakan Local Loans Ordinance Act 1959 dan juga Treasury Bill Local Act 1946 yang diberitahu dalam muafakat pagi tadi bahawa kedua-dua akta ini digunakan untuk menerima pelaburan yang secara konvensional. Itulah yang dipakai, bermakna kita ada perundangan yang lain yang kedua-dua itu dan sanggup menerima pelaburan yang menggunakan sistem perbankan konvensional, itu yang diberitahu kepada kita.

Maka, tujuan akta yang dibentangkan di Dewan ini bahawa bukan sahaja pindaan. Bukan sahaja pindaan yang dicadangkan itu untuk menjadikan akta ini sebagai satu akta menerima pelaburan sistem perbankan Islam, tetapi dalam maksud akta asal dulu, akta ini hanya untuk menerima pelaburan melalui sistem perbankan Islam.

Walaupun dalam Akta Ibu itu tidak begitu jelas seperti yang dipinda itu. Yang dipinda atau dibentangkan di dalam pindaan itu, menjelaskan lagi dengan lebih jelas bahawa akta ini dengan tajuknya, panjangnya bahawa akta ini hanya digunakan untuk perbankan Islam dan juga dengan adanya Seksyen 2 (a), bahawa mana-mana surat cara yang dikeluarkan itu hanya untuk surat-surat cara yang mengikut prinsip syariah itu memperjelaskan lagi apa maksud akta.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Saya dengar tadi Yang Berhormat telah bahas begitu panjang sekali. Saya ingat untuk pengetahuan Yang Berhormat, akta ini dipinda tidak ada kena-mengena dengan konvensional bank. Saya ingat akta ini adalah menguatkan cara perbankan Islam sebab kita lihat hari ini, kalau akta diluluskan pun, maknanya pelabur-pelabur di luar negara

boleh memilih, sama ada mereka mahu cara konvensional bank ataupun cara Islam. Itulah akta ini yang hendak dipinda. Tidak ada kena-mengena dengan konvensional bank. Ini kita rasalah. Ini untuk menguatkan cara perbankan Islam. Boleh jadi ada jangka panjang ataupun jangka pendek. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Ya. Yang saya cakap tadi, pelabur-pelabur itu dia hendak ikut sistem perbankan Islam, itu boleh. Kalau boleh, ada akta ini untuk mereka melabur mengikut akta ini. Kalau mereka hendak melabur mengikut sistem perbankan konvensional, kita pakai akta yang kedua, yang lain. Akta ini, kerana yang Akta Ibu itu tidak berapa jelas maksudnya. Maka, pindaan itu yang diminta untuk memperjelaskan lagi dan juga bagi syarat lebih terang lagi kerana prinsip syariah dipakai dan ditambahnya takrif Majlis Penasihat Syariah, juga ditambahkan dalam pindaan ini. Maka, keseluruhannya dalam seksyen-seksyen dan juga takrif yang akan dipinda itu menjadikan akta ini sebagai satu akta menerima pelaburan sistem perbankan Islam sahaja. Itu, saya harap dan juga bukan itu sahaja.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Haji Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Jika sekiranya akta ordinan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi - Dato' Hamzah, pindaan akta ini tidak menghalang. Kalau dia tidak ada halangan, apa yang kita cuba? Tujuan pindaan ini ialah untuk memperkuat, memperkukuh, memperkemaskan lagi akta yang ada mengenai Islam. Memang kalau orang hendak melabur mengikut akta ini, di bawah akta ini dia tidak harus fikir bahawa dia akan melabur melalui perbankan konvensional. Dia kalau hendak melabur melalui itu, sudah ada dua akta yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi. Jadi, apa yang dirasakan musykil sangat oleh Yang Berhormat terhadap pindaan ke atas akta ini. Apa dia? Itu yang saya minta, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak ada halangan orang lain hendak datang melabur ke Malaysia ini kerana ada dua akta yang lain, yang memberikan peluang kepada mereka. Terima kasih. Itu yang saya mohon jawapanlah.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kalau dapat saya teliti hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah dan juga oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee. Saya dapat membuat satu rumusan hujah di peringkat akhir yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing menjurus ke arah menyokong pindaan akta ini, kerana akta ini akan memperjelaskan kepada pindaan Akta Ibu. Jadi kalau boleh, saya ingat saya baca inti sari pemikiran Senator Tuan Lee. Nampaknya beliau sebenarnya bersetuju ke arah pindaan, tetapi beliau cuba memperjelaskan apa yang kurang jelas di peringkat awal. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Senator Tuan Lee untuk memperjelaskannya.

Tuan Lee Sing Chooi: Nampaknya Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob dapat baca hati saya, apa yang saya hendak buat itu. *[Ketawa]* Saya hendak jelaskan iaitu *logical floor* dengan apa yang disebutkan itu dan juga dengan muafakat pada pagi tadi, yang kita buat tadi bahawa di Seksyen 8 yang telah juga disentuh dan yang juga saya hendak jelaskan di Seksyen 8, bahawa di Seksyen 8 itu ialah berkenaan dividen. Saya hendak sebutkanlah, dividen.

“(1) No interest shall be paid on investments but there shall instead be paid dividends.....”

. Dalam akta pindaan ini, bukan *interest* tidak ada, dividen dia pun tidak ada. Tidak ada dividen, tidak ada *interest*. Yang digantikan itu *“return”* dan juga memasukkan takrif-takrif yang tadi yang saya sebut berkenaan dengan takrif Majlis Penasihat Syariah. Ini bermakna, pindaan ini yang saya cakap tadi hanya memperkukuhkan apa hasrat maksud akta asal yang dikatakan itu, dan juga memberi proses-proses dan atur cara-atur cara yang lebih jelas dan spesifik berkenaan dengan macam mana pelaburan itu dapat diuruskan dalam sistem perbankan Islam.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjelaskan tentang Seksyen 8 ini. Seksyen 8 Akta Ibu itu betul dia mengatakan tentang di situ dividen. Tetapi bila kita hendak tukar akta ini, saya kata dah tadi. Tadi

lagi saya sudah kata, kerana hendak memperluaskan lagi skop mengikut prinsip syariah. Sebab itu, kita kata kita tukar. Bila kita kata Seksyen 8 kita tukar kepada “*return*” itu kerana hendak memperluaskan. Sebenarnya dalam Islam ini dia macam-macam cara. Dia ada, kalau saya hendak sebut konsep Musyarakah, konsep Mudarabah. Bila kita sebut konsep-konsep ini, ada yang *dividen*, ada yang *profit sharing*, ada yang *profit and loss*. Kita kongsi, rugi pun kita kongsi.

Jadi, yang itu yang ditukarkan supaya perkataan yang digunakan itu betul-betul mengikut kaedah Islam. Jadi, jangan kita hari ini persoalkan seolah-olah akta ini bila tukar itu sudah hilang sesuatu dalam akta yang sebenarnya. Sebenarnya bukan hilang, tetapi menambahkan lagi keperluan-keperluan mengikut kaedah prinsip Islam yang sentiasa ada dalam Akta Ibu itu sendiri. Maka, itulah sebabnya saya hendak beritahu bahawa dalam konsep Islam Hadhari, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memikirkan bahawa kalau ada kaedah-kaedah yang lebih, memberikan peluang yang lebih baik kepada pelabur-pelabur atau apa sahaja yang kita buat dalam negara, itu yang kita hendakkan, perubahan-perubahan baru. Sebab itu, saya mintalah Yang Berhormat Senator Tuan Lee, kalau panjang kita bercakap tentang isu ini, saya takut mengelirukan lagi ahli Dewan, ini menyebabkan kita rasa masing-masing akan mempersoalkan satu persatu.

Jadi mengapa tidak hari ini, kalau apa yang Yang Berhormat Datuk Yaakob kata tadi, Yang Berhormat Senator Lee sudah bersetuju untuk menyokong? Mengapa tidak kita pendekkan dan kita menyokong teruslah akta ini kerana saya rasa akta ini begitu baik sekali. Syabas kepada kerajaan kerana telah membawa ini kerana akta inilah yang menentukan masa depan akta menggunakan konsep Syariah Islam itu bermula daripada Dewan Negara ini, terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih di atas hujah-hujah dan juga nasihat Senator Presiden kita, bahawa kita berbahas dan kita bermuafakat. *I think* prinsip itu, kita berbahas dan kita bermuafakat supaya apa yang terbaik sekali adalah di setujui kerana ada satu pepatah ‘*not your idea, not my idea - the best idea*’. Itu yang mustahak. Dalam perbahasan dan juga perbincangan harus ada muafakat. Maka dengan apa yang dikatakan ini dan juga tanggungjawab seorang Ahli Parlimen bahawa kita kena rasional dan juga berasas dengan fakta yang ada dan juga menerima apa-apa penjelasan yang

betul yang diberi tahu dan juga muafakat diterima, kita dapat satu persetujuan. Maka persetujuan itu telah timbul sebelum mesyuarat ini pagi tadi apabila kita berjumpa dengan pegawai kementerian....

Datuk Haji Karim Ghani: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin saya membuat komen dengan kekeliruan sedikit. Saya memikirkan bahawa akta yang kita perbahaskan ini menghentikan cara konvensional dan cuma cara Islam sahaja tetapi ternyata daripada perbahasan, buka begitu. Sebenarnya apa yang berlaku, cara konvensional terus satu cara *Islamic*, yang cuma untuk diperkemaskan sahaja. Kalau konsep inilah yang sebenarnya kita perbahaskan, maka saya rasa tidak ada masalah sama sekali. Konvensional terus dengan konvensionalnya diperkemaskan dan diperluaskan konsep Syariah Islam ini, maka saya tidak nampak di mana harus kita berpolemik lagi. Oleh yang sedemikian, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat di mana lagi yang harus kita persoalkan masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat lebih jelas pada hari ini.

Datuk Haji Karim Ghani: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Karim, nampaknya Yang Berhormat pada hari ini lebih jelas tentang pindaan rang undang-undang.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Saya ingin minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Dato' Ikhwan.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Saya pun sebenarnya agak keliru sedikit mendengar antara hujah-hujah Yang Berhormat. Saya nampak akta ini sebenarnya memberi pengkhususan kepada menerusi pinjaman perbankan syariah. Jadi mungkingah antara kira ini ada yang kurang faham sedikit. Jadi, ini membuat kita rasa ada perbezaan. Saya ingin minta penjelasan sama ada Yang Berhormat ini kalau kita sudah menyokong, saya rasa dan bersetuju bahawa ini adalah satu pengkhususan, jadi tidak perlulah rasa saya untuk kita panjang lebar lagi berdebat isu ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan penghargaan dan terima kasihlah kepada sahabat saya Senator Tuan Lee Sing Chooi yang begitu bersungguh-sungguh dari segi menyediakan fakta-fakta. Namun di sini saya mengharapkan apa pandangan Yang Berhormat mengharapkan dalam Dewan yang mulia ini, kekeliruan ini wujud mungkin daripada peringkat awal. Saya harap pihak Kementerian kalau boleh untuk pada masa-masa akan datang, cubalah, hormatilah Dewan Negara ini dengan menjemput wakil-wakil kami untuk turut serta agar kekeliruan ini tidak timbul, apa pandangan Yang Berhormat?

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya minta Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi memberi ucapan kata-kata penutuplah kalau boleh.

Tuan Lee Sing Chooi: Ok. Tadi saya hendak bagi penutuplah Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Sudah sampai ke hujung. Saya bersetuju dengan apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad bahawa kesemua *bill-bill* atau rang undang-undang itu bolehlah jemput Ahli Dewan kita juga bermuafakat lebih awal lagi, dan bukan pada saat-saat yang terakhir. Dengan apa tujuan yang tadi yang disebutkan oleh akta dan tujuan maksud akta asal itu berterusan dan juga kekal, maka tidak terjejas pelaburan kerana pelaburan sistem konvensional telah boleh melalui dua akta yang disebutkan. Maka saya dengan ini menyokong....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Tuan Hassan yang tidak jelas ini?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sedikit sahaja.

Tuan Lee Sing Chooi: Dengan ini saya menyokong pindaan akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi sudah sokong. Saya ingat kita sudah...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ada sedikit sahaja. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak komen cadangan dan pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya tadi kalau diberi ruang saya hendak bercakap supaya lain kali kalau sekiranya ada *Bill* ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh mencelah apabila pihak kerajaan Kementerian Kewangan memberi jawapan sekejap lagi tentang apa-apa Yang Berhormat hendak cadangkan tadi. Kalau masa jawab, tidak disentuh berkenaan dengan apa yang Yang Berhormat hendak cadangkan tadi, Yang Berhormat boleh mencelah dan bertanya. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua boleh saya teruskan perbincangan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Berbahas?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Bukan hendak berbahas apa kerana hari ini terdapat kekeliruan. Saya... terima kasih Tuan Yang di-Pertua kalau benarkan saya bahaskan tentang isu ini. Yang saya hendak jelaskan di sini apabila saya baca surat khabar saya tidak ada petang semalam dalam Dewan ini. Sebab itu saya rasa apabila ada masalah ini timbul, saya hendak terangkan sedikit. Hari ini saya baca dalam *News Straits Times* yang mengatakan, '*Call to retract second Bill. The Dewan Negara appears to be going through a withdrawal symptom*'. Saya rasa masalah-masalah ini kepada media, patutnya lihat perkara ini dengan begitu baik. Saya tidak mahu ada *perception* yang timbul nanti seolah-olah Ahli Dewan ini langsung tidak bertanggungjawab tentang apa-apa *Bill* yang dibangkitkan dalam Dewan ini. Sebab itu saya hendak minta media yang tulis ini supaya perjelaskan semula. Sebenarnya perkara ini belum timbul lagi. Kita dalam peringkat perbincangan dan hari ini boleh nampak masa Yang Berhormat Lee timbulkan perbincangan ini juga, ramai di kalangan Yang Berhormat lain berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Lee.

Jadi, jangan adalah persepsi ini yang ada sedikit *negative effects* kepada ahli-ahli Dewan. Sebab itu saya minta supaya kalau boleh *News Straits Times* supaya mengambil ini sebagai satu contoh, lain kali kalau belum ada keputusan, jangan keluarkan *statement* yang mungkin menimbulkan persepsi yang negatif terhadap Ahli-ahli Dewan ini. Saya akhirnya ingin menyokong apa yang cuba dibuat oleh kerajaan kerana saya rasa akta ini memberi peluang kepada kerajaan untuk membuka luas...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya, ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah berkenaan dengan apa yang telah ditulis dalam surat khabar dan sebagainya. Adakah mungkin pihak itu kurang jelas tentang peranan yang dimainkan di dalam proses menggubal perundangan dan sebagainya dan mungkin sama ada Dewan ini ataupun kelab kita, kelab Senator Malaysia kena mengadakan satu hubungan yang lebih rapat dengan pihak ini supaya semua itu tahu tentang fungsi dan peranan. Adakah ini disokong dan apakah pendapat Yang Berhormat Dato' Hamzah? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, jelas saya selaku Pengerusi Kelab Senator di sini apabila saya baca pagi tadi saya merasa terkilan sedikit kerana bagaimana media boleh mengeluarkan *statement* sebegini rupa kerana selalunya apabila kita buat keputusan adalah keputusan walaupun media hendak tulis selepas kita buat keputusan dalam Dewan ini. Selepas habis perbahasan dan kalau kita bersetuju dan kalau kerajaan tarik balik kita bersetuju, kalau mereka kata hendak tambahkan pun kita bersetuju tetapi selepas perbincangan dan perbahasan yang kita buat di dalam Dewan ini.

Selagi belum ada keputusan maka bermakna tidak ada andaian yang menyatakan bahawa kita minta supaya kerajaan tarik balik, itu hanya pendapat Yang Berhormat Senator Lee semalam ketika beliau keliru tentang sama ada akta yang dibuat oleh kerajaan ini hanya satu akta ataupun akta yang selaras dengan akta-akta yang lain yang ada. Tadi pun saya sudah minta dengan Yang Berhormat Dato' Hilmi, selaku wakil kerajaan untuk sekali lagi apa yang seperti yang dicakapkan oleh Dato' Yaakob, lain kali jangan lupa bahawa Dewan Negara ini *exist* ada, dalam negara ini, masih lagi relevan. *[Tepuk]* Apabila ada perbincangan panggil Ahli Dewan Rakyat seolah-olah Dewan Negara tidak diperlukan langsung maka sebab itu ada kekeliruan yang timbul. Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Senator Lee, saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua: Dan Dewan Negara adalah juga sebahagian daripada Parlimen.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya. Dewan Negara merupakan *upper house* kepada Parlimen. Bukan sebahagian, *upper house*...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, saya hendak menyentuh tentang *New Straits Times* tadi sebab istilah yang digunakan sindrom sememangnya membawa.....

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *Symptom, symptom*
Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Oh, *symptom* ya, adalah merupakan dan membawa implikasi yang negatif sebenarnya sebab itulah saya harap perkara ini diperbetulkan kerana untuk mempertahankan *accountability* dan juga kedudukan Dewan Negara sebagai *upper house*, dengan izin. Saya harap perkara ini diperbetulkan dan saya menyokong apa yang diperkatakan oleh yang Dato' Hamzah Zainuddin

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Dato' Hamzah tolong habiskan ucapan selepas itu saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sedikit sahaja sebelum beliau menjawab?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang terakhir, silakan Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, saya hendak sentuh tentang *New Straits Times* ini juga, saya hendak tahu apa tujuannya *New Straits Times* ini. Baru-baru ini mereka permudahkan Dewan Rakyat, hari ini Dewan Negara. Kita berbahas dalam Dewan yang mulia ini kadang-kadang ada dan pandangan yang berbeza tetapi keputusan kita buat di akhir. Kita buat keputusan semalam, selepas kita mendapat pandangan ataupun dasar yang betul kita akan buat keputusan. Jadi, saya tidak tahu apakah tujuan *New Straits Times* ini? Adakah mereka terlalu kebal dan mereka boleh merendahkan sesiapa sahaja, saya mintalah supaya kerajaan mengambil perhatian tentang perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila habiskan ucapan Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pendekkan ucapan saya, sekali lagi bagi pihak Ahli-ahli Dewan

Negara saya minta supaya perkara ini tidak timbul lagi pada masa-masa hadapan dan saya juga minta kepada pihak kerajaan, lain kali tolonglah ingat bahawa kita juga merupakan Ahli Parlimen dalam negara ini dan akhirnya saya menyokong akta yang dibawa oleh kerajaan ini supaya ia dapat meneruskan bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan adalah satu-satunya yang difikirkan baik bukan masa terkini sahaja tetapi untuk masa-masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya minta pihak kerajaan untuk memberi jawapan.

12.16 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang yang di hadapan Dewan ini.

Saya pada hari kelmarin agak panik sedikit, Tuan Yang di-Pertua kerana saya bimbang takut menjadi sejarah lagi, Kementerian Pertanian telah pun mengadakan satu Akta dan Makhluk Perosak diluluskan dengan tidak ada pindaan. Kelmarin pula, MOT, Kementerian Pengangkutan tarik balik aktanya saya bimbang akan kena nasib yang sama kepada saya, pada Kementerian Kewangan tetapi Alhamdulillah.

Ini berpunca dan saya ingat daripada kekeliruan, saya ingat dan saya bersetuju dengan Dato' Yaakob dan juga Dato' Hamzah bahawa perlu ada penjelasan sebelum mana-mana rang undang-undang dibentang patutnya ada penjelasan daripada Ahli-ahli Senator semua. Jadi, ini tidak dilakukan jadi timbul kekeliruan. Saya kira kalau diberi penjelasan sebelum rang undang-undang ini dibahas, saya ingat tidak timbul kekeliruan yang berlaku seperti yang telah terjadi kelmarin sehingga pagi tadi seperti yang disebut oleh Tuan Lee. Hal ini dapat jelas bahawa rang undang-undang ini sebenarnya adalah selari...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Cuma saya hendak tanya elok kalau boleh diberi penjelasan tentang sesuatu yang hendak dibawa ke sini untuk fahaman kita. Tetapi boleh ataupun tidak mengikut prosedur, peraturan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, semasa perbincangan mana-mana yang kelihatan mengelirukan diberi penjelasan serta-merta. Sebab saya nampak tadi, termasuklah saya juga seperti orang yang cuba membuat teka-teki sedangkan jawapannya ada pada kerajaan, jadi kita kata orang di sana, orang sana kata sini, akhirnya di situ jawapan. Jadi tidak pasal-pasal kita seperti orang yang berteka-teki, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ada atau tidak peraturan yang membolehkan apabila timbul sahaja semacam kekeliruan maka pihak kerajaan berwajib untuk memberi penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta pendapat Yang Berhormat.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Kalau saya boleh ambil bahagian dalam perbincangan memang saya hendak berbahas sama tetapi kalau mengikut pendapat rakan saya, beliau seorang *lawyer* ini, memang tidak boleh adakan dialog begitu jadi saya cuma boleh ambil bahagian bila sampai waktu menjawab. Kalau boleh memang saya hendak ambil bahagian sama tetapi kelmarin pun saya hendak bangun juga tetapi tidak berani, takut salah dari segi peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan mengeluarkan bon ataupun

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya rasa Yang Berhormat tidak seharusnya merujuk perkara ini kepada rakan sejawat sebab *rulingnya* sepatutnya datang daripada Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat, saya terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua tetapi yang saya tahu dan saya difahamkan tidak bolehlah. Kalau boleh, memang eloklah saya bangun ataupun mana-mana pihak patut bangun untuk menjawab segera.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat teruskan jawapan tadi.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat sekarang ini ada tiga rang undang-undang ataupun *bills* yang digunakan oleh kerajaan

untuk mendapatkan dana penajaan ataupun mendapatkan dana untuk kegunaan kerajaan untuk pembangunan dan lain-lain kegunaan.

Yang kedua, seperti yang disebut oleh Dato' Hamzah tadi iaitu bahawa ada dua akta, Local Act 1946 dan *Loan Local Ordinance 1959*. Yang ini digunakan untuk sekuriti kerajaan atau bon yang dikeluarkan oleh kerajaan sebagai konvensional. Yang hendak dipinda sekarang ini ialah yang digunakan oleh kerajaan semenjak tahun 1983 lagi untuk sekuriti ataupun bon yang dikeluarkan oleh kerajaan dengan kaedah *Islamic Bon*, guna kaedah syariah. Yang ini yang hendak dipinda ini maknanya ia akan berjalan selari bukan kita seperti yang ada kekeliruan, bukan kita hendak hapuskan yang ini dan yang gunakan yang Islam sahaja, tidak, ia sekali gus. Setakat ini kerajaan hanya mengeluarkan 5 peratus sahaja bon melalui enakmen 1983 ini melalui bon Islam, cuma 50 peratus sahaja daripada jumlah bon yang dikeluarkan oleh kerajaan. Bermakna 95 peratus adalah secara konvensional dan kerajaan akan teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, enakmen yang ada menyekat kerajaan daripada mengeluarkan bon Islam yang jangka pendek. Sebelum pindaan ini kerajaan hanya boleh mengeluarkan bon Islam ataupun sekuriti secara Islam jangka panjang dan jangka sederhana, tidak jangka pendek yang kurang daripada 1 tahun. Yang popular sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bon jangka pendek. Dengan pindaan ini maka kerajaan boleh mengeluarkan bon jangka pendek dan ini boleh dilanggan oleh mana-mana pihak sama ada dalam negeri ataupun luar negara. Kerajaan cuba menarik dana daripada negara-negara Islam, yang memang banyak dana yang tersimpan di negara-negara Barat dan mereka boleh melanggan dengan cara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan restoran Islam, restoran halal contohnya, kalau restoran tidak halal, cuma sebahagian daripada penduduk yang boleh makan tetapi kalau restoran itu halal semua orang boleh makan, yang Islam dan bukan Islam boleh pergi makan jadi dengan cara ini bila kita keluarkan bon cara Islam ini maka semua orang boleh melanggan sama ada orang Islam dan bukan Islam boleh melanggan. Jadi, sama ada luar negara ataupun dalam negara boleh melanggan. Maknanya ia memberi kesan yang bari saya kira pada pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu jelas.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan kenapa kerajaan mengehendkan pengeluaran lesen perbankan Islam kepada sepuluh kumpulan perbankan tempatan. Dalam perkara ini Bank Negara Malaysia telah pun meluluskan permohonan lima kumpulan perbankan tempatan bagi menubuhkan subsidiari Islam di bawah entiti bank perdagangan masing-masing bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam di bawah Akta Bank Islam. Bank Negara tidak mengehendkan bank-bank sedia ada daripada memohon melaksanakan perbankan Islam dan untuk makluman berkenaan perkara ini kesemua bank tempatan melaksanakan perbankan Islam, ada kaunter masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Yaakob bin Haji Mohammad membangkitkan penggantian perkataan dalam akta ibu seolah-olah memberikan gambaran bahawa akta ibu tidak terpakai dalam seksyen ini. Penggantian perkataan 'pelaburan' di dalam akta asal dengan perkataan 'pendanaan' untuk memberikan gambaran yang lebih tepat iaitu kerajaan tidak membuat pelaburan sebaliknya mendapat dana dari pelabur-pelabur. Maknanya mereka yang membeli bon kerajaan dia melabur, kerajaan menerima wang dia pendanaan. Itu hendak menjadikan lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, terma-terma dan syarat-syarat dalam surat cara yang akan diterbitkan - ini saya ingat dah jelas. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi pergi daripada satu seksyen ke satu seksyen, saya ingat sejak pagi tadi dah jelas apa yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Yaakob bin Haji Mohammad bertanya tentang pindaan ini menggantikan akta asal. Ini pun saya ingat dah jelas bahawa apa yang saya sebut tadi bahawa akta ini untuk memperbaiki keadaan dan untuk memberi lebih fleksibiliti kepada kerajaan untuk mengeluarkan bon dalam pelbagai cara. Dahulu hanya untuk jual beli tetapi sekarang ini oleh kerana dah ada fleksibiliti maka kerajaan boleh mengeluarkan bon dalam berbagai-bagai kaedah lagi mengikut syariah. Jadi terpulang kepada MPS (Majlis Penasihat Syariah) untuk menasihatkan bentuk bon apa yang sesuai pada masa yang dikeluarkan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi juga menyebut tentang akta ini tidak memberi kuasa untuk menerima pelaburan konvensional. Tuan Yang di-Pertua, memang akta ini hanya dikeluarkan untuk cara syariah sahaja, cara Islam sahaja yang

konvensional tadi yang saya sebut tadi dua enakmen yang ada yang digunakan oleh kerajaan sehingga sekarang.

Perkara terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua yang disebut oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi memanglah saya ingat pada masa akan datang elok diadakan sebagai rutin diadakan taklimat kepada Senat ataupun kepada Ahli-ahli Senat tentang akta yang hendak dibentangkan pada Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KONVENSYEN SENJATA KIMIA 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.27 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya dan

untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya bagi bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, rang undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 18 April 2005 bersama dengan pindaan-pindaannya di Fasal-fasal 21(1)(c), 21(1)(d), 22(4), 24 dan Fasal 28(3).

Seperti mana kertas pindaan yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, pindaan-pindaan yang telah diluluskan ini akan saya jelaskan ialah fasal-fasal di dalam undang-undang berkenaan dihuraikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Konvensyen Senjata Kimia (KSK) telah berkuat kuasa pada 29 April 1997. Matlamat KSK antara lainnya adalah untuk menghapuskan semua senjata kimia daripada muka bumi ini sepuluh tahun selepas ia berkuat kuasa iaitu pada 29 April 2007.

Pada tahun 1997 sebuah pertubuhan antarabangsa yang beribu pejabat di The Hague, Belanda telah ditubuhkan untuk memastikan KSK dikuatkuasakan dengan berkesan. Ia dianggotai oleh kesemua negara-negara pihak KSK dan dikenali sebagai *The Organization for the Prohibition of the Chemical Weapons* atau OPCW. Setakat 14 April 2005 sebanyak 168 negara telah menjadi negara pihak. KSK masih belum mencapai status universal kerana terdapat 26 negara yang masih belum menjadi negara pihak kepada KSK.

Malaysia telah menandatangani konvensyen senjata kimia (KSK) pada 13 Januari 1993 dan meraktifikasinya pada 20 April 2000. Tindakan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan tentang isu perlucutan senjata iaitu *this amendment* dan letak cambahan senjata pemusnah besar-besaran (*Non-Proliferation of Weapons of a Mass Destruction*). Walau bagaimanapun, bagi membolehkan Malaysia memenuhi peruntukan-peruntukan KSK adalah perlu suatu Rang Undang-undang Kebangsaan dipertimbang dan diluluskan oleh Parlimen. Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 RUU KSK 2004 yang saya bentangkan di Dewan yang mulia ini adalah Rang Undang-undang yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, KSK digubal untuk memastikan ketakcambahan senjata kimia di dunia dan bagi memusnahkan senjata-senjata kimia yang sedia ada. Di samping itu KSK dijangka akan dapat memupuk kerjasama di

kalangan negara-negara pihak dan membantu dari segi penggunaan kimia secara aman.

KSK mengawal semua bahan-bahan kimia toksin termasuk *precursor* yang boleh digunakan sebagai senjata kimia. Bahan-bahan kimia ini dan *precursor* nya disenaraikan dalam jadual 1, 2 dan 3 KSK mengikut tahap toksik, risiko dan potensi yang digunakan sebagai senjata kimia. Selain daripada bahan-bahan kimia yang disenaraikan dalam jadual 1, 2 dan 3, bahan kimia organik diskret atau *discrete organic chemicals (DOC)* turut dikawal di bawah KSK. Ini adalah kerana bahan-bahan kimia tersebut tidak melalui tindak balas kimia dengan bahan-bahan kimia yang lain bertukar menjadi bahan kimia lain yang boleh digunakan sebagai senjata kimia.

Malaysia tidak memiliki senjata kimia mahupun kemudahan-kemudahan ataupun *facilities* yang berupaya mengeluarkan senjata kimia. Walau bagaimanapun, KSK menuntut setiap negara pihak mengawasi dan memantau industri-industri kimia serta industri-industri yang mengendalikan bahan-bahan kimia yang tersenarai dalam jadual 1, 2 dan 3.KSK serta bahan-bahan kimia organik diskret. Malaysia perlu memenuhi kewajipannya sebagai negara pihak KSK dengan melaksanakan beberapa perkara di bawah peruntukan KSK yang antara lain seperti berikut:

- (i) menubuhkan Pihak Berkuasa Kebangsaan atau *National Authority* ini sebagai *focal point* bagi tujuan menjalin perhubungan berkesan dengan OPWC dan negara-negara pihak lain;
- (ii) menggubal Rang Undang-undang Kebangsaan supaya KSK dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- (iii) menyediakan dan mengemukakan deklarasi tahunan kepada OPCW mengenai aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemprosesan, penggunaan, pemindahan termasuk import dan eksport daripada industri-industri kimia dan industri-industri yang mengendalikan bahan-bahan kimia yang tersenarai dalam jadual KSK serta bahan kimia organik diskret;
- (iv) membuat persediaan untuk menerima pemeriksaan daripada pemeriksa antarabangsa; dan.

- (v) mengadakan program untuk memberi bantuan dan perlindungan kepada orang awam sekiranya terdapat penggunaan senjata kimia ataupun ugutan untuk menggunakannya.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mac 2000 telah antara lainnya bersetuju supaya Kementerian Luar menerajui isu KSK. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 April 2000 pula telah bersetuju supaya Malaysia meraktifasikan KSK dan selanjutnya mengadakan sistem pelesenan sebagai interim *measure* bagi mengawal pengimportan dan pengeksporan bahan kimia terjadual dalam konvensyen sementara menunggu Rang Undang-undang digubal dan diluluskan oleh Parlimen.

Tindakan yang boleh diambil adalah menyenaraikan bahan-bahan kimia toksik yang terdapat dalam jadual 1, 2 dan 3 KSK dalam perintah kastam atau larangan mengenai import 1998 dan pindaan 2000 serta perintah kastam larangan mengenai eksport 1998 dan pindaan 2000 kecuali bahan-bahan kimia yang di bawah kawalan Jabatan Farmasi dan Lembaga Racun MakhluK Perosak.

Tuan Yang di-Pertua, RUU KSK 2004 mempunyai 7 bahagian seperti berikut:

Bahagian I bertajuk "Permulaan" mengandungi 5 fasal iaitu fasal 1 hingga 5 yang menyatakan tajuk ringkas RUU KSK 2004:

- (i) memberi kebenaran bagi Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta,
- (ii) memperuntukkan pemakaian konvensyen KSK di Malaysia,
- (iii) memberi takrif kepada ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam RUU KSK 2004,
- (iv) menggariskan hubungan undang-undang sedia ada dengan RUU KSK 2004, dan
- (v) pelantikan inspektor kebangsaan dan pegawai lain bagi tujuan yang dicadangkan.

Bahagian II bertajuk "Pihak Berkuasa Kebangsaan" mengandungi 12 fasal iaitu fasal 6 hingga 17 yang menyatakan peruntukan berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Kebangsaan (PBK), mengeluarkan arahan kepada PBK tempoh jawatan pengerusi PBK dan syarat-syarat berkaitan, Pelantikan pengerusi sementara dan

Setiausaha PBK dan pengendalian mesyuarat PBK serta fasa PBK menjemput mana-mana orang untuk menghadiri PBK sebagai penasihat dalam perkara-perkara tertentu.

Bahagian III bertajuk “Larangan Mengenai Senjata Kimia dan Agen Kawalan Rusuhan” mengandungi 2 fasal iaitu fasal 18 hingga 19 yang berhubungan dengan perbuatan yang dilarang mengenai senjata kimia dan agen kawalan rusuhan serta hukuman-hukuman yang boleh dikenakan jika melanggar sub fasal 18 (1) dan sub fasal 19 (1) dan kesalahan disabitkan.

Bahagian IV bertajuk bahan kimia toksik mengandungi 18 fasal iaitu Fasal 20 hingga 37 yang terbahagi kepada empat bab seperti berikut: ab pertama, mengandungi hanya satu fasal iaitu Fasal 20 yang menjelaskan aktiviti-aktiviti yang tidak dilarang di bawah konvensyen seperti mana telah disebut di awal Rang Undang-undang KSK 2004. Bab kedua pula mengandungi 10 fasal iaitu Fasal 21 hingga 30 yang memperkatakan perkara-perkara berkenaan bahan-bahan kimia toksik tersenarai dalam jadual 1 serta hukuman-hukuman yang dikenakan jika melanggar Fasal 21(1) dan kesalahan disabitkan.

Fasal 21 dipinda di subfasal 21(1) dalam perenggan (c) dengan mengganti perkataan satu tan dengan perkataan 10 kilogram bagi setiap kemudahan dalam satu tahun kalendar. Pindaan bertujuan untuk menggantikan peruntukan tentang amaun agregat bagi bahan kimia, Jadual 1 yang boleh dikeluarkan, diperolehi, disimpan, dipindahkan atau digunakan oleh mana-mana kemudahan diselaras dengan peruntukan dalam konvensyen. Fasal 21 juga dipinda di subfasal 21(1) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan “penyimpanan”, perkataan “pemindahan”. Pindaan ini bertujuan untuk memasukkan perkataan “pemindahan dalam bahasa teks kebangsaan.” Pindaan-pindaan ini telah dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 18 April 2005.

Fasal 22 dipinda di subfasal 22(4) Rang Undang-undang dengan menggantikan perkataan “dua puluh tujuh” dengan perkataan “dua puluh enam”. Pindaan bertujuan untuk meminda subfasal 22(4) bagi membetulkan kesalahan taipan dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris. Pindaan ini juga telah dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 18 April 2005. Selain itu, bab keempat ini juga

menerangkan cara permohonan untuk mendapatkan kebenaran dan ini dijelaskan dengan terperinci di Fasal 23(1) hingga 23(4).

Fasal 24 yang menjelaskan kuasa pihak berkuasa kebangsaan untuk mengeluarkan atau enggan mengeluarkan kebenaran dipinda dengan mengganti subfasal 24(2) dengan subfasal berikut:

Pihak berkuasa kebangsaan dalam mengeluarkan satu kebenaran di bawah subseksyen 1 boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana pihak berkuasa kebangsaan sifatkan patut dan boleh menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat dari semasa ke semasa. Dengan memasukkan selepas subfasal 4, subfasal berikut. Lima, seseorang yang padanya kebenaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen 1 telah habis tempoh boleh dalam masa 30 hari sebelum tarikh habis tempoh memohon satu kebenaran baru mengikut seksyen 23.

Jika mana-mana orang yang dibenarkan untuk mengeluarkan, memperoleh, menyimpan, memindah atau menggunakan suatu bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam jadual 1 berhasrat untuk memberhentikan aktiviti itu, orang itu hendaklah dalam masa 7 hari sebelum pemberhentian itu memberi tahu pihak berkuasa kebangsaan secara bertulis dan menyerahkan kebenaran itu kepada pihak berkuasa kebangsaan dan apabila diterima pemberitahuan dan kebenaran itu pihak berkuasa kebangsaan hendaklah dengan segera membatalkan kebenaran itu.

Pindaan 24(2) bertujuan bagi menjelaskan bahawa pihak berkuasa kebangsaan mempunyai kuasa bagi menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat di dalam kebenaran itu. Pindaan memasukkan selepas subfasal 24(4) subfasal baru 24(5) bertujuan untuk memperkatakan permohonan baru bagi kebenaran yang akan habis tempoh, sementara pindaan memasukkan selepas subfasal 24(4) subfasal baru 24(6) untuk memperkatakan pemberhentian aktiviti.

Fasal-fasal 25 hingga 27 di dalam bab ini menyatakan mengenai penarikan balik kebenaran, rayuan terhadap keputusan PBK, pemindahan bahan kimia toksik dalam jadual 1 serta hukuman yang dikenakan jika melanggar subfasal 27(1)(a) atau 27(1)(b) dan kesalahan disabitkan.

Fasal 28 adalah mengenai pengisytiharan berkala dan hukuman yang dikenakan jika subfasal 28(1) dilanggar dan kesalahan disabitkan. Fasal 28 dipinda pada subfasal

28(3) Rang Undang-undang dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit.” Pindaan bertujuan untuk membetulkan kesalahan taipan dalam teks bahasa kebangsaan. Pindaan ini juga dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 18 April 2005.

Fasal 29 hingga 30 adalah mengenai perubahan kepada sesuatu kemudahan serta penyelenggaraan dokumen dan daftar. Ia juga menyatakan hukuman-hukuman yang dikenakan jika melanggar subfasal-subfasal 29(1), 30(1), 30(2), 30(3) dan kesalahan disabitkan.

Bab ketiga mengandungi lima fasal iaitu Fasal 31 hingga 35 yang menyatakan mengenai rejim bagi bahan kimia toksik dalam Jadual 2 dan 3 iaitu tentang pengisytiharan, pengeksporan dan pengimportan bahan-bahan kimia toksik dalam Jadual 2 dan 3 perubahan kepada sesuatu kemudahan dan penyelenggaraan dokumen dan daftar serta hukuman-hukuman yang dikenakan jika melanggar subfasal-subfasal 31(1), 32(1), 33(1), 34(1), 35(1), 35(2) dan 35(3) dan kesalahan disabitkan.

Pengeksporan atau pengimportan bahan kimia toksik dalam Jadual 2 tidak boleh dilakukan kepada atau dari negara bukan pihak kepada KSK. Manakala suatu perakuan pengguna akhir, *end user* atau *end user certificate (EUC)* diperlukan untuk mengekspor dan mengimport bahan kimia toksik dalam Jadual 3 atau dari negara bukan pihak.

Bab keempat mengandungi dua fasal iaitu Fasal 36 hingga 37 yang menyatakan mengenai regim bagi bagi bahan kimia organik diskret (*discrete*) iaitu tentang pengisytiharan, penyelenggaraan dokumen dan daftar serta hukuman-hukuman yang dikenakan jika melanggar subfasal-subfasal 36(1) dan subfasal 37(1), 37(2) atau 37(3) dilanggar dan kesalahan yang disabitkan.

Bahagian ke V bertajuk Pemeriksaan Antarabangsa. Terdapat 5 fasal iaitu 38 hingga 43 mengenai kuasa kepada menteri untuk mengeluarkan perakuan kepada anggota pemeriksa Urus Setia Teknikal Pertubuhan untuk menjadi Inspektor Antarabangsa, cara pemeriksaan yang akan dilaksanakan di Malaysia, kuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan berhubung dengan pemeriksaan oleh Inspektor Antarabangsa, waran bagi pemeriksaan, menggunakan kekerasan serta hukuman yang dikenakan jika melanggar fasal 40(2) dan kesalahan disabitkan.

Bahagian ke VI bertajuk Penguatkuasaan mempunyai 8 fasal iaitu fasal 43 hingga fasal 50 yang menyatakan peruntukan mengenai kuasa penguatkuasaan, kuasa penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan atau sita tanpa waran akses kepada data berkomputer, perlucuthakan senjata kimia dan sebagainya; kos memegang senjata kimia dan sebagainya yang disita; ketiadaan kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan dan perlindungan kepada pemberi maklumat.

Bahagian ke VII bertajuk Pelbagai mempunyai 12 fasal iaitu fasal 51 hingga 62 yang menyatakan peruntukkan mengenai perkara-perkara pelbagai seperti notis bagi pendedahan maklumat, status maklumat yang dikemukakan kepada PBK, perlindungan kepada pegawai yang menjalankan tugas, permulaan pendakwaan, halangan, kesalahan berkenaan dengan maklumat, kuasa meminda jadual, penalti am, kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, kesalahan oleh pekerja atau agen dan kesalahan di luar Malaysia dan kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu atau sesuai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukkan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, KSK merupakan satu konvensyen yang rumit. Walaupun terdapat banyak negara yang telah menandatangani dan meratifikasikan KSK sejak beberapa tahun, tidak semua negara-negara ini telah menggubal undang-undang kebangsaan. Oleh itu, proses penggubalan undang-undang kebangsaan untuk memenuhi tanggungjawab Malaysia sebagai negara pihak memakan masa dan perlu dibuat dengan teliti.

Di peringkat awal penggubalan RUU KSK 2004, kerajaan telah mengadakan perundingan dengan pihak-pihak berkenaan dan berusaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mereka tentang KSK dan implikasi penguatkuasaannya di Malaysia. Ini adalah bagi mengelakkan salah faham mengenai tindakan kerajaan untuk membenteng rang undang-undang berkenaan. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) mengadakan lima sesi dialog dengan pihak industri melalui Persekutuan Pekilang-kilang Malaysia - *Federation of Malaysian Manufactures* (FMM) pada tahun 2003 dan 2004;

- (ii) mengadakan dua bengkel mengenai KSK di Malaysia pada tahun 1996 dan 2003. Bengkel-bengkel ini telah diadakan dengan kerjasama OPCW;
- (iii) mengadakan bengkel kursus-kursus dengan kerjasama OPCW untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan ahli-ahli FMM; dan
- (iv) memberi taklimat mengenai pelaksanaan mengenai KSK di Malaysia dari semasa ke semasa. Taklimat yang telah diberi pada tahun 2004 dan 2005 adalah kepada Ahli-ahli FMM dan kepada *Malaysian Petrol Chemical Association* dan *Malaysian Oleochemical Manufacturers Group* (MOMG).

Kementerian Luar sebagai kementerian yang menerajui isu ini merancang dan meneruskan usaha mempertingkatkan dan mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman mereka yang berkenaan terutama pihak industri mengenai penguatkuasaan Akta KSK kelak melalui program *outreach* yang akan diadakan dari semasa ke semasa.

Kerajaan juga akan meneruskan kerjasama dengan OPCW dalam usaha membina keupayaan mereka yang berkenaan. Dalam hal ini suatu mesyuarat serantau mengenai isu bantuan dan perlindungan kepada orang awam akibat daripada penggunaan atau ugutan untuk menggunakan sebarang senjata kimia sedang berlangsung di Kuala Lumpur.

Selain itu, kerajaan dengan kerjasama OPCW akan mengadakan beberapa bengkel dalam jangka masa dua tahun mengenai pembinaan keupayaan dalam isu bantuan dan perlindungan khusus bagi pegawai-pegawai daripada agensi-agensi berkaitan. Bengkel pertama dijangka akan diadakan pada 11 hingga 14 Julai 2005.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini eksport barangan kimia dan bahan kimia Malaysia pada tahun 2004 adalah sebanyak RM46.54 bilion atau 12.4% dari jumlah keseluruhan eksport barangan siap. Sementara import barangan kimia dan bahan kimia pula RM35.51 bilion atau 10.3% dari jumlah keseluruhan import barangan siap.

Kerajaan juga sedar dan amat prihatin tentang implikasi KSK ke atas industri kimia negara. Kesedaran kepentingan industri inilah yang telah mendorong kerajaan

menjadi negara pihak kepada KSK dan selanjutnya menggubal satu undang-undang kebangsaan bagi menguatkuasakannya di Malaysia.

Rakan dagangan utama kita bagi barangan kimia dan bahan-bahan kimia antara lain merangkumi negara Amerika Syarikat, Jepun, negara-negara Kesatuan Eropah yang merupakan negara pihak kepada KSK.

Sekiranya Malaysia merupakan sebuah negara bukan pihak perdagangan Malaysia dengan negara-negara pihak menjadi terhad. Ini adalah kerana mengikut peruntukkan A(1) Bahagian 6 lampiran berkenaan verifikasi KSK, negara pihak kepada KSK tidak boleh mengeluarkan, memperoleh, menyimpan atau menggunakan bahan-bahan kimia dalam Jadual 1 KSK di luar wilayah negara pihak dan tidak boleh memindahkan termasuk eksport dan import bahan-bahan kimia tersebut ke mana-mana negara bukan pihak.

Bagi bahan-bahan kimia dalam Jadual 2 KSK pemindahan ke negara-negara bukan pihak juga tidak dibenarkan. Ini adalah selaras dengan peruntukkan C(31) Bahagian 7 lampiran berkenaan verifikasi KSK. Sementara itu, selaras dengan peruntukkan C(26) Bahagian 8 lampiran berkenaan verifikasi KSK, pemindahan bahan-bahan kimia dalam Jadual 3 KSK kepada negara bukan pihak memerlukan Perakuan Pengguna Akhir atau *End User Certificate*.

Terdapat juga peruntukkan di bawah Artikel-artikel 12 KSK di mana tindakan boleh diambil terhadap mana-mana negara pihak sekiranya negara tersebut gagal memenuhi obligasi-obligasi di bawah konvensyen. Dalam hal ini, sekatan perdagangan atau *transaction* mungkin akan dikenakan. Oleh itu, demi menjaga kepentingan industri kita kerajaan telah memutuskan bahawa ada lebih manfaatnya sekiranya Malaysia menjadi negara pihak kepada KSK.

Sebagaimana telah ditegaskan di Dewan Rakyat tempoh hari, Akta KSK 2004 tidak bertujuan menghalang pengeluaran, penggunaan, perolehan, penyimpanan dan pergerakan bahan-bahan kimia berkenaan. Tujuan akta ini adalah mengawal aktiviti-aktiviti ini untuk memastikan ia tidak disalahgunakan dan tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pihak industri tidak perlu bimbang sekiranya peruntukkan-peruntukkan berkenaan di dalam Akta KSK 2004 dipatuhi kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka.

Antara tanggungjawab penting Malaysia sebagai negara pihak adalah memastikan pengisytiharan tahunan berkala dikemukakan kepada OPCW. Dalam hal ini kerjasama penuh pihak industri amat diperlukan untuk membolehkan kerajaan memenuhi tanggungjawab antarabangnya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin menegaskan tentang perkembangan isu perlucutan senjata atau *disarmament* dan ketidak cambahan senjata pemusnah besar-besaran (*Non-Proliferation of Weapons of a Mass Destruction*). Perkara ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negera di Dewan Rakyat semasa RRU KSK 2004 dibentangkan.

Mesyuarat dunia telah dan kini melipatgandakan usaha mereka ke arah memastikan perwujudan satu rejim undang-undang berkaitan semua isu perlucutan senjata atau *disarmament* dan ke tidakcambahan senjata pemusnah besar-besaran (*Non-Proliferation of Weapons of a Mass Destruction*). Usaha ini meliputi senjata-senjata biologi, nuklear dan konvensional atau *conventional arm* di mana konvensyen-konvensyen mengenainya telah diterima.

Di samping itu, mesyuarat dunia juga sedang mempergiatkan usaha ke arah memastikan negara-negara mempunyai undang-undang kawalan eksport yang efektif. Apa yang jelas tentang perkembangan ini ialah ia memperlihatkan bahawa sesetengah negara bertindak secara licik, memasukkan peruntukkan-peruntukkan yang akan hanya memanfaatkan mereka termasuk peruntukkan-peruntukkan yang akan memberi kuasa untuk mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara-negara pihak yang tidak memenuhi tanggungjawab mereka.

Sebagai negara perdagangan bukan sahaja Malaysia perlu peka tentang perkembangan semasa ini tetapi tindakan sewajarnya hendaklah diambil bagi memastikan perdagangan dan kedaulatan negara tidak akan terjejas.

Kesimpulannya, RRU KSK 2004 ini adalah satu langkah penting untuk kerajaan memenuhi tanggungjawab sebagai negara pihak kepada KSK. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-Undang bernama satu akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Memandangkan masa untuk perbahasan sudah cukup saya tangguhkan Dewan ini ke jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.31 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah mula bercakap tadi?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: *[Menggelengkan kepala]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, dalam masalah Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia tahun 2004 bacaan kali kedua sudah pun dikemukakan dan sudah pun disokong, maka Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia. Dan tentang kemusnahannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang. Terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. S. Vijayaratnam, silakan.

2.34 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakyat harus menghargai keputusan kerajaan untuk melaksanakan konvensyen tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata-senjata kimia dan tentang kemusnahannya.

Tuan Yang di-Pertua, senjata kimia ialah cara peperangan dan operasi-operasi tentera yang menggunakan kandungan racun, bahan-bahan kimia supaya membunuh, mencedera atau mencacatkan insan. Keberkesanan memusnahkan senjata kimia bukan melalui letupan seperti bom biasa, ia menyebarkan melalui berbagai-bagai cara

seperti tiupan angin, bom tanpa letupan dan semburan ataupun *spray* dengan izin dari kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memberi sedikit sejarah berkenaan dengan senjata-senjata kimia. Pada zaman batu ataupun *stone age* dengan izin pun anak panah-anak panah, *arrow* dengan izin yang ditambahkan dengan racun ular atau racun kala jengking dipakai. Di negara China pada Abad ke-4 BC, asap daripada bakaran biji sawi ataupun *mustard* dengan izin digunakan masa menghadapi tentera-tentera musuh. Kebakaran '*compound sulfur*' dan kayu digunakan oleh tentera-tentera Athens dan Sparta pada Abad 5 BC.

Pada Abad 17 dan 19, pelbagai agen kimia digunakan di Eropah. Di antaranya ialah bom dengan kandungan sulfur, minyak tanah, antimoni dan bahan-bahan racun lain sepertidona dan cyanide. Pada Perang Dunia Pertama, senjata-senjata kimia digunakan dengan sepenuh-penuhnya. Di beberapa tempat di Eropah khususnya di negara Perancis, di antara agen-agen yang dipakai ialah gas klorin, fosil dan gas biji sawi ataupun mustard gas, dengan izin.

Perangkaan-perangkaan tersebut bahawa 85,000 tentera dan askar mati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar sebab Yang Berhormat mula perbincangan dengan begitu luas dan umum. Dan sebab dari awal lagi pukul 10, kita melalui masa pertanyaan dan juga masa perbincangan. Dewan menghadapi masalah yang berkaitan dengan konteks, maka teringat saya kepada Penyata Tahunan Malaysia tahun 1964 yang telah ditunjukkan kepada saya kerana di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak disebut apakah fungsi Senat atau Dewan Negara.

Maka dalam penyata tersebut dan bukan dalam Perlembagaan Persekutuan disebutkan '*the function of the upper house is perhaps*' dan '*of an auditor examining in detail legislation that has been past by the lower house*', jadi fungsi Senat dalam konteks perbincangan kita.

Nombor duanya, supaya juga berkaitan dengan konteks rang undang-undang ini tidak menghadapi masalah seperti telah dihadapi oleh satu, dua rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat pembentang sama ada rang undang-undang ini berdiri sebagai *stand alone* dengan izin

atau sebahagian daripada perundangan yang mengandungi banyak akta-akta yang lain yang berkaitan supaya tidak timbul lagi soal interpretasi konteks. Jika Yang Berhormat tidak mempunyai ucapan, adakah ia *stand alone*?

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah *stand alone*.

Tuan Yang di-Pertua: *Stand alone*.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita telah diberitahu bahawa rang undang-undang ini adalah *standalone*. Jadi ingatlah konteks tersebut dan rangka apa yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan merujuk kepada fungsi Dewan Negara seperti yang disebutkan tadi. Yang Berhormat boleh teruskan ucapan dan saya mohon maaf kerana mengganggu.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya cuba memberi sedikit latar belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Mukadimah, mukadimah.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat susah hendak sebut, itu perkataan bahasa tetapi ia berasal daripada perkataan Arab, mukadimah.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Mukadimah, terima kasih. Pada tahun 1920 apabila ada pemberontakan di antara rakyat keturunan Arab dan Kurdis di Mesopotamia, kuasa jajahan British membenarkan kegunaan gas biji sawi ataupun *mustard gas*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan sedikit. Apakah agen-agen atau bahan-bahan kimia yang wujud dan boleh dipakai untuk perang berkimia. Di antaranya adalah klorin, *phosgene* dan *mustard gas* yang disebarkan melalui tiub angin. Ada jua *lure side*, racun urat saraf yang dinamakan *nerve agent*, dengan izin, seperti *sarin* dan *tabun* yang disebarkan melalui bom ataupun semburan.

Biasanya senjata-senjata kimia adalah untuk gas atau cecair yang cepat menyejat menjadi gas. Semuanya dapat disebarkan dengan cepat ke kawasan yang luas. Ada yang berkesan untuk jangka masa pendek sahaja dan ada yang wujud untuk jangka masa panjang dan mencemarkan seperti racun urat saraf, *VX nerve gas*.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kesan-kesannya senjata-senjata kimia di atas badan manusia? Ejen senjata kimia seperti *sarin*, *VX* dan *BZ* ialah yang ada kesan ke atas urat saraf dan menyebabkan sesak nafas, berpeluh, kurang nampak, sawan dan kegagalan urat saraf dan juga kelumpuhan. Ejen seperti *hydrogen cyanide* ialah racun darah dan menyebabkan sawan, pengan, nafas cepat dan kekurangan oksigen kepada badan. Ejen seperti *mustard gas* dan *lure side* adalah ejen yang boleh melukakan kulit dan menyebabkan kebakaran atau pedih kulit dan mata dan luka yang boleh dijangkiti oleh kuman-kuman. Ada juga ejen yang merosakkan paru-paru seperti *phosgene* dan klorin.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya gas pemedih mata yang digunakan oleh FRU pun boleh dikira sebagai satu ejen senjata kimia.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan-tujuan Konvensyen Senjata Kimia telah memberi mandat kepada OPCW ataupun *Organization for the Prohibition of Chemical Weapons*, dengan izin, Pertubuhan Bagi Larangan Tentang Senjata Kimia. Malaysia bersama-sama telah menyertainya untuk membanteras kesan-kesan dahsyat dan gerun senjata-senjata tersebut.

Inspektor-inspektor OPCW sentiasa melaksanakan pemantauan dan mengesahkan kemusnahan senjata-senjata kimia termasuk kilang-kilang yang disimpan iaitu *stock pile*, dengan izin. Tiap-tiap negara ahli konvensyen diwajibkan memberi perlindungan dan bantuan melalui OPCW jika senjata-senjata kimia telah digunakan di atas mana-mana negara ahli atau negara ahli diancam oleh serangan senjata kimia. Konvensyen tersebut menggalakkan kerjasama antarabangsa untuk kegunaan proses-proses kimia untuk kegunaan keamanan.

Ini boleh dikira sebagai satu cara mengurangkan kesenjataan ataupun *disarmament*, dengan izin, yang dilaksanakan pada tahun 1997. Tujuan jangka masa panjang konvensyen ialah membasmi senjata-senjata kimia dari dunia. Caranya ialah musnahkannya daripada wujud lagi dan melarang produksinya. Pada April 2005, 169 negara mewakili 95% populasi dunia telah menjadi ahli OPCW dan senarainya ada di sini.

Mengikut data yang dikeluarkan, ada enam negara yang masih mempunyai senjata-senjata kimia melalui deklarasi yang diketahui. Mereka harus memusnahkan

lapan juta benda-benda atau senjata-senjata kimia sama dengan 70 ribu tan metrik. Sedikit sahaja amalan gas urat saraf, yang tidak lebih besar kepala jarum boleh membunuh seorang dewasa. Proses pemusnahan akan dipantau dan disahkan oleh OPCW dengan pengawasan bahawa nyawa orang-orang awam tidak akan dibahayakan dan juga pencemaran alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap ahli negara diwajibkan mencipta undang-undang yang sesuai supaya perkembangan produksi, kegunaan, penyimpanan dan pemindahan bahan-bahan senjata kimia dianggap salah di sisi undang-undang ataupun diharamkan. Hukuman keras harus disyorkan dan kerjasama antarabangsa di antara negara-negara ahli juga dihargai untuk pendakwaan cepat supaya Konvensyen Senjata Kimia dapat dilaksanakan dengan berkesan dan untuk melicinkan prosesnya, setiap negara ahli diwajibkan menubuhkan satu pihak berkuasa kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah apa yang diminta oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Pihak berkuasa kebangsaan akan menjalankan koordinasi dan akan menyambut inspektor-inspektor dari OPCW yang ingin memeriksa fasiliti-fasiliti industri atau kem-kem tentera negara. Mereka akan mengeluarkan pengisytiharan-pengisytiharan ataupun *declaration*, dengan izin, permulaan pengisytiharan, *initial declaration*, dengan izin...

Tuan Yang di-Pertua: Dan, kini dibentangkan. Dan saya jangka tidak akan berbangkit masalah seperti yang kita dapat saksikan sepanjang dua hari yang lalu kerana Fasal 4, (1) dan (2) di mana disebutkan,

- (1) *Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangka, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan senjata kimia, agen kawalan rusuhan, bahan kimia yang dimaksudkan bagi tujuan yang tidak dilarang, dan bahan kimia organik diskret.”*
- (2) *Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan senjata kimia, agen kawalan rusuhan, bahan kimia toksik yang dimaksudkan bagi tujuan yang tidak dilarang; dan bahan kimia organik diskret, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi peruntukan mana-mana*

undang-undang bertulis lain itu dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakserasian itu disifatkan digantikan.”

Maka konteksnya digariskan dengan tepat dan baik di bawah Fasal 4. Maka Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara tidak perlulah resah dan bimbang sama ada ia meliputi dan ia kawal daripada lebih yang diminta. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya sambung, menyentuh sedikit sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan. Maksud saya hanyalah untuk membantu Yang Berhormat bagi menepati konteks.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Konvensyen Senjata Kimia pun bertujuan menggalakkan kerjasama di antara negara-negara ahli untuk kegunaan pelajaran kimia untuk kedamaian. Ini diharap dapat dicapai melalui penyelidikan, bantuan guaman, latihan teknikal dan pengurusan perkara-perkara kima yang selamat.

Tuan Yang di-Pertua, senjata-senjata kimia boleh mengakibatkan kemusnahan, maut dan penderitaan yang teruk. Jika ada serangan kimia, ada negara yang mempunyai teknologi untuk menentanginya termasuk pakaian perlindungan yang mencukupi untuk rakyat tetapi bukan semua negara mampu.

Oleh yang demikian, ahli-ahli diwajibkan memberi bantuan dan alat-alat perlindungan jika misalnya sesuatu negara ahli miskin diserang. Ini adalah termasuk kakitangan-kakitangan terlatih meramalkan bahaya ataupun *hazard prediction*, mengenal pasti dan penghapusan kecemasan, perkhidmatan perubatan dan sebagainya.

Semua senjata yang diisytiharkan mempunyai bahan kimia yang telah dilembamkan, ataupun *inactivated*, dengan izin. Dua atau tiga kilang-kilang senjata kimia yang diisytiharkan telah dimusnahkan atau mengubah untuk pengeluaran-pengeluaran yang tidak bahaya. Semua senjata-senjata kimia yang diisytiharkan telah masuk inventori dan disahkan ataupun *verified* dengan izin. 25% senjata-senjata kimia yang diisytiharkan di antara 8.5 juta tan telah dimusnahkan di dalam pemeriksaan tahun

2000 dan lebih dari dua ribu pemeriksaan telah pun dijalankan atas 170 tapak yang berkaitan dengan senjata-senjata kimia. Diperiksa juga sebanyak 600 kilang di 68 negara. Semua perangkaan ini akan memberikan satu gambaran di atas operasi-operasi OPCW yang begitu luas dan komprehensif. Kecekapan organisasi tersebut harus dihargai oleh komuniti antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tiada kesangsian ataupun *doubt, there is no doubt* dengan izin, bahawa Malaysia harus menguatkuasakan konvensyen larangan senjata-senjata kima dan semua syarat yang disyorkan olehnya. Ini adalah untuk kebaikan dan keuntungan negara dan juga ia akan memberi keyakinan kepada rakyat bahawa mereka dilindungi di atas serangan kimia dan mengambil kira ancaman keganasan yang sentiasa wujud pada zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana selepas serangan dua kapal terbang di New York pada 11 September 2001, pihak Al-Qaeda membuat kenyataan bahawa mereka sedang mencari senjata-senjata biologi, radiologi dan kimia. Mereka telah pun menunjukkan melalui video tiga anjing dimatikan oleh gas urat saraf. Namun, saya mengambil perhatian bahawa salah satu di antara syarat-syarat OPCW ialah membenarkan Inspektor-inspektor Antarabangsa masuk ke fasiliti industri dan kem-kem tentera.

Walaupun tujuannya boleh kita faham tetapi diharap ini tidak akan bertolak ansur terhadap keselamatan dalam negara. Kita harus berwaspada apabila membuka pintu kem-kem tentera seperti Tentera Udara atau Tentera Laut kita kepada orang luar, apakah penjaminan bahawa penerangan-penerangan rahsia dan sensitif di atas alat-alat senjata lain ataupun kapal terbang, kapal perang yang tidak diperhatikan dan dibawa keluar ke pihak-pihak musuh yang lain.

Saya yakin, kerajaan telah pun menimbangkan isu-isu ini. Pihak Berkuasa Kebangsaan yang akan ditubuhkan harus memastikan bahawa kedaulatan negara tidak dikompromi. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hassan bin Haji Shukri.

2.58 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan rang undang-undang yang sedang kita bahaskan dan telah dimulakan oleh Yang Berhormat sahabat kita baru-baru ini tadi.

Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertama sekali ialah tentang Jawatankuasa Kebangsaan di mana dalam akta yang sedang kita bahaskan ini telah dinyatakan tentang Pihak Berkuasa Kebangsaan. Saya melihat bahawa yang dimaksudkan dengan Pihak Berkuasa Kebangsaan ini ialah mereka yang telah diberi kuasa oleh Akta ini kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantiknya. Di antaranya ialah seorang Pengerusi. Kemudian, selain daripada itu, daripada Bahagian 6(1), 6(2)(a), (b) sampailah kepada (o).

Kesemuanya ini telah dinyatakan tentang orang-orang ataupun mana-mana orang yang boleh dilantik oleh Menteri bagi menjadi Ahli Jawatankuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan dan saya kira ini anggota-anggota yang telah disebutkan di dalam Perkara 6 (2) ini daripada (b) sampailah ke akhirnya adalah anggota-anggota yang sudah mencukupi.

Demikian juga saya melihat tentang tanggungjawab, fungsi yang telah diberikan kepada pihak yang berkuasa kebangsaan ini. Ini juga saya kira sudah cukup dan sudah menepati buat sementara ini, kecualilah jika sekiranya akta ini nanti dilaksanakan, ada kekurangan ataupun kelemahan di sana sini, saya kira ianya boleh dikemukakan semula kepada Dewan Rakyat dan kemudian dibawa ke Dewan Negara ini untuk dilakukan beberapa pindaan yang munasabah.

Selain daripada itu, saya tertarik hati juga walaupun seorang pengerusi boleh dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi dia tidaklah boleh memegang jawatan itu buat selama-lamanya. Saya melihat di sini dia boleh memegang jawatan sebagai pengerusi untuk tempoh dua tahun dan dia juga boleh dilantik semula oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab bagi melaksanakan akta ini apabila ianya diluluskan.

Selain daripada itu, pengerusi bagi jawatankuasa ini juga, dia boleh dipecat. Bukan maknanya dia sampai tidak boleh dipecat. Dia boleh dipecat oleh pihak yang

melantiklah, pihak yang berkuasa Menteri. Sebab itu, disebutkan di sini dalam Perkara 11(3), Pengerusi boleh dipecat kerana sebab-sebab yang dinyatakan seperti dalam perenggan (a) ataupun cerai (a), (b) dan (c). Maknanya, jika sekiranya pengerusi melakukan kesalahan-kesalahan ataupun didapati di antara sebab-sebab yang membolehkan dia dipecat melalui akta ini, maka pengerusi boleh mengambil tindakan supaya pengerusi itu dipecat.

Selain daripada itu juga, yang menarik perhatian saya di sini bahawa Jawatankuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan ini boleh membentuk jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi ataupun tanggungjawab tertentu supaya urusan pelaksanaan bagi akta ini dapat dijalankan oleh pihak jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon laluan sebentar. Sebab, Yang Berhormat selalu bercakap mengenai soal nilai dan peradaban. Kita di sini akan mengesahkan satu konvensyen melalui kelulusan rang undang-undang ini yang telah pun diratifikasikan oleh negara-negara 100 lebih yang berlatarbelakangkan pelbagai peradaban sama ada Muslim, Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain. Tidakkah dengan kelulusan rang undang-undang ini, dari sukatan peradaban sejagat kita melangkah selangkah lagi ke arah maju dan berwibawa?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna kita juga negara Islam ini meratifikasikan satu konvensyen mendukung nilai sejagat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah saya tidak hendak mengulas apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat sahabat saya yang terdahulu tadi kerana beliau telah menerangkan tentang bahaya-bahaya racun yang digunakan dan sebagainya. Ini saya rasa semua agama, orang beragama Islamkah, Hindukah, Buddhakah, dari segi peradaban, saya rasa semuanya bersetuju dengan apa juga bentuk penindasan, penganiayaan ataupun yang boleh mengakibatkan kematian, kecederaan dan sebagainya. Saya ingat ini kita kata tidak banyak perbezaan di antara peradaban di kalangan orang-orang yang menganut apa-apa jua agama dalam dunia ini. Maka, saya boleh bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Maka, di antara ahli Sunah dan Syiah tidak boleh juga guna senjata sedemikian rupa?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, Syiahkah, Sunnikah memang tidak boleh gunalah. Walaupun ianya telah digunakan oleh sesetengah pihak ataupun sesetengah kalangan dalam, saya hendak kata peperangan tidak juga, pertempuran di antara puak Syiah dan puak Sunni.

Tuan Yang di-Pertua: Di Kurdistan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terutama sekali seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di Kurdistan iaitu di daerah-daerah yang diduduki oleh orang-orang Kurdistan kerana orang Kurdistan ini, di Iraq, mereka itu banyak tinggal seperti misalnya di Babylon. Dekat situ, ada orang Kurdis juga dan Arbil. Arbil ini di kawasan utara Iraq yang saya kira di situ lebih daripada 90% penduduknya adalah terdiri daripada orang-orang yang berbangsa Kurdis. Untuk pengetahuan Dewan ini, sepanjang yang saya tahu, bahawa dalam dunia ini yang tidak ada negara orang Kurdistanlah. Kurdistan ini ia tidak ada satu bangsa yang tidak mempunyai negara. Sebab itu, mereka bertaburan di dalam dunia ini.

Saya diberitahu oleh sahabat-sahabat dari kalangan Kurdistan ini, 16 juta daripada mereka ini tinggal di negara-negara republik yang di bawah kekuasaan Rusia. Di Iraq mereka ada lebih kurang antara empat juta hingga lima juta. Di Syria begitu juga, ada lebih kurang empat hingga lima juta. Di Turki, mereka juga ada lebih kurang begitulah, empat hingga lima juta. Saya difahamkan bahawa bangsa Kurdisan ini di seluruh dunia ada lebih kurang 60 juta bilangan mereka tetapi mereka ini tidak mempunyai negara. Kebanyakan mereka sekarang ini, pasti mereka telah berjaya dalam pilihan raya di Iraq baru-baru ini, parti Kurdil yang didukung oleh orang Kurdistan.

Walau bagaimanapun, ianya didukung oleh orang Kurdistan yang beragama Islam tetapi parti mereka ini adalah parti yang berasaskan ataupun berdasarkan kepada fahaman sosialis. Ini yang saya tahulah. Jadi sekarang ini, walau macam mana pun penggunaan senjata yang disebutkan ini tadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah. Walau apa pun fahaman, sosialis ataupun tidak sosialis tidak boleh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak boleh, semua tidak boleh. Tetapi, saya hendak terangkan supaya kita faham kerana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua menyebutkan Kurdistan tadi. Jadi, dengan sebab itu saya hendak bagi latar belakang tentang orang-orang Kurdistan ini. Dari segi Syiah, Sunni tadi, saya hendak beritahu juga orang-orang Islam di sini, orang Kurdistan ini dari segi mazhab agama Islamnya, 100% mereka ini bermazhab Shafie. 10,000 lebih kurang, saya rapat, saya berkawan dengan orang ini banyak, 10,000 daripada orang Kurdistan ini menganut apa yang dipanggil 'taifah syaitaniah'. Mereka ini menyembah syaitan. Apa bentuk syaitan saya pun tidak tahu. Itu dipanggil 'taifah syaitaniah'.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bentuk muka saya cukuplah. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perbincangan saya, saya membahaskan betul-betul dari sudut undang-undang ini sahaja. Saya tertarik ialah kerana maknanya jawatankuasa kebangsaan ini tadi, yang dibentuk oleh Menteri, dia boleh juga diberi kuasa untuk membentuk beberapa jawatankuasa kecil, dalam bahasa undang-undanglah saya rasa.

Jadi, melalui jawatankuasa kecil ini, banyak perkara yang boleh diteliti oleh jawatankuasa kecil ini sebelum ianya dikemukakan kepada jawatankuasa kebangsaan dan ini saya rasa adalah satu perkara yang sangat baik di dalam undang-undang yang dibentangkan ataupun rang undang-undang yang dibentangkan kepada kita pada pagi ini dan kita membahaskan pada petang ini. Demikian juga saya lihat dalam Jawatankuasa Pihak Berkuasa Kebangsaan ini, mewakili bukan sahaja kementerian-kementerian, tetapi juga mewakili pihak-pihak polis, Lembaga Racun Makhluk Perosak yang dahulunya aktanya kita telah bahaskan dan saya ingat dulu, kita tolak dalam Dewan ini kerana satu perkara sahaja tidak dimasukkan ialah perkataan "manusia". Kalau tidak silap saya, itu akta yang berkaitan. Kemudian Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Kastam atau wakilnya, Ketua Pengarah Kimia atau wakilnya, Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau wakilnya dan akhir sekali Ketua Pengarah Institut Kajian Sains dan Teknologi bagi pertahanan atau wakilnya. Ini yang bukan kementerian. Selain daripada itu sebelumnya diwakili juga oleh beberapa buah Kementerian yang kita lihat ada kaitan dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi akta ini juga memberi kuasa kepada pihak Menteri untuk melucutkan ataupun untuk memecat Pengerusi seperti yang saya sebutkan tadi kerana Tuan Yang di-Pertua celah, jadi saya tidak habis. Walau bagaimanapun, maknanya Pengerusi ini diberikan tempoh untuk pelantikan awalnya dua tahun tetapi boleh disambung. Tetapi apabila seseorang Tuan Pengerusi bagi jawatankuasa ini melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang disebutkan dalam fasal 11(3) dia kata, "Tuan Pengerusi boleh dipecat". Saya baca sedikit satu dua sahaja.

- "(a) jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga memburukkan nama Pihak Berkuasa Kebangsaan' - Maknanya Menteri yang melantik Tuan Pengerusi boleh memecat Tuan Pengerusi yang tersebut;*
- (b) jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya dengan sepatutnya sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa Kebangsaan;*
- (c) jika telah dibuktikan terhadapnya atau jika dia disabitkan atas sesuatu pertuduhan berkenaan dengan –*
- (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak.*

Ini sebagai contoh-contoh yang disebutkan di dalam akta ini yang membolehkan seseorang Pengerusi yang telah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk memecat Pengerusi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Maka tidaklah timbul kesamaran faham yang menjadi isu hari ini mengenai seorang Naib Canselor ya?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya tidak hendak campur soal UPM itulah. Saya hanya terhad untuk membahaskan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna undang-undang lebih lengkaplah.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Pada masa ini kita rasa ia adalah suatu undang-undang yang lengkap dan kita harapkan mudah-mudahan dengan adanya undang-undang ini, perlakuan-perlakuan yang dilarang oleh undang-undang ini tidak akan

berlaku terutama sekali apabila Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan menjalankan kuasa-kuasanya bagi menghalang sebarang apa jua langkah dan tindakan yang boleh merosakkan sama ada manusia....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak Yang Berhormat, saya andaikan pihak berkuasa Kebangsaan, jawatankuasanya ini saya andaikannya sebagai Lembaga Pengarah sesebuah universiti. Sebab itu saya sebut begitu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu jika sekiranya kita andaikan dia sebagai Lembaga Pengarahlah. Tetapi saya rasa berbeza dengan Lembaga Pengarah Universiti dengan apa yang disebutkan di dalam akta ini kerana Lembaga Pengarah Universiti mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu dan di sini juga dia mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Ada sedikit perbezaan. Jadi saya tidak mahu masuklah ke dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab memang kerja Dewan ini adalah memperbincangkan dengan teliti dan terperinci soal-soal kuasa.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas penjelasan yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang lain-lain saya rasa tentang larangan dan pengecualian aktiviti yang sudah sedia ada dan lain-lain saya tidak hendak cakaplah.

Saya bagi ruang dan peluang kepada sahabat-sahabat yang lain yang mungkin lebih menitikberatkan tentang persoalan kimia. Tetapi barangkali dari segi sudut persoalan kimia ini tadi telah dinyatakan oleh sahabat kita yang pertama. Tetapi yang kita bahaskan ini ialah soal-soal yang berkaitan dengan Jawatankuasa Kebangsaan dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya bagi melaksanakan tugas mereka supaya senjata kimia dan barang-barang yang di dalamnya mengandungi kimia ini tidak akan dilakukan begitu sahaja. Walau bagaimanapun, dari segi perindustrian tadi telah disebut juga dalam akta ini bahawa ada yang dibenarkan. Bukan tidak boleh semua. Ada yang dibenarkan, cuma saya akhirnya saya hendak ingatkan persoalan inilah. Kadang-kadang saya yang hairan. Israel mempunyai senjata kimia yang hebat. Amerika tidak persoalkan sedikit pun.

Tetapi apabila Iran dan Pakistan ada membuat senjata ini, Amerika bising seluruh dunia. Ini pun satu persoalan..

Tuan Yang di-Pertua: Itu senjata nuklear tidak termasuk bawah senjata kimia.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Itu kimia juga itu. Jadi nuklear namanya, tetapi ada kimia di situ. Jadi..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia Rang Undang-undang lain.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Ketawa]* Saya hendak satukan benda ini pasal dia ada kaitan dengan tindakan-tindakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak uji saya ya?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Ketawa]* Jadi dengan sebab itu saya haraplah supaya Menteri dapat memberikan penjelasan kepada Dewan ini kenapa ia boleh berlaku yang sedemikian. Adakah ini suatu *double standard*? Jadi sebagaimana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa ia adalah suatu kemajuan manusia, tetapi ada manusia yang mencegah ataupun yang menghalang tindakan-tindakan manusia yang lain yang berusaha untuk melakukan sesuatu kerana kadang-kadang sejak kimia ini kadang-kadang....

Tuan Yang di-Pertua: Rupa-rupanya ada manusia yang kononnya bertamadun tinggi, mengajak kita supaya mencapai tahap tamadun tinggi. Sedangkan mereka pun belum lagi tentu sudah capai tahap tamadun tinggi. Adakah itu Yang Berhormat hendak sebutkan?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lebih kurang begitulah. *[Ketawa]*

Jadi kita jangan dengar sangatlah. Katanya dia bertamadun tinggi, kemudian kita hendak tiru, tetapi sebenarnya mereka mengajak manusia ini untuk tidak bertamadun kerana sebagai manusia yang bertamadun, dia melakukan perbuatan manusia yang tidak bertamadun. Membunuh manusia dengan secara tidak beradab, secara tidak bersopan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng. Yang akhir ya. Adakah sesiapa lagi? Satu lagi dan Yang Berhormat Menteri boleh menggulung dan menjawab. Ada lagi? Dua lagi. Lepas itu Datuk Hajah Dayang Mahani dan Yang Berhormat boleh menggulung pada petang ini saya sangka kalau mereka tidak panjang.

3.08 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberi sedikit pandangan Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 itu dan kita telah diberi maksud supaya diadakan rang Undang-undang ini. Iaitu kita hendaklah satu akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya. Apabila saya telah semak konvensyen tersebut, saya dapati ia diperbuat di Paris pada 13 Januari 1993. Sudah 12 tahun dan konvensyen mempunyai 24 artikel. Sungguhpun sudah begitu lewat bagi Malaysia sebagai satu negara yang menunjukkan kepimpinannya dalam dunia untuk mengadakan suatu akta macam ini. Tuan Pengerusi bagi saya ini bukan terlalu lambat. Biarkan kita ada pada akhirnya supaya kita juga menunjukkan ketidaksesuaiannya senjata kimia seperti ini digunakan. Kalau kita mahu tahu sedikit sebanyak tentang kesan-kesan senjata kimia ini, kita telah diberi sedikit latar belakang oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Saya juga mencadangkan satu laman web di mana maklumat tentang ini boleh juga diperolehi iaitu www.comeclean.org.uk. *Come clean* ini ialah satu badan NGO yang telah memperjuangkan supaya barangan seperti senjata kimia ini tidak digunakan untuk membunuh manusia dan semua kesan termasuk penyelidikan yang telah di buat di Porton Down, Wiltshire sejak tahun 1916 itu juga dimaklumkan. Mereka yang dengan rela menjadi pembantu dalam penyelidikan dan kajian itu akhirnya telah menjadi mangsa kepada apa yang telah digunakan itu. Bagi saya ini adalah satu perkara yang harus dilihat oleh rakan-rakan saya...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat katakan tadi tentang NGO yang bernama *Come Clean* dan yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat ini - Yang Berhormat berkata saintis-saintis yang telah pun membuat *research* berkenaan dengan kimia ini telah menjadi mangsa, mangsa apa yang

sebenarnya? Apakah mangsa untuk tidak dapat meneruskan *research* mereka ataupun mangsa dalam menjalankan tugas untuk mencapai sesuatu bahan *research* yang boleh digunakan dalam peradaban sejagat yang apa Tuan Yang di-Pertua cakapkan tadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Mereka yang berkenaan telah membantu dalam penyelidikan itu dan apa yang telah dihasilkan itu telah digunakan ke atas mereka dan dalam satu kes suatu *nerve agent* itu yang dinamakan *sarine* sebanyak 200 miligram telah diletakkan di atas kulit mereka ini dan dalam masa 45 minit mereka telah mati. Hanya letak satu titik di atas kulit dalam masa 45 minit mereka telah meninggal dunia. Itulah akibat daripada ujian-ujian yang telah dijalankan.

Dalam Porton Down itu lebih kurang 6,000 sehingga 8,000 daripada mereka telah menghadapi masalah akibat daripada kerelaan mereka untuk membantu dalam penyelidikan ini. Jadi, ini adalah satu perkara yang begitu serius dan memandangkan kesan daripada senjata api ini bagi sayalah.....

Tuan Yang di-Pertua: Senjata kimia.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Senjata kimia ini begitu teruk sehingga kita haruslah jangan membenarkannya dan sesuai bagi Malaysia untuk bersama-sama *ratify convention* ini dan akibat daripada itu kita sudah ada satu rang undang-undang di hadapan kita pada hari ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi terima kasih kepada Dato' Dr. Chin. Saya juga tertarik apabila kita melihat bahawa apabila ada penyelidikan yang boleh mengakibatkan kematian ini sudah tentu semua di kalangan kita ini bersetuju supaya *convention* ini adalah satu-satunya perkara yang baik untuk melihat bahawa manusia sejagat pada masa hadapan mungkin tidak akan lagi menggunakan senjata kimia dalam peperangan dan sebagainya.

Tetapi bagaimana pula kalau penyelidikan kimia yang secara *detailnya* adalah untuk menggunakan bahan-bahan kimia bagi penyelidikan yang lain yang mungkin juga

dalam penyelidikan dan dalam perkara-perkara yang mereka buat itu timbul satu bahan kimia yang mungkin juga akan merosakkan dan boleh digunakan sebagai senjata kimia dengan secara tidak langsung. Kerana selalunya penyelidikan ini mereka selidik benda lain, contohnya Viagra. Penyelidikan yang dibuat untuk benda lain tetapi akhir-akhirnya apabila digunakan boleh guna untuk benda lain yang lebih terkenal pada hari ini. Jadi bagaimana kalau perkara itu timbul? Ini yang saya hendak tanyakan dengan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Dalam isu ini tujuan akta ialah larangan penghasilan. Kalau daripada penyelidikan dan akibat daripada sampingan itu kita telah menghasilkan sesuatu yang ada kesan-kesan seperti senjata kimia, pihak yang berkenaan dengan adanya akta ini dilarang menghasilkan itu. Jadi, ia mesti serta-merta memusnahkan barangan itu supaya tidak dapat digunakan. Itu adalah tujuannya dan kalau kita tidak ada akta ini maka kita boleh hasilkan dan dia boleh simpan dan kemudian mungkin boleh menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu nama rang undang-undang ini begitu panjang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Oleh kerana itu tajuknya begitu panjang supaya merangkumi semua aspek. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila, sila.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Memanglah dalam akta ini, dalam Perkara 18 disebutkan tentang larangan-larangan yang dikenakan ke atas seseorang yang menggunakan senjata kimia ini dan ianya jelas dinyatakan dalam Perkara 18(1)(a) hingga (f). Cuma persoalannya sekarang ini kita tidak benarkan katakanlah di negara kita menggunakan senjata kimia ini, tetapi saya difahamkan bahawa senjata kimia ini boleh digunakan dari jarak jauh.

Sewaktu Perang Teluk saya kebetulan pada waktu itu ada di Baghdad. Jadi dia gunakan jarak jauh daripada dia tembak dan lancarkan daripada Teluk Parsi sampai ke Baghdad dan nasib baiklah pada waktu itu memanglah ramai yang mati di hotel tempat saya tinggal itu. Jadi bagaimana agaknya kita hendak halang senjata kimia yang digunakan dari jarak jauh ini yang ada ini kebanyakan ialah kita hendak menghalang

penggunaan kimia ini di dalam negara kita tetapi kalau digunakan oleh orang lain dari jarak jauh macam mana agaknya Yang Berhormat kalau kita hendak menghalang orang yang menggunakannya dari jarak jauh ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam *convention* yang telah diterima pakai itu, maka ada peruntukkan-peruntukkan semua negara yang telah menandatangani *convention* tersebut ada tanggungjawab masing-masing. Ini termasuk tidak menghasilkan dan tidak menggunakan senjata kimia ini. Mereka ada prosedur, di Bahagian V itu ada prosedur untuk pemeriksaan dan sebagainya. Saya akan menghuraikan sedikit tentang perkara ini kerana saya dapati itu tidak mencukupi dari aspek kawalan dan sebagainya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat sangat ini kerana saya rasa Dato' Dr. Chin Fook Weng ada buat.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat terus. Yang Berhormat sudah bagi notis bahagian Yang Berhormat rasa mungkin tidak mencukupi. Sila Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya minta maaf, saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tadi Yang Berhormat kata saya akan bahas.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bahagian lima.

Tuan Yang di-Pertua:bahagian lima. Sila teruskan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey. Sebelum itu sebab tadi betullah saya tengok dalam Akta ini betul kalau kita dapat hasil sesuatu itu kita kena buang stoknya. Bagaimana pula dengan *formulationnya*? Saya hendak tahu apakah formula yang *scientist* yang menyelidik barang-barang tersebut, sudah selidik ada formula-formula akhirnya menimbulkan satu bahan yang boleh menjadi senjata. Kita musnahkan stok betullah, dengan formula itu bagaimana pula. Saya hendak tanya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya sebagai seorang penyelidik ini pun dalam bidang saya. Dua perkara yang penting diperlukan dalam sesuatu penyelidikan, satu ialah sumber kewangan. Kalau tidak sesiapa memberi sumber kewangan, katakan kumpulan pegganas, kerajaan atau sesiapa sahaja kalau tidak ada peruntukan kewangan untuk membiayai penyelidikan itu

maka semua penyelidikan itu tidak dapat dijalankan kerana kosnya begitu tinggi. Ini perkara yang pertama dan yang kedua kita juga memerlukan kepakaran dalam membuat penyelidikan seperti ini.

Kebanyakan daripada *scientist* yang terlibat dan sebagainya sudah dikenali dalam negara itu dan apabila kita tahu sesuatu itu berlaku kita lebih kurang boleh cari siapa yang membuatnya dan siapa yang menghasilkannya. Kalau kita dapat mencari sumber itu, *source* itu maka tindakan boleh diambil. Jadi, kalau ada formula atau rumusan tertentu yang telah didapati akibat daripada penyelidikan itu maka kita boleh tahu dan kita boleh sekat orang atau *scientist* berkenaan supaya kita berhati-hati tentang apa dia buat dan kemudian bila dia menghasilkan sesuatu kita boleh ikut perkembangan dan sebagainya.

Jadi, suasana seperti ini bagi saya adalah sukar kecuali ada kumpulan-kumpulan tertentu yang membiayai tindakan seperti itu dan kerajaan tentu tidak akan membiayai kerana kerajaan kita sekarang mahu satu rang undang-undang diluluskan supaya ia akan mengehendkan dan melarang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus juga Dewan Negara ada seorang *practicing researcher* sebagai ahlinya ini, ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah memang fungsi kita. Pada pagi ini saya telah menjalankan mungkin surat khabar itu tidak.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat habiskan dahulu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng:tidak memahami peranan kita dan oleh kerana itu telah menyalahkan tindakan-tindakan seolah-olah kita tidak menyokong usaha kerajaan, seolah-olah kita mahu menentang untuk menunjuk bahawa kita ada kuasa. Itu bukan, itu bukan tujuannya. Bagi saya tujuan kita ialah membantu kerajaan supaya kita menunjukkan kelemahan-kelemahan yang ada, supaya kita dapat memberi idea-idea dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan "senat" ialah penasihat kepada Raja, *adviser to the Emperor*. Masa Roman senat itu telah dilantik dan itu semua Julius Caesar dan sebagainya mereka menjadi penasihat. Jadi, kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Dan, seperti saya sebutkan tadi juga dalam zaman moden ini fungsi senat ialah sebagai *auditor*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Kita mungkin ubah tapi peranan.....

Tuan Yang di-Pertua: *Auditor of legislation*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betul, tetapi di antara kita ada pihak-pihak atau orang-orang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong lebih daripada setengah daripada Ahli Dewan Negara ini dilantik. 26 orang sahaja dilantik oleh Dewan Undangan Negeri oleh DUN, yang lain semua dilantik oleh Duli Yang Maha Mulai untuk memberi nasihat kepada kerajaan, mungkin untuk memberitahu kerana mereka telah mempunyai pengalaman yang begitu luas supaya isu-isu seperti ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Semalam saya lihat di kaca TV Ratu Elizabeth, saya ingat 40 kali lebih sebut *my government, my government, my government, my government*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betul, Tuan Yang di-Pertua, dia kata *my government* kerana itu memang kerajaan dia dan kerajaan dia ada tanggungjawab untuk menasihatkan dia. Macam kita pun ada, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri Ketua Menteri tiap-tiap minggu kena jumpa dengan Yang Di-pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat teruskan, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff tadi hendak minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Boleh, boleh saya habiskan perkara ini kerana ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan bagaimana surat khabar, media dan sebagainya melihat peranan dan mungkin bagaimana kerajaan juga melihat peranan Ahli Dewan negara ini.

Jadi, bagi saya mungkin banyak daripada perkara itu dibangkitkan oleh kerana salah faham. Jadi, kerana itu saya telah cadangkan kepada Dato' Hamzah bin Zainudin pagi ini supaya kita lebih bernesra dengan pihak-pihak ini untuk menjelaskan dan juga mungkin lebih bernesra dengan pihak kerajaan supaya mereka boleh memahami fungsi kita dengan lebih teliti dan jangan melihat kita sebagai satu gangguan tetapi akan berkongsi apa yang patut dilakukan. Sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya berminat dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' cuma saya ingin penjelasan apakah pandangan Yang Berhormat isu di depan kita sekarang melibatkan undang-undang yang berkenaan dengan pakar kimia. Sekiranya mereka itu menjual formula itu kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab, adakah perkara ini termasuk dalam apa yang kita bincangkan dalam akta pada petang ini. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kawalan kalau kita mengawasi perkara ini dengan baik dan kalau banyak negara di dunia ini memahami peranan mereka maka tidak ada masalah. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, serangan kepada Iraq yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan dibantu oleh United Kingdom dan Australia itu sebagai rakan kuat Amerika Syarikat itu. Mereka telah menuduh bahawa WMD (*Weapon of Mass Destruction*) juga termasuk senjata kimia wujud di Iraq. Dan berasaskan kepada ini sungguhpun tidak ada bukti yang kukuh berasaskan kepada ini mereka telah guna kesempatan untuk serang Iraq akibatkan daripada kerajaan yang sah Iraq itu itu dipecat dan kemudian mereka tidak dapat mencari WMD hingga hari ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kalau mereka dapat mencari, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar Yang Berhormat habiskan hujah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng:mungkin arena dunia itu tidak mempersoalkan apa lagi. Sekarang kerana mereka telah buat tuduhan tetapi tidak dapat dibuktikan dan semua pihak termasuk pihak pegawai-pegawai, pakar-pakar mereka telah dihantar masuk Iraq tapi tidak dapat cari. Itu masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila Yang Berhormat masuk isu negara Iraq yang diserang dengan menggunakan kaedah melalui konvensyen ini. Dan Yang Berhormat kata sehingga ini kita tidak dapat cari, dunia tidak dapat cari. Apakah benar Iraq benar-benar membuat penyelidikan

untuk menubuhkan satu loji senjata kimia, sehingga ke hari ini tidak ada. Apakah mungkin konvensyen ini digunakan bagi sesuatu kuasa yang besar untuk menyerang mana-mana negara yang mereka rasa mungkin akan memberi masalah kepada mereka dalam mana-mana konvensyen di peringkat antarabangsa dan kalau ini digunakan oleh negara-negara atau negara-negara besar yang merasakan mereka mampu untuk menyerang mana-mana negara walaupun akhirnya terbukti tidak ada seperti yang dituduh tidak ada langsung seperti di Iraq itu. Tetapi orang kerana mereka ada kuasa besar dan ada konvensyen ini digunakan dengan sewenang-wenangnya. Jadi apa pendapat Yang Berhormat dengan isu ini nanti apakah ia juga boleh membenarkan senjata atau pun membenarkan negara-negara ini buat sekali lagi dengan sewenang-wenangnya kepada negara-negara lain. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah satu pertanyaan yang baik. Bagi saya kita tidak dapat mengelakkan daripada sesuatu kejadian sekiranya pihak-pihak tertentu mahu. Esok kalau Singapura menggunakan apa sebab untuk menyerang Malaysia kita tidak boleh buat apa-apa kecuali kita ada askar-askar, senjata dan sebagainya untuk mempertahankan keadaan. Tetapi kalau kita ada konvensyen-konvensyen antarabangsa kita ada mekanisme. Sekarang kita telah melihat pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada struktur Bangsa-bangsa Bersatu termasuk kawalan yang lebih ketat tentang ahli-ahlinya. Isu-isu semacam ini dibahaskan di arena global pada masa sekarang dan dengan ada mekanisme-mekanisme itu mungkin proses semacam ini akan dikurangkan.

Pengajaran daripada serangan ke atas Iraq yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ini mengakibatkan semua kawan mereka tidak berbaik dengan mereka dan sehingga hari ini mereka masih cuba menjelaskan apa yang telah terjadi.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat isu pokoknya ialah nilai dan peradaban sekali lagi kerana ia menyentuh guna atau salah guna seperti mana pisau boleh digunakan untuk memotong bawang untuk masakan atau membunuh orang. Seperti ubat atau dadah seperti 'pesedin' yang boleh digunakan sebagai ubat atau disalah gunakan sebagai dadah. Maka mekanisme atau konvensyen boleh juga diguna atau disalah guna yang menentukan supaya semua ini tidak disalah guna ialah nilai dan peradaban.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Mungkin separuh betul Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Separuh sahaja?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Separuh betul. Bagi saya ada lagi tindakan-tindakan yang sesuai yang boleh diambil oleh pihak-pihak kita untuk mengelakkan. Kalau ia berlaku maka terpulanglah kepada sesuatu bangsa sesuatu negara itu untuk melakukannya sama ada ia ada perikemanusiaan, bagaimana tentang sikap, perangai mereka dan sebagainya tetapi selain daripada itu ada kawalan-kawalan yang tertentu kerana di dunia sekarang kita ada banyak kawan. Macam Malaysia dipilih menjadi pengerusi dua badan yang penting di dunia iaitu OIC dan NAM. Kenapa? Kerana kita ada pengaruh dan kita didapati satu negara yang moderat, ada potensi untuk memimpin dan sebagainya maka kita diberi peranan itu. Jadi pada saya aspek yang penting juga ialah ketulusan. Kalau kita tunjuk ketulusan dalam sesuatu perbuatan mungkin itu pun boleh diambil kira sebagai satu faktor dan ada faktor-faktor yang lain. Pada hari ini kita sedang membahaskan banyak isu tentang bagaimana kita dapat satu dunia yang lebih aman, lebih bahagia dan satu tempat yang lebih baik untuk semua penduduk dunia.

Bagi saya ini adalah isu-isu yang penting dan kita harus memberi perhatian dan kalau ada konvensyen-konvensyen semacam ini kita harus menyokong. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita mahu membahaskan *Montreal Convention* tetapi malangnya MOT telah menarik balik apa yang mereka bentangkan kerana itu mahu juga supaya Malaysia mengadakan satu rang undang-undang untuk menyesuaikan dengan *Montreal Convention*. *Montreal Convention* juga satu konvensyen yang akan menghalang keganasan yang berlaku. Kalau saya seorang pelancong pergi ke suatu tempat tiba-tiba satu bom meletup, saya terbunuh dan menjadi mangsa. Ini bukan kerana saya sudah salah masa berada di tempat itu. Patutkah itu berlaku?

Dato' Omar bin Faudzar: Minta laluan. Saya hendak bertanya sedikit di antara kuasa dengan undang-undang. Sebab semasa dalam mesyuarat PPB semua negara yang ada dalam mesyuarat semasa hendak buat satu serangan ke atas Iraq. Banyak negara yang tidak bersetuju, banyak negara yang mengatakan kita kena buktikan dahulu bahawa Iraq mempunyai senjata-senjata yang boleh menghancurkan dunia tetapi masih lagi disebabkan kuasa maka Amerika dan negara-negara tertentu masih lagi tidak mengikut persetujuan dalam PBB. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu telah menjadi satu isu kontroversial sehingga hari ini. Tindakan unilateral Tuan Yang di-Pertua, telah berlaku dalam situasi ini dan akibat daripada tindakan sedemikian sampai hari ini mereka telah kena ke pihak-pihak kawan mereka untuk menjelaskan. Ini adalah satu masalah dan mereka bagi saya sungguhpun tidak sebut demikian telah menyesal di atas tindakan mereka itu. Tetapi kerana

Tuan Yang di-Pertua: Kesannya parti Buruh telah kehilangan berpuluh-puluh kerusi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya betul. Tuan Yang di-Pertua, daripada kelebihan 166 kerusi sekarang menang 70 kerusi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana satu isu itu sahaja.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, jadi kerana isu ini mereka telah tertanya-tanya kenapa Great Britain, United Kingdom telah ikut Amerika Syarikat kerana Blair telah memberi maklumat yang tidak betul dan mereka telah tertanya-tanya sama ada mereka berhak menyerang. Pada awalnya pakar-pakar perundangan mereka mengatakan tidak berhak tetapi kemudian mungkin di atas tekanan dan sebagainya mereka telah menukar pendapat.

Akibat daripada itu rakyat mereka tidak menyokong tindakan ini dan sehingga hari ini masih menjadi satu isu kontroversi di negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kini mewujudkan kerajaan yang mempunyai *mandate to govern but not to go to war with George Bush*. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Dia patut tidak ikutlah, tidak ikut sedemikian dan kerana itu.....

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sekejap, oleh kerana itu maka Blair sekarang dipanggil apa, *running dog of a George Bush* atau pengikut dia dan sebagainya dan di arena negara sendiri dia mungkin tidak dapat mempertahankan, mereka telah menyatakan pada akhir tahun ini lebih baik letak jawatan selepas menyelesaikan satu *referendum* dengan Eropah lepas perkara itu habis letak jawatan sungguhpun beliau

berkata, beliau sedia bertugas sehingga akhir tempoh tetapi sekarang mereka kata lebih baik letak jawatan selepas tahun ini, itu akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat tadi Yang Berhormat Dato Dr. Chin Fook Weng ada mengatakan bahawa kemerosotan pengundi untuk parti Tony Blair adalah disebabkan oleh serang di Iraq, tetapi kalau kita tengok balik di Amerika Syarikat, Bush menang lebih bergaya lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua itu ada banyak sebab, satu daripada.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya tadi bukankah mudah Yang Berhormat kata itu soal nilai dan peradaban.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tetapi tidak semata-mata itu Tuan Yang di-Pertua tiap-tiap manusia ada nilai murni jadi kita kata kita semua tidak salah macam mana? Saya kata saya tidak salah saya orang baik, saya orang baik kerana seorang manusia yang pegang kepada semua ciri-ciri baik. Kalau demikian tidak ruang bagi saya buat kesalahan tetapi ada saya buat kesalahan demi kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Maka di sini terbukti negara Inggeris itu bertamadun satu tahap lebih tinggi daripada negara yang satu lagilah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Ketawa]* Saya pun tidak tahulah kerana itu terpulang kepada banyak faktor kalau orang yang pegang kuat kepada agama kata dia seorang baik dan mungkin orang yang tidak pegang kepada agama mungkin dianggap sebagai orang yang tidak baik dan sebagainya, kita pun tidak tahulah dan itu pun menjadi isu di Malaysia hari ini. Bagi saya semua yang telah berlaku itu akibat daripada ketidaktuluan dan oleh kerana itu maka kita perlukan konvensyen-konvensyen semacam ini dan sungguhpun kita tahu bahawa konvensyen ini telah diperbuat pada tahun 1993, 12 tahun kemudian baru sampai masa bagi Malaysia mengambil bahagian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua itu adalah latar belakang yang saya berikan tentang isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baru latar belakang?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ha! Latar belakang Tuan Yang di-Pertua kerana saya tambah rakan saya Dato' Dr. S. Vijayarajam dia bagi kesan-kesan senjata kimia dan sebagainya, saya bagi pandangan dari satu perspektif lain iaitu bagaimana.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta mohon ganggu sebentar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri mampu tunggu untuk ahli-ahli bentangkan hujah-hujah mereka? Sila teruskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri sangat berminat tentang isu ini kerana bila saya tanya beliau kenapa beliau diminta membentangkan ini kerana dia di bawah luar negeri, Kementerian Luar Negeri ini berkenaan dengan senjata kimia. Oleh kerana minat kementerian itu mereka telah diberi tugas untuk itu bagi saya satu kebaikan kerana mereka tahu falsafah pemikiran dan sebagainya di semua konvensyen-konvensyen antarabangsa ini, kenapa sesuatu dibuat dan sebagainya dan mereka dapat banyak taklimat dan panduan daripada duta-duta kita dan wakil-wakil kita di semua jawatankuasa-jawatankuasa ini.

Dengan latar belakang yang begitu luas adalah sesuai supaya beliau mengikuti perbahasan di sini supaya lebih jelas tentang apa yang kita harapkan dan mungkin kelemahan-kelemahan yang kita tunjuk nanti beliau boleh mengambil perhatian dan kemudian membuat sesuatu untuk memperkukuhkan lagi keadaan.

Tuan Yang di-Pertua balik kepada isu-isu yang ada di dalam Rang Undang-undang ini saya hendak rujuk kepada Bahagian 5 iaitu tentang pemeriksaan antarabangsa, *international inspection* yang akan dilakukan oleh satu pasukan yang dinamakan Pasukan Urusetia Teknikal Pertubuhan.

Ini diperuntukkan di bawah Artikel 9 konvensyen tersebut. Artikel 9 itu tajuknya ialah *Consultation Corporation and Fact Finding* dan ini telah berbunyi sedemikian, *The Director General shall transmit the inspection request to the inspected state party not less than 12 hours before the plane arrival of the inspection team at the point of entry.* Ini bagi saya satu perkara yang penting kerana kita telah setuju dengan konvensyen ini dan dalam konvensyen ini Artikel 9 telah menyatakan bahawa pihak Ketua Pengarah apabila beliau dapat satu permohonan supaya satu pemeriksaan dibuat katakan di Malaysia.

Malaysia disyaki mengeluarkan atau menghasilkan bahan senjata kimia ini dan yang buat tuduhan itu satu negara lain, bila dilaporkan kepada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah hanya perlu memberikan kita tidak kurang daripada 12 jam. Selepas 12 jam pasukan yang akan membuat pemeriksaan ini berhak datang ke KLIA, berhak tiba di KLIA dan kita kena layan pasukan itu mengikut konvensyen ini Artikel 9. Saya lihat Rang Undang-undang yang dicadangkan di Bahagian 5 saya nampak ini tidak boleh membolehkan tugas ini dijalankan. Kalau demikian apa baiknya kita setuju dengan Artikel 9, kita telah terima Artikel 9 tetapi tidak boleh dilaksanakan, *cannot put into effect* Tuan Yang di-Pertua.

Kenapa saya sebutkan demikian, kalau kita lihat Bahagian 5 Seksyen 38 itu dia kata seksyen ini diwujudkan untuk menyesuaikan pemeriksaan. Satu pihak, pihak berkuasa kena keluarkan perakuan iaitu sijil. Tanpa sijil, pasukan ini boleh tunggu di KLIA tetapi tidak boleh buat apa. Mereka mesti tunggu sijil ini. Lepas itu Seksyen 39, lepas terima sijil ini baru boleh mula membuat pemeriksaan dan kemudian diperuntukkan bantuan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan untuk pemeriksaan oleh Inspektor Antarabangsa, ini ada diperuntukkan.

Dan di bawah Seksyen 40(3) itu ada disebutkan halangan kepada pemeriksaan. Ada diperuntukkan bahawa kalau sesiapa menghalang dan bersabit kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada RM100,000 atau di penjara tidak lebih daripada 5 tahun.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Bahagian 5 itu ada peruntukan di bawah 40(3) itu tentang denda dan sebagainya kalau sesuatu pihak itu menghalang pemeriksaan. Tetapi bagi saya kalau kita tinjau proses ini, mungkin ini dilihat sebagai satu halangan seolah-olah Malaysia tidak mahu bekerjasama dengan pihak-pihak itu untuk membolehkan pemeriksaan dibuat. Dan akibat daripada itu mungkin isu yang ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi boleh berlaku. Mereka boleh gunakan kesempatan di bawah konvensyen ini, "tuan patut berbuat demikian, saya datang sijil saya tidak dapat, saya pergi tempat itu, saya dihalang dan sebagainya, dilambat-lambatkan mungkin, ambil kesempatan untuk memusnahkan senjata kimia itu".

Jadi ini adalah satu sebab kerana saya mahu serang Malaysia. Patutkah kita memberi satu sebab kepada pihak-pihak ini? Ada juga Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan mendesak mereka kena pohon waran di bawah Seksyen 41, mereka kena pohon waran, mereka kena menghadapi seorang majistret, mungkin kalau hujung minggu majistret tiada, susah nak cari siapa. Bagi saya ini semua buang masa saja. Itu seolah-olah menunjukkan kita tidak ikhlas dalam perkara ini. Dan dikatakan juga kalau waran itu dikeluarkan mereka boleh menggunakan kekerasan, boleh masuk sesuatu bangunan untuk membuat pemeriksaan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tetapi mereka mesti diikuti oleh pihak polis, mesti minta bantuan pegawai polis kalau mahu menggunakan kekerasan yang munasabah dalam keadaan ini. Itu diperuntukkan di bawah Seksyen 42. Kalau kita tanya adakah ini semua menjadi satu halangan atau kita betul-betul ikhlas mahu membantu dalam proses ini. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat saya Dr. Chin. Saya tertarik di atas perbahasan Dr. Chin di atas perkara ini yang bolehkah menjadi satu halangan. Mengikut konvensyen tersebut dan juga Undang-undang OPCW, tiap-tiap negara ahli harus mencipta undang-undang sendiri supaya pemeriksaan-pemeriksaan tersebut boleh dijalankan. Adakah garis panduan-garis panduan tertentu yang dicadangkan oleh konvensyen ini, macam mana undang-undang ini mesti diaturkan, adakah prosesnya atau diberi kebebasan kepada negara yang terlibat. Macam mana undang-undang itu harus dicipta? Saya minta penjelasan dari Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya konvensyen ini ada 24 Artikel saja, jadi tujuan-tujuan yang penting dan sebagainya mungkin ada disebutkan, tetapi secara *detail* kita kena minta pakar kita untuk menjelaskan iaitu Timbalan Menteri yang mendengar perbahasan ini, kerana dari segi *detail* sama ada satu draf perundangan telah juga dicadangkan. Bila kita lihat Suruhanjaya untuk memperbaiki proses kepolisan itu, bila dia buat satu cadangan dia juga ada lampirkan

satu draf perundangan, dia mahu tubuhkan satu agensi baru untuk mengawal selia polis, dia ada buat satu perundangan, satu draf perundangan untuk dibentangkan.

Itu satu mungkin teladan yang baik tapi dalam perkara ini saya tidak tahulah sama ada terpulang kepada negara itu ataupun sudah ada satu garis panduan. Tetapi apabila kita melihat apa yang ada di Artikel 5 ini, bagi saya ada kekurangan dan oleh kerana ini saya telah memberi sedikit pendapat supaya kita mungkin melihat ini untuk membolehkan proses itu dijalankan tanpa apa-apa syak wasangka dan sebagainya supaya tidak ada pihak yang akan menggunakan kesempatan ini untuk serang Malaysia di atas tuduhan kita ada senjata kimia. Kerana mereka datang, mereka tidak dapat layanan yang baik. Pihak kita tidak keluarkan sijil, dari majistret tidak dapat waran, pihak polis diminta bantuan kata sangat sibuk, tidak dapat beri bantuan dan sebagainya. Jadi bagaimana proses ini boleh dilakukan dengan sewajarnya mengikut hasrat konvensyen di bawah artikel yang saya sebutkan itu iaitu Artikel 9.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi yang memberi kuasa kepada....

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Rashid.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih. Saya tertarik hati dengan hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Mengelakkan seberapa boleh daripada sebarang halangan ataupun *restriction*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan kerja-kerja pemeriksaan. Tetapi tidakkah Yang Berhormat memikirkan pula pada satu segi lagi bahawa kita begitu mudah memberi laluan kepada pemeriksaan antarabangsa yang boleh tafsirkan pula, ertinya seolah-olah kita bukanlah sebuah negara yang berdaulat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kedaulatan itu tidak timbul kerana mereka datang ke sini semata-mata dengan persetujuan kita kerana kita telah menjadi seorang ahli dalam perjanjian ini. Apa baiknya kalau kita menandatangani sesuatu perjanjian dan selepas itu kita bertindak lain.

Macam sekarang Tuan Yang di-Pertua, ini pita cetak rompak dan sebagainya, kita telah tandatangani perjanjian dan akibat daripada itu kita diperlukan mengambil tindakan terhadap orang kita yang menggunakan kesempatan kerana kita satu pemain

global yang bertanggungjawab. Kita setuju dengan ini, kalau kita tidak setuju jangan tandatangan. Jangan setuju dengan konvensyen ini, tidak ada orang memaksa kita bersetuju tapi kita setuju sungguhpun kita sudah mengkaji perkara ini, 12 tahun baru kita setuju.

Tetapi bila kita setuju lebih baik kita jadi seorang yang baik, betul-betul setuju dan tidak berpura-pura sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Perkara-perkara 39 dan 40 dalam akta yang sedang kita bincangkan ini adalah pertama sekali membuktikan bahawa kita adalah sebuah negara yang tentunya bagi tiap-tiap sebuah negara itu ada mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturannya sendiri.

Saya kira Perkara 39, 40 dan 41 termasuk juga 42 ini bukanlah suatu halangan tetapi seperti biasa seseorang yang hendak masuk ke dalam sesebuah negara untuk melakukan sesuatu penyiasatan dalam semua aspek termasuklah senjata kimia ini, dia tidaklah boleh masuk begitu sahaja, dia mestilah masuk ke negara kita ini ataupun mana-mana jua negara di bawah peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh negara itu.

Akta ini adalah suatu undang-undang yang di dalamnya terkandung peraturan-peraturan tertentu ataupun undang-undang tertentu bagi seseorang Inspektor Antarabangsa yang hendak datang untuk melakukan sesuatu penyiasatan dalam negara kita ini atau dalam mana-mana negara juga dan dalam akta kita ini saya lihat dia mestilah diiringi sekurang-kurangnya oleh seorang anggota jawatankuasa...seorang inspektor dan juga seorang jawatankuasa yang dibentuk di bawah undang-undang ini.

Jadi dari situlah maknanya mereka ini dipandu, kalau dia pergi sendiri sahaja, dia pun tidak tahu. Jadi peraturan-peraturan yang ada di hadapan kita ini bukanlah merupakan suatu sekatan tetapi untuk membantu mereka supaya mereka hendak pergi ke sesesuatu tempat yang mereka syakki itu bukan mereka pergi ataupun mereka siasat sendiri sahaja kerana kalau mereka siasat sendiri sahaja seperti yang berlaku di Iraq itu misalnya, mereka buat tuduhan, hantar penyiasatan pada peringkat awalnya orang Amerika sahaja, kemudian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kemudian tidak dapat

menghasilkan apa-apa, walaupun sebenarnya diberikan bantuan oleh pakar-pakar kimia daripada Iraq itu sendiri, saya difahamkan begitulah.

Bolehkah bersetuju bahawa perkara-perkara yang terkandung dalam rang undang-undang ini, tadi kata 39, 40, 41 dan 42 itu bukanlah suatu sekatan tetapi sebenarnya untuk memberikan kemudahan kepada Inspektor Antarabangsa yang ditugaskan untuk menyiasat sesebuah negara dan bagi Malaysia ini tentulah juga ada peraturannya yang tertentu dan inilah yang dibentangkan saya rasa di Dewan yang mulia ini supaya kita luluskan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, secara *detail* mungkin kita tidak bersependapat sepenuhnya. Bagi saya kalau kita hendak bantu, kita ada banyak cara untuk membantu, Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh membantu secara ikhlas dan jujur atau kita membantulah dari segi mungkin tidak sepenuh dengan apa yang kita patut berlaku itu.

Bagi saya kalau kita hendak membantu dengan melantik Pihak Berkuasa Kebangsaan, tunggu kedatangan mereka di KLIA, sediakan kereta, bawa mereka ke tempat-tempat mereka ingin melawat dan sebagainya itu baik tetapi saya mempersoalkan proses untuk mendapat sijil ini, untuk mendapat kelulusan itu, untuk mendapat waran dan sebagainya tetapi sebenarnya orang kita bersama dia, orang kita ikut dia, orang kita membawa dia.

Kalau orang kita berbuat semua itu patutkah kita minta semua itu dikeluarkan lagi? Macam mana kalau pihak majistret tidak mahu keluarkan waran dan sebagainya? Kena rayu kepada mahkamahkah? Kena buat apakah dan ini bukannya dilihat sebagai suatu halangan. Bagi saya, saya lihat ini sebagai satu halangan dan mungkin tidak keikhlasan pihak Malaysia ini. Kalau seorang Inspektor Antarabangsa yang datang, itu mungkin tanggapan saya dari segi apa yang berlaku, kita tidak mahu ini wujud.

Oleh kerana itu, kita harus melihat sama ada ini menjadi suatu halangan dan bagaimana kita dapat mempermudah lagi proses itu supaya kita betul-betul membantu kerana kita sendiri tidak bersetuju dengan senjata kimia ini. Kalau kita setuju kenapa kita *sign* konvensyen ini Tuan Yang di-Pertua.

Anggapan saya pada asalnya kita pun tidak sokong supaya diadakan senjata kimia ini. Macam dahulu periuk api, *land mine* kita juga tidak setuju, kita mahu ini

diharamkan kerana kita lihat di Cambodia beberapa orang telah patah kaki, hilang kaki dan sebagainya kerana apa yang berlaku dan kita tidak mahu ini berlaku di Malaysia dan sebagainya. Sehingga hari ini kita masih baca ada kes-kes yang berlaku. Jadi kerana itu maka kita mahu sokong konvensyen ini dan bagi saya kalau mahu sokong, sokong sepenuh-penuhnya jangan ada-apa halangan dari segi perundangan, memperlicinkan lagi proses.

Seksyen 45 iaitu Tuan Yang di-Pertua, ada memberi ruang kalau Inspektor Antarabangsa ini mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan, *delay* dalam memperoleh waran geledah penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai kelakuan kesalahan itu mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan Inspektor Kebangsaan boleh masuk untuk menyita barangan tersebut.

Ayat-ayat semacam ini kita patut menyokong untuk membolehkan pihak itu memainkan satu peranan kerana kita mesti tahu bahawa mereka yang datang daripada urus setia teknikal pertubuhan itu juga pegawai-pegawai yang dilantik dengan persetujuan Malaysia. Semua anggota itu mereka setuju dengan pelantikan dan mungkin kita boleh juga hantar pegawai-pegawai kita bertugas di urus setia ini untuk membuat pemeriksaan di negara-negara lain. Jadi ada ruang bagi semua ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan yang saya ingin buat ialah untuk membolehkan proses-proses pemeriksaan dan sebagainya itu berlaku dengan licin dan juga berlaku dengan tiada apa syak wasangka tentang peranan Malaysia itu ialah tentang Bahagian II iaitu Pihak Berkuasa Kebangsaan.

Tadi Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri telah membahaskan perkara ini berkenaan dengan Pihak Berkuasa Kebangsaan dan beliau telah menyatakan keanggotaannya dan saya bersetuju dengan beliau, semua anggota itu adalah pegawai kerajaan. Tadi beliau telah menyenaraikan pengerusi dan ahli-ahli yang lain. Di bawah konvensyen ini ada peruntukkan bahawa Pihak Berkuasa Kebangsaan atau *National Authority* itu dilaksanakan dan fungsinya ialah mengawasi dan memastikan obligasi Malaysia di bawah konvensyen ini.

Itu adalah tugas mereka, Tuan Yang di-Pertua. Saya ulangi sekali lagi, mengawasi dan memastikan obligasi Malaysia di bawah konvensyen ini, Tuan Yang di-Pertua. Itu sangat jelas. Peranan PBK ialah supaya mengawasi dan memastikan

obligasi Malaysia terhadap konvensyen ini dilakukan dan dilaksanakan dengan penuh tanpa apa-apa syak wasangka. Itu yang penting.

Tetapi bila kita lihat keanggotaan itu, semata-mata keanggotaan ini semua adalah pihak kita sahaja dan kalau semua pihak kita sahaja tentulah ini semua akan memihak kepada Malaysia kerana semua ini adalah orang kita dalam Pihak Berkuasa Kebangsaan ini dan bolehkah mereka memastikan dan mengawasi obligasi Malaysia itu. Itu yang saya hendak tanya.

Kita mahu pihak mengawasi dan memastikan obligasi Malaysia. Kalau mereka tahu bahawa Malaysia tidak ikut konvensyen ini telah melanggar konvensyen ini, adakah mereka kena umumkan di surat khabar atau di dunia bahawa Malaysia itu tidak mengikut dan kalau mereka berbuat demikian, adakah kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap mereka di bawah OSA, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita ada ruang-ruang untuk membolehkan perkara semacam ini berlaku. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau seksyen 6 itu ada ruang bagi keanggotaan daripada pihak bebas itu memainkan peranan mungkin semua syak wasangka itu tidak wujud lagi iaitu pihak bebas, pihak *third party* memainkan peranan dalam Pihak Berkuasa Kebangsaan. Jadi cadangan saya ialah bolehkah kita bagi ruang kepada urus setia teknikal pertubuhan itu supaya hantar pemerhati, bukan. Kalau kita tidak mahu anggota, tidak apa, bolehkah mereka dibenarkan menghantar pemerhati untuk duduk dalam Pihak Berkuasa Kebangsaan (PBK) ini supaya Pihak Berkuasa Kebangsaan yang diwujudkan itu dapat memainkan peranannya dan peranannya sangat jelas di bawah seksyen 7, Tuan Yang di-Pertua iaitu melaksanakan fungsi mengawas dan memastikan obligasi Malaysia.

Bukan saya tidak ada keyakinan terhadap Pihak Berkuasa Kebangsaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya dapati adalah lebih telus kalau kita jemput pemerhati daripada satu pihak yang bebas, *independent party* untuk bersama kita mengawasi perkara ini kerana permulaan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah keikhlasan Malaysia untuk mengambil bahagian dalam konvensyen ini. Jadi sekurang-kurangnya mungkin kerajaan boleh memikir untuk membenarkan pemerhati dalam Pihak Berkuasa Kebangsaan ini dan pemerhati ini boleh membantu mereka untuk mencapai

pengawasan dan untuk memastikan obligasi Malaysia. Itu adalah pendapat saya tentang beberapa aspek rang undang-undang ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada secara *detail* tentang pelaksanaan dan sebagainya dan saya tidak perlu bagi komen terhadap perkara itu.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, rakan saya. Saya ingin tanya sedikit tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin iaitu mengadakan satu golongan pemerhati iaitu nampaknya satu pihak bebas tetapi saya ingin tanya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, dari manakah kita akan mendapat pihak bebas tersebut. Adakah di antara rakyat kita sendiri daripada NGO atau sektor swasta ataupun pemerhati-pemerhati tersebut pun dari luar negara. Bolehkah saya minta pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi apabila saya cadangkan ini, saya ada sebut urus setia teknikal pertubuhan kerana di bawah konvensyen ini kita telah adakan satu pertubuhan dan pertubuhan itu kita setuju dengan pelantikan seorang Ketua Pengarah dan pelantikan ini mungkin dapat sokongan daripada semua ahli yang telah menandatangani konvensyen ini dan ketua pengarah ini yang mewujudkan satu urus setia teknikal pertubuhan yang mungkin pelantikannya juga dipersetujui oleh pihak kita.

Jadi berasaskan kepada itu, maka bagi saya yang paling sesuai ialah wakil daripada urus setia, bukan NGO, bukan siapalah tetapi wakil daripada inilah menjadi pemerhati.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan daripada penjelasan Yang Berhormat sahabat saya ini, bolehkah Yang Berhormat bersetuju kerana saya lihat dalam perkara 6(3) memang tidak menyebutkan menteri, "*6(3) - menteri yang berkenaan boleh berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan (2)(b) ini hingga (g) melantik seorang anggota silih berganti*

untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa Kebangsaan apabila anggota itu tidak dapat hadir di atas.”

Bolehkah Yang Berhormat bersetuju kita tambah, maknanya satu ceraiian lagi. *“(4) bagi memberi kuasa kepada menteri untuk melantik ataupun membenarkan wakil daripada urus setia nasional atau international mengenai senjata kimia ini.”* Kalau ada peruntukan itu, saya rasa tidak ada, maka tidak ada halanganlah, maknanya wakil daripada urus setia itu hadir dalam mesyuarat ataupun bolehkah Yang Berhormat bersetuju, maknanya mesyuarat itu boleh memanggil siapa-siapa atau mana-mana orang atau mana-mana pertubuhan yang ada kaitan yang difikirkan yang patut untuk menghadiri mesyuarat itu kerana sesuatu taklimat dan sebagainya tanpa kita masukkan dalam mana-mana ceraiian di dalam akta ini.

Kalau ini dapat dipersetujui, kita harap akan mendapat penjelasan daripada pihak menteri yang membentangkan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan saya mengenai isu ini ialah supaya membolehkan sama ada sebagai pemerhati atau sebagai anggota. Itu terpulanglah kepada kebijaksanaan menteri berkenaan. Apa yang saya mahu ialah supaya ada ruang bagi pihak-pihak yang bebas dan bertanggungjawab ini supaya datang kerana kita kata kita mahu melaksanakan ini dengan secara jujur, ikhlas dan ketelusan.

Dan kalau demikian, kita takut apa? Tidak ada apa yang kita patut takut kalau kita mahu orang tahu bagi dia, ikut perkembangan kerana badan PBK ini diberi tugas mengawasi dan memastikan obligasi Malaysia, itu yang penting bagi saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagaimanapun tidak apa, kita sudah lihat banyak contoh, IEAE yang mengawasi WMD di Iraq dan sebagainya, pengerusinya sekarang, Mohamed ElBaradei, Amerika Syarikat pun tidak sokong dia tetapi dia seorang yang bebas, dia menjalankan tanggungjawabnya. Pengerusi yang lalu, sungguhpun dia orang Amerika, selepas dia keluar, dia pun bantai Amerika Syarikat.

Jadi, bagi saya semua ini adalah pakar-pakar antarabangsa yang bertanggungjawab dan kita tidak harus ditakuti dengan keanggotaan mereka ini akan mencabar kedaulatan kita atau memberi ruang kepada mereka melakukan sesuatu yang

tidak diinginkan dan sebagainya. Itu tidak wujud bagi saya kerana kita secara terbuka telah menerima konvensyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja hujah-hujah saya dan dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Okey, Datuk Hajah Dayang Mahani.

4.32 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004. Memang banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam, Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Tuan Hassan bin Haji Shukri berkenaan dengan rang undang-undang ini dan pandangan mereka memanglah begitu bernas dan dikupas dengan begitu terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyumbang sedikit kerana sejak kebelakangan ini dan sejak berlakunya aktiviti perang, pada hari ini kebanyakan negara telah mengambil langkah keselamatan dengan mengenalkan beberapa rang undang-undang berkenaan dengan hal ehwal pengawalan ke atas senjata yang digunakan. Tidak ketinggalan dalam hal ini, adalah negara kita iaitu negara Malaysia. Kita juga turut mengambil langkah berjaga-jaga dan dengan ini mewujudkan rang undang-undang yang boleh menghalang dari sudut perolehan, pengeluaran, penyimpanan, pemindahan dan penggunaan senjata kimia bagi tujuan yang tidak baik.

Pada umumnya, saya melihat pengenalan rang undang-undang ini sememangnya sangat baik dan bertepatan dengan masanya, sungguhpun kita menunggu dekat 12 tahun sebelum kita sama-sama mengemukakan undang-undang ini kerana pada ketika ini banyak negara, terutamanya yang mempunyai kekuatan ekonomi sedang cuba berlumba-lumba untuk menghasilkan senjata berbahaya demi untuk melindungi kepentingan mereka sendiri. Kita juga tadi sama-sama mendengar penjelasan yang telah dibuat oleh Dato' Dr. S. Vijayaratnam dan mengupas secara halus jenis, cara aplikasi dan kesan bahaya senjata kimia.

Dalam hal penghasilan senjata berbahaya ini sebenarnya lebih banyak keburukan daripada kebajikannya. Antara keburukan yang akan diperolehi sekiranya penghasilan senjata ini berlaku ialah apabila penghasilan senjata ini dilakukan, sudah pasti ia bukan hanya dihasilkan untuk melindungi semata-mata tetapi pada masa yang sama, pihak yang terbabit akan cuba:

- (i) untuk menguji senjata tersebut agar keberkesanannya menepati cita rasa pembuatnya dan pengujian senjata ini pula sudah pasti akan memakan belanja yang begitu tinggi sama seperti penghasilan senjata kerana ia baru dibuat kali pertama;
- (ii) apabila senjata ini diuji sudah tentu ia membawa satu pencemaran udara yang begitu hebat;
- (iii) apabila banyak yang beranggapan bahawa penghasilan senjata kimia atau senjata bahaya ini mampu melindungi keselamatan serta kepentingan mereka maka sudah pasti mereka akan cuba memilikinya; dan
- (iv) cubaan untuk memiliki senjata berbahaya tersebut akan menyebabkan mereka juga mula berkira-kira untuk menggunakan senjata tersebut, walhal tujuan sebenar mereka memiliki senjata tersebut bukanlah untuk mempertahankan diri ataupun negara sebaliknya mereka akan lebih cenderung untuk menggunakan bagi tujuan menakluki ataupun menakluki negara-negara yang kecil ataupun kurang keupayaan. Pihak yang telah memiliki senjata tersebut tidak kira sama ada mereka sebuah negara yang besar ataupun hanya sebuah organisasi kecil tetapi yang terancang akan cuba menggunakan senjata tersebut bagi tujuan keganasan yang mana pada hari ini trend kegunaan senjata berbahaya ini untuk tujuan keganasan sudah menjadi perkara yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan rang undang-undang berkenaan senjata berbahaya ini adalah pertama kali dilaksanakan di negara ini, maka sudah pasti ia akan menghadapi sedikit kesulitan semasa dimulakan nanti. Ini kerana, sedikit sebanyak

pasti akan ada ketidakserasian antara peraturan yang kita gubal dengan kehendak semasa. Oleh yang demikian, kita seharusnya cuba mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan rang undang-undang ini kelak.

Pada kesempatan ini saya ingin mengutarakan beberapa soalan. Pertama ialah berkenaan dengan pelantikan pihak berkuasa kebangsaan bagi tujuan rang undang-undang ini. Tadi sudah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri tetapi dalam bidang yang lain. Daripada apa yang saya perhatikan di dalam rang undang-undang ini didapati bahawa kesemua ahli yang dilantik untuk menganggotai pihak berkuasa tempatan ini, mereka melihat kepada sudut semuanya datang dari negara kita dan mereka mencadangkan kalau boleh diadakan seorang yang menjadi wakil pemerhati. Tetapi yang saya lihat ialah selain daripada itu, saya setuju kepada mereka ialah bahawasanya saya nampak yang akan dilantik sememangnya layak.

Walau bagaimanapun, bagi jawatan pengerusi yang mana jawatan ini dilantik oleh menteri yang berkenaan, ia sewajarnya dipilih daripada mereka yang benar-benar layak untuk menganggotai organisasi ini kerana pada masa yang akan datang, beliau adalah yang akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengendalikan perjalanan operasi organisasi tersebut. Dalam masa yang sama, penguatkuasaan rang undang-undang yang dibahaskan pada hari ini untuk memberikan lebih kepastian, saya mohon kepada pihak yang berkenaan agar dapat apa kiranya memberi penjelasan berkenaan dengan kriteria-kriteria penting yang digunakan untuk memilih jawatan nombor satu dalam pihak berkuasa kebangsaan ini.

Ini kerana, pelantikan jawatankuasa ataupun jawatan Pengerusi bagi organisasi ini adalah amat penting kerana dalam masa yang sama, sebenarnya ia turut melibatkan keselamatan negara serta penduduk keseluruhannya. Oleh itu, perlulah ada kriteria yang ketat bagi pemilihan tersebut dan wajarlah, contohnya, perlu memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai bidang pertahanan negara dan industri kimia.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang kedua yang ingin saya timbulkan ialah berkenaan dengan aktiviti penguatkuasaan. Menurut Akta ini, kuasa penguatkuasaan akan dijalankan oleh seorang Inspektor Kebangsaan iaitu seorang pegawai polis yang

berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dan Pegawai Kanan Kastam. Pada umumnya, saya bersetuju dengan pilihan pegawai-pegawai yang berlatarbelakangkan pasukan beruniform ini kerana mereka sudah biasa dan terlatih untuk melakukan kerja-kerja seperti penyiasatan, penguatkuasaan dan seumpamanya.

Walaupun begitu, saya turut berharap agar pegawai-pegawai yang dipilih ini merupakan mereka yang telah memiliki rekod perkhidmatan yang terbaik serta berjaya dalam setiap aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan yang pernah dilakukan semasa dalam perkhidmatan terdahulu. Keadaan ini sebenarnya untuk menjamin kelancaran kerja-kerja tersebut dan yang paling penting seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini ialah kerja-kerja yang mereka lakukan adalah merupakan kerja-kerja untuk melindungi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti pegawai-pegawai yang dilantik untuk menguruskan operasi di bawah Pihak Berkuasa Kebangsaan ini kelak akan terdedah dengan pelbagai ancaman serta kesulitan semasa mereka menjalankan tugas. Oleh itu, saya ingin memohon kepada pihak yang berkenaan agar memberi penjelasan sama ada pegawai-pegawai tersebut mendapat perlindungan dan dalam bentuk apakah perlindungan tersebut diberikan.

Akhir sekali, saya ingin hanya menyentuh iaitu kita sekali-skala dikejutkan di dalam akhbar atas penemuan buangan toksik yang boleh mencemar alam sekitar, sama ada di sungai, lautan, udara dan penghuni di kawasan bahan-bahan toksik itu dibuang. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah akta yang sedia ada ataupun peruntukan yang memastikan untuk mengajikan seorang Pengurus yang pakar tentang bahaya kimia ataupun bahan-bahan toksik supaya cara untuk membuang ataupun *dispose* sisa-sisa toksik ini dapat dikendalikan dengan baik kerana kita nampak bahawasanya hanya apabila ada penemuan, barulah ada satu tindakan dibuat.

Kadang-kadang saya tadi berbahas dengan Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin. Mungkin mereka ini ataupun pengusaha-pengusaha ini cuba untuk menjimatkan kewangan dengan tidak mengadakan seorang Pegawai Pakar dalam bidang itu untuk digajikan. Tetapi, kalaulah mereka mampu mengajikan pegawai-pegawai lain yang perlu dalam pengurusan mereka, maka ini adalah satu kemestian dan patutlah dibuat ataupun dimasukkan dalam perundangan yang ini menjadi satu

kewajipan kepada pengurus-pengurus ini supaya cara untuk membuang toksik ataupun sisa-sisa toksik ini dibuat dengan cara teratur dan berdisiplin supaya kehidupan mereka yang terlibat, tidak kiralah sebab kita sebut apabila kehidupan ini semua.

Bukan sahaja bilangan manusia yang terjejas, air sungai boleh dicemari, lautan dan boleh mengakibatkan kematian. Segala ikan dan sebagainya menjadi sumber untuk kehidupan kita. Saya mohon penjelasan dan saya berdoa dengan adanya perundangan undang-undang seperti Konvensyen Senjata Kimia 2004 serta akta-akta yang berasingan, yang ada kaitannya dengan senjata kimia, agen kawalan rusuhan, bahan kimia toksik dan semua akta-akta yang ada kaitan dengannya, berupaya untuk melindungi negara dan rakyatnya. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin juga berbahas? Kalau tidak ada, saya minta pihak kerajaan untuk memberi jawapan. Sila Yang Berhormat.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 atau RUU.KSK.2004.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam telah dengan panjang lebar menghuraikan kesan penggunaan senjata kimia. Kebanyakan bahan-bahan kimia toksik yang disebutkan adalah di bawah Jadual 1. Beliau juga telah menjelaskan tanggungjawab Malaysia sebagai Negara Pihak. Saya amat berterima kasih dengan penjelasan oleh beliau. Negara Pihak CWC adalah 168 bukannya 169 seperti yang telah disebutkan oleh beliau tadi. Terdapat di dalam web OPCW iaitu mengikut dalam web yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' tadi. Sememangnya kesedaran bahawa betapa berbahayanya bahan kimia ini, maka Rang Undang-undang ini digubalkan. Berhubung dengan pemeriksaan Inspektor Antarabangsa, saya perlu tegaskan di sini bahawa sebelum pemeriksaan, ia perlu dipersetujui oleh kerajaan dan Inspektor Kebangsaan perlu berada bersama. Kedaulatan negara akan dapat dijaga.

Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri telah menyentuh beberapa negara berkenaan dengan keahlian Jawatankuasa Kebangsaan. Sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua jelaskan, bahawa isu Iran pun telah disebut dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum, isu senjata nuklear adalah di bawah *Non-Proliferation Treaty*, bukan di bawah konvensyen yang kita sedang bincangkan.

Iran perlu menepati obligasi-obligasi di bawah *treaty*nya yang dibahaskan kita di sini, isu senjata kimia dan ada juga beliau bertanya, mengapakah negara-negara tertentu tidak menyalahkan Israel walaupun negara itu dianggap mempunyai senjata-senjata tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan kemungkinan Israel mempunyai senjata-senjata tersebut, tetapi saya juga tidak boleh mengatakan di sini, ia ini adalah fakta yang benar.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah panjang lebar membahaskan rang undang-undang ini dan beliau berkata "biar lambat asal dibuat". Terima kasih Yang Berhormat Dato' oleh kerana menyokong Rang Undang-undang ini dan seperti telah diterangkan dalam ucapan pembentangan tadi, Konvensyen Senjata Kimia rumit dan memerlukan masa untuk menyediakan di samping keperluan memaklumkan kepada pihak-pihak industri-industri dalaman negara kita.

Laman *web* Pihak Berkuasa Kebangsaan memang dalam rancangan, Tuan Yang di-Pertua, dan untuk memudahkan orang awam terutama pihak industri lebih faham akan akta ini kelak kita akan menyeru supaya Pihak Berkuasa Kebangsaan akan menyediakan laman *web* seperti mana yang telah Yang Berhormat Dato' baca dari laman *web* yang disediakan *None Governmental Organization* NGO. Dalam ucapan ataupun dalam perbahasan, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi Yang Berhormat Dato' Hamzah telah mencelah dan menanyakan bagaimanakah formula yang sedia ada untuk membuat senjata kimia. Kalau senjata kimia itu dihapuskan bagaimanakah formulanya. Jadi saya boleh katakan di sini bahawa formula kalau tiada kimia, tidak akan jadi senjata. Mungkin formula itu boleh dimasukkan untuk pengajaran sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, Iraq bukan negara pihak kepada CWC,

tindakan *unilateral* Amerika Syarikat ke atas Iraq tidak berasaskan konvensyen senjata kimia. Ia diasaskan alasan-alasan ataupun faktor-faktor lain.

Tindakan *unilateral* berkenaan sememangnya tidak *disanction* oleh banyak negara di dunia ini. Pembaharuan atau penstrukturan semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah antara usaha dunia ke arah membendung tindakan sebegini di masa hadapan. Tidak dapat dinafikan bahawa tindakan berkenaan boleh diambil oleh kuasa besar tetapi ia tidak bermakna kita tidak boleh mewujudkan konvensyen-konvensyen untuk mengawal aktiviti-aktiviti berkaitan dengan senjata berbahaya sama ada kimia, biologi dan lain-lain. Kita gubal undang-undang untuk kepentingan industri-industri kita sebagaimana yang telah saya jelaskan pada pagi tadi.

Seksyen-seksyen 38, 39, 40, 41, dan 42 bukanlah merupakan satu halangan kepada inspektor antarabangsa Tuan Yang di-Pertua. Seksyen-seksyen ini bertujuan untuk melicinkan dan membantu pihak berkenaan sekiranya timbul keadaan yang tidak diingini berlaku tanpa peruntukkan. Tanpa peruntukkan ia mungkin akan menjejaskan tugas pihak berkenaan dalam menjalankan pemeriksaan mereka. Seksyen berkenaan tidak bercanggah dengan peruntukan konvensyen ataupun yang diperuntukkan pada Fasal 9 yang telah disebutkan tadi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bangun*]

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]. Katalah seorang warga negara Malaysia mempunyai kilang kimia. Kemudian ianya telah dilaporkan kepada Urus Setia Konvensyen Kimia Antarabangsa ini dan inspektornya datang hendak memeriksa kilang tersebut. Adakah inspektor itu boleh datang sendiri sahaja tanpa dibantu oleh inspektor kebangsaan atau oleh salah seorang Jawatankuasa Kebangsaan. Dia datang begitu sahaja. Kemudian jika sekiranya tuan punya industri itu menghalang. Dia datang kemudian dihalang. Adakah pihak daripada Urus Setia Konvensyen ini boleh datang sendiri. boleh pergi masuk ke dalam industri itu tanpa diiringi oleh pihak-pihak Jawatankuasa Kebangsaan di sini ataupun Inspektor Kebangsaan Kimia di Malaysia ini? Saya mohon penjelasan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya negara kita ada peruntukan undang-undang untuk melindungi sesiapaupun walaupun dia pengusaha industri-industri atau orang perseorangan dan ada prosedur tertentu untuk seseorang ataupun inspektor antarabangsa untuk datang ke kilang dia kah atau memeriksa apa yang dia buat. Oleh kerana yang demikian, maka disediakan kita prosedur-prosedur tertentu dalam peruntukan undang-undang yang kita sedang bentangkan di sini. Untuk makluman Yang Berhormat, OPCW ada menyediakan *National Inspection Kit* sebagai prosedur untuk mendraf undang-undang dan rang undang-undang kita yang dibentangkan di sini adalah didraf mengikuti *Kit* yang disediakan oleh OPCW. Kita pun telah mendapat contoh-contoh dari negara-negara lain dan selepas kita meneliti contoh-contoh akta-akta ataupun undang-undang yang ada di negara-negara lain, maka didrafkan rang undang-undang yang kita sedang bincangkan sekarang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Timbalan Menteri kerana memberi laluan. Apa yang saya hendak tahu ialah tentang draf yang telah disebutkan itu. Bolehkah kita diberitahu siapakah pihak yang menyediakan draf itu dan semasa draf itu dirangkaan, adakah Malaysia terlibat, adalah Malaysia dijemput untuk memberi pandangan dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr, Chin. Sebenarnya Malaysia adalah sebuah negara pihak ... dan pada sekarang Malaysia adalah sebuah negara yang menjadi ahli kepada CWC. Jadi, pandangan kita dan pemikiran negara kita telah disampaikan pada mesyuarat-mesyuarat yang mereka adakan. Berdasarkan *National Implementation Kit* yang disediakan oleh OPCW ini, maka terdapatlah rang undang-undang yang kita sedang bincangkan sekarang.

Didapati tidak ada percanggahan di antara seksyen 38 hingga 42 itu tadi dengan Seksyen 9 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat pun telah membahaskan penubuhan PBK, tujuan PBK ditubuhkan adalah untuk mengawasi obligasi Malaysia di bawah *convention* tersebut. Semestinya penggubalan RUU KSK 2004, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah mengambil kira, apa yang telah saya

sebutkan tadi iaitu berkenaan dengan *national inspection kid* yang disediakan oleh OPCW. Keanggotaan PBK dalam akta undang-undang negara iaitu untuk menyediakan *independent party* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi, saya setuju dengan ketelusan tetapi ketulusan yang dilaksanakan sewajarnya itu tidaklah sampai rahsia industri dan kerajaan kita dimaklumkan.

Keanggotaan PBK termasuk orang luar tidak diperuntukkan di bawah PWC. Saya rasa dalam PBK, Amerika Syarikat pun tidak ada orang luar yang menganggotainya. *Trust convention* adalah mengamal dan obligasi PBK antara lain memastikan bahawa bagi aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan segala peraturan kebenaran dan sebagainya yang perlu dipatuhi diikuti. Tidak timbul kita tidak melaporkan kepada OPCW perkara-perkara tertentu.

Kita perlu ingat kalau kita eksport ada penerimanya dan juga negara di sebelah pihak. Jadi kita tidak lapor OPCW akan tahu, kita pun telah mengatakan bahawa kita tidak mengeluarkan senjata kimia. Jadi kita tidak perlu import *production material* yang berkaitan dengan pengeluaran senjata kimia yang dimaksudkan dalam *konvensyen* yang dibahaskan di sini.

Yang keempat, tadi Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani telah mencadangkan keahlian PBK untuk kebaikan negara. Beliau juga telah membangkitkan isu *toxic waste* atau sisa toksik. Berkenaan dengan sisa toksik suka saya memaklumkan di sini bahawa isu sisa toksik adalah di luar KSK 2004 dan tidak dimasukkan dalam Rang Undang-Undang ini. Ia dibangkitkan dalam rang undang-undang atau akta yang berlainan.

Saya mengambil maklum soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang kriteria yang perlu dijelaskan untuk pemilihan pengerusi dan juga tentang latar belakang anggota-anggota PBK. Kita akan memastikan kriteria-kriteria ini diambil kira. Mengenai mereka yang dilantik sebagai Inspektor Kebangsaan, mereka tentulah yang berpengalaman dan mereka akan dibimbing oleh menteri yang berkenaan iaitu Menteri Luar Malaysia.

Beberapa isu lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam perbahasan dan pencelahan tadi ada berkait rapat dengan apa yang telah saya jawab, maka dengan kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi jawapan yang begitu terperinci berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Pengerusi, minta penjelasan, bukankah ada pindaan-pindaan dalam jawatankuasa yang dicadangkan oleh kerajaan. Kertas putih ini? [*Sambil menunjukkan ke dalam Dewan*]

Tuan Pengerusi: Pindaan yang dibuat dalam Jawatankuasa di Dewan Rakyat. [*Setiausaha mengedarkan kepada Timbalan Yang di-Pertua*] Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini adalah dibuat untuk di bincang sekali sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang tadi, kita bincang sekali gus.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG
AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2005
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

5.13 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah Akta mengenai saraan Ahli Parlimen, iaitu kefahaman kita Ahli Dewan Negara seperti Yang Berhormat Senator sekalian dan juga Ahli Dewan Rakyat. Kemudian juga Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara berkaitan dengannya.

Jadi tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi menaikkan saraan sebanyak 10% daripada kadar sekarang dan ianya kita mohon untuk berkuat kuasa ke belakang iaitu pada 1 Januari 2004. Sebelum saya meneruskan dengan ucapan saya sebagai latar belakang pada Rang Undang-undang ini ingin saya menyatakan di sini, iaitu bahawa ianya merupakan satu perkara yang dengan izin, *consequential* kerana kalau kita masih ingat iaitu waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama Malaysia tentang Bajet 2005 pada bulan September tahun lepas, dalam bajet itu beliau telah pun bersetuju untuk menaikkan gaji dan saraan pegawai kerajaan yang mana kenaikan itu ialah di antara 4% hingga ke 10%.

Jadi bermakna bahawa kenaikan gaji ini sebenarnya bukan di atas permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang ini kita kena perjelaskan sebab kita tidak mahu pada waktu dan ketika barang-barang harga naik seperti diesel dan banyak lagi, *taxi fare* pun naik. Dalam hal keadaan perkara ini semua naik, maka dalam masa itu saraan kepada Ahli Parlimen dan anggota pentadbiran juga dinaikkan. Ini akan menampakkan

kita sebagai tidak sensitif di atas masalah yang dihadapi oleh rakyat yang lain gaji mereka tidak dinaikkan tetapi kita punya saraan dinaikkan.

Jadi sebenarnya ia merupakan kebetulan. Sepatutnya kita pun naik sama pada tahun lepas, pada bulan sembilan, tetapi oleh kerana Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini, kenaikan kita ini hanya boleh dilakukan dengan meminda Rang Undang-undang Akta Ahli Parlimen ini yang khususnya untuk kita, maka di dalam kesempatan yang terawal yang boleh dilakukan ialah pada *session* pertama pada tahun ini. Jadi sebab itu dia naik sekarang, bukan kerana kita ini tidak sensitif tetapi kita tidak ada pilihan kerana mengikut apa yang telah saya sebut, ini merupakan satu Akta yang dipinda kerana *consequential*, kerana pegawai kerajaan punya saraan naik pada bulan sembilan jadi kita pun kena naik.

Kalau kita hendak naik, kita kena pinda Akta Ahli Parlimen ini. Kenaikan yang diberikan kepada pegawai kerajaan adalah di antara 4% dengan 10%. Ini terpulanglah kepada pihak JPA untuk menentukan berapa peratusan yang harus dinaikkan di kalangan pegawai kerajaan, tetapi bagi kita Ahli Parlimen tidak mungkin kita boleh membeza-bezakan di antara Ahli Dewan Negara sesama Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat sesama Ahli Dewan Rakyat yang mana patut boleh naik 4%, yang mana patut naik 10% sebab tidak berlaku satu penilaian yang dibuat sesama kita dan tidak pernah dilakukan pun.

Jadi sesama kita tidak ada penilaian yang dibuat sama ada Senator ini bagus kena naik 6%, Senator ini tidak bagus naik 4% sahaja, tidak ada berlaku penilaian di kalangan kita. Maka oleh kerana itu kita telah memutuskan iaitu kenaikan ini ialah sama kepada semua di peringkat yang tertinggi iaitu 10%.

Jangan pula sebab saya pernah mendengar satu komen daripada Chandra Mudzaffar yang mengatakan kalau pegawai kerajaan naik antara 4% hingga 10% kenapa kita naik 10%. Bezanya ialah kerana tidak ada berlaku penilaian di kalangan kita. Kita tidak ada perbezaan di antara kita ataupun sesama kita dengan Dewan Rakyat. Oleh kerana itu kita naik semua 10% *across the board*. Itulah sebabnya mengapa kenaikan ini merupakan kenaikan 10% kepada semua dan tidak ada perbezaan sesama kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga sebagai latar belakang kerana ia *consequential* maka kita tidak ada pilihan. Kalau gaji pegawai kerajaan naik maka kita pun naik dan ia *consequential*. Kerana amalan kita ialah kita punya saraan ini Dewan Negara dan Dewan Rakyat di *benchmark* kan dengan gaji pegawai kerajaan dengan izin. Ia bukan satu perkara yang luar biasa kepada kita malah ia merupakan perkara biasa kerana di semua negara pada umumnya saraan kepada Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat ini sememangnya di *benchmark* dengan izin kepada gaji pegawai kerajaan. Jadi apabila ia naik maka kita pun naiklah. Cuma ada dua negara sahaja yang mana gaji itu di *benchmark* mengikut gaji swasta iaitu di Singapura dan Hong Kong. Ini berlaku disebabkan mereka menghadapi masalah kerana tidak ada orang yang berminat dengan politik. Di Singapura kita tahu bahawa begitu sukar untuk meminta atau menggalakkan orang-orang Singapura untuk menjadi wakil rakyat, dia tidak hendak. Sebab dia merasakan apa yang dilakukan tidak setimpal apa yang dia dapat. Begitu juga di Hong Kong, orang tidak minat hendak menjadi wakil rakyat. Oleh kerana itu suka atau tidak suka untuk menarik perhatian mereka kepada politik dan menjadi wakil rakyat di Singapura dan Hong Kong saraan Ahli-ahli Parlimen ini di *benchmark* terhadap pendapatan di sektor swasta, sebab itu mereka lebih sedikit. Kalau kita banding dan tengok saraan yang diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat di Singapura ialah kalau tidak silap saya 20 ribu singapura. Kalau boleh kita hendak tukar 'sing' kepada 'RM' tetapi kalau hendak dapat RM20 ribu itu terlalu banyak untuk diberikan kepada Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat kita. Sebab itulah saraan kita ini di *benchmark* dengan izin *against* gaji pegawai kerajaan.

Saya memberi penjelasan di peringkat awal supaya Yang Berhormat Senator akan faham. Jangan pula tiba-tiba kita kata Yang Berhormat Senator tidak pernah pun minta gaji dinaikkan. Mengapa tiba-tiba naik. Mengapa perlu berlaku. Nampaknya seolah-olah kalau dinaikkan tanpa runding daripada kita. Ada kemungkinan kita tidak bersetuju sebab ia berlaku waktu rakyat lain tidak naik gaji tetapi kita naik gaji, kita pun rasa malu juga.

Jadi saya memberi penjelasan dalam mukadimah ini supaya kita faham iaitu sebenarnya kita tidak ada pilihan melainkan untuk menerima pindaan kerana ini

merupakan *consequential* pada kenaikan gaji pegawai-pegawai kerajaan yang telah diumumkan dalam bajet tahun lepas, bajet tahun 2005 yang dibentangkan pada tahun lepas. Ini sebagai latar belakang supaya kita faham iaitu bahawa kita tidak pernah minta kenaikan saraan kita apatah lagi berlaku ketika banyak harga barang naik. Orang lain tidak naik gaji tetapi kita naik. Kita pun merasa malu juga kita ada maruah. Tetapi kita kena terima kerana ia merupakan *consequential* sebab ia hanya boleh dilaksanakan setelah kita meminda Akta Parlimen ini, itulah sebabnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Pindaan ini dibuat bukan semata-mata untuk kenaikan elaun kepada Ahli-ahli Parlimen sahaja tetapi *consequential* daripada apa yang dilakukan kepada pegawai kerajaan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, itulah sebabnya mengapa pada hari ini kita membentangkan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1(1) dan (2) rang undang-undang adalah mengenai nama rang undang-undang yang dipinda iaitu Akta Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2005 dan tarikh berkuat kuasanya ialah pada 1 Januari 2004. Orang akan bertanya mengapa tidak kepada 1 Januari 2005? Tidak boleh sebab gaji pegawai kerajaan yang diumumkan pada Bajet 2005 yang dibentangkan pada tahun lepas pada bulan September ia *back date* kepada 1 Januari 2004 tahun lepas. Jadi kita pun kena 2004, kita tidak bolehlah lain kita kena sama. Jadi untunglah kepada kita kerana banyak bulan tu. Saya percaya ini dapat sokongan kuat jugalah. Kita *back date* kepada 1 Januari 2004.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 3 akta ibu Fasal 2 (a)(i) mencadangkan elaun bulanan bagi Ahli Dewan Negara dinaikkan daripada RM3,738.90 kepada RM4,112.79 sebulan.

Kemudian fasal 2(a)(ii) mencadangkan supaya elaun bulanan bagi Ahli Dewan Rakyat, ini sayalah, dinaikkan daripada RM5,916.90 kepada RM6,508.59 sebulan.

Fasal 2(b) pula mencadangkan supaya elaun bulanan Ketua Pembangkang, walaupun pun dok maki hamun kita bagi juga dia elaun maki hamun iaitu - itu menunjukkan betapa Kerajaan Malaysia cukup adil kerana bukan sahaja menaikkan gaji orang yang memuji kita tetapi yang memaki hamun kita tiap-tiap hari pun kita naikan juga iaitu daripada RM3,496.90 kepada RM3,846.59 sebulan. Jadi Ketua Pembangkang

ini dapat sebagai Ahli Parlimen dia dapat juga dan sebagai Ketua Pembangkang pun dia dapat dan kerja dia memanglah maki kita hari-hari.

Kemudian Fasal 3 rang undang-undang bertujuan meminda seksyen 4 akta ibu iaitu mengenai gaji Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Fasal 3(a) mencadangkan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM12,927.20 kepada RM14,219.92 sebulan. Manakala Fasal 3(b) pula mencadangkan gaji Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM8,800 kepada RM9,680 sebulan. Yang Berhormat kena belanja, hendak bentang bukan senang. Kalau saya tidak bentang tidak sokong ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sama-samalah kita. Fasal 4 (a) Rang Undang-undang adalah bertujuan bagi meminda Seksyen 6 (1) Akta Ibu iaitu mengenai gaji anggota pentadbiran iaitu seperti berikut:

Pertama, Fasal 4(a)(i) mencadangkan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dinaikkan daripada RM20,751.50 kepada RM22,826.65 sebulan.

Kedua, Fasal 4(a)(ii) mencadangkan gaji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dinaikkan daripada RM16,516.50 kepada RM18,168.15 sebulan.

Ketiga, Fasal 4(a)(iii) mencadangkan gaji Yang Berhormat Menteri – ini nampaknya sayalah yang kena belanja – dinaikkan daripada RM13,552 kepada RM14,907.20 sebulan.

Keempat, Fasal 4(a)(iv) mencadangkan gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri dinaikkan daripada RM9,861.50 kepada RM10,847.65 sebulan.

Kelima, Fasal 4(a)(v) mencadangkan gaji Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dinaikkan dari RM6,534 kepada RM7,187.40 sebulan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengenangkan jasa baik Yang Berhormat tadi saya panjangkan 15 minit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Panjangkan 10 minit? Tapi saya dah nak habis dah Yang Berhormat. Memang dah nak habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi 15 minit, tak apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya tidak berhutang apa dengan Yang Berhormatlah sebab memang nak habis pun. *[Ketawa]*

Fasal 4(b) dan (c) Rang Undang-undang pula adalah bagi meminda Seksyen 6(3) dan 6(4) Akta Ibu iaitu mengenai elaun Ketua Dewan Rakyat dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat. Fasal 4(b) mencadangkan elaun Ketua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM3,496.90 kepada RM3,846.59 sebulan iaitu menyamai elaun Ketua Pembangkang seperti cadangan di Fasal 2(B) Rang Undang-undang.

Fasal 4(c) pula mencadangkan elaun Timbalan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM1,802.90 kepada RM1,983.19 sebulan. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-undang ini ialah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarif gaji dan elaun bulanan itu kena dibayar iaitu dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2004.

Kenaikan gaji dan elaun bulanan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM3,120,428.52 setahun. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh sebab masa telah melebihi masa yang telah dihadkan maka kita akan buka untuk perbahasan pada jam 10.00 pagi esok. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang

3 Mei 2005

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid
Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
- " Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

-
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
 - " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
 - " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
 - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
 - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
 - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
 - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
 - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
 - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
 - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
 - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
 - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
 - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
 - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
 - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
 - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
 - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
 - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
 - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
 - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
 - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
 - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
 - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
 - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
 - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
 - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
 - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

- " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
- " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor